

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

LANGGAN AKHBAR AMANAH PERCUMA T-SHIRT

DAPATKAN SEGERA!!

01132334322
untuk urusan tempahan

60% pengundi rasa ekonomi negara di landasan salah

→ ms2

Kes saman Khalid tolak RUU355 mula dengan mediasi

RUU
RANG UNDANG-UNDANG
355



ECRL projek mega nasional dikuasai China



Isa dibawa ke Mahkamah Tinggi Putrajaya untuk di reman 16 Ogos lepas selepas ditahan pada 15 Ogos ekoran siasatan terhadap penyelewengan Felda.

KORBAN ISA SELAMAT NAJIB?



APAKAH penahanan Tan Sri Isa Samad adalah satu lagi drama menjelang pilihan raya umum akan datang sebagaimana drama-drama menjelang pilihan sebelum ini? Atau ia langkah untuk menyelamatkan nama baik Datuk Seri Najib Razak yang terlibat dengan 1MDB dan menjadikan Isa sebagai korban ekoran kemarahan peneroka Felda terhadap Isa? Inilah yang dibimbangi dengan penahanan Isa.

Laporan penuh muka 9 →

Natural Safe Effective

Olive
Sabun Manjakani

SABUN MANJAKANI
KAPSUL MANJAKANI

OTHER PRODUCTS:

- ☑ HANDMADE
- ☑ NO HARMFUL CHEMICALS
- ☑ PARABEN FREE
- ☑ HALAL

SOAPS
BODYSKRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA
SUPPLEMENTS

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

DR. OLIVE
BODY CARE

Tun M tidak undur dengan gangguan

KETIKA media melaporkan, siasatan awal polis mendapati tiga suspek yang ditahan atas dakwaan mencetuskan kecauan semasa forum Nothing to Hide 2.0 dibayar RM50 seorang untuk hadir ke majlis itu, Tun Dr Mahathir Mohamad pula tidak terkesan dengan kejadian itu.

Beliau terus menyertai program yang dirancang untuk beliau di seluruh negara termasuk program 'Jelajah 1MDB' di Pulau Pinang dan Ipoh.

Menurut portal The Malaysian Insight, tiga remaja itu adalah dalam kalangan sebuah kumpulan besar yang diminta berhimpun di sebuah lokasi di Setiawangsa. Di situ, mereka diberikan kemeja-T dengan logo Bersatu, kata sumber yang dekat dengan siasatan berkenaan.

Polis Selangor yang diketuai oleh polis Shah Alam sedang menyemak gambar-gambar dan rakaman video untuk mengenal pasti identiti anggota lain kumpulan itu. Tiga remaja yang



Kekecohan yang dibuat di program 'Nothing to hide' tidak patahkan semangat Tun Dr Mahathir.

awal dicekup selepas kejadian itu ditahan reman selama empat hari sehingga 17 Ogos ini.

Mereka disiasat mengikut Seksyen 15(2)(d) Akta Perhimpunan Aman 2012, Seksyen 153 Kanun Keseksaan kerana merusuh serta Seksyen 8 Akta Bahan Kakistan Letupan dan Senjata Berbahaya.

Forum semalam bertukar kecoh selepas individu tidak

dikenali dari tengah hadirin membalik kasut dan botol air ke arah pentas tempat Dr Mahathir Mohamad duduk menjawab soalan daripada peserta forum. Kerusi, dan suar yang dinyala, kemudian dibaling ke sekitar dewan. Ketika keadaan bertukar kecoh, Dr Mahathir dan pemimpin Pakatan Harapan yang lain dibawa keluar ke tempat lebih selamat.

Unit keselamatan Bersatu kemudian mencekup tiga remaja berumur 17, 18 dan 19, dan menyerahkan mereka kepada polis.

Ketua sayap pemuda Bersatu Syed Saddiq Syed Abdul Rahman menafikan tiga remaja itu anggota partinya berdasarkan semakan rekod keahlian dan kemeja-T yang mereka pakai bukan kemeja-T rasmi parti.

60% pengundi rasa ekonomi negara di landasan salah

KAJIAN yang dibuat oleh INVOKE mendapati, lebih dari 60% pengundi merasakan ekonomi negara berada pada landasan yang salah.

Mereka juga merasakan keadaan sekarang lebih buruk dari 4 tahun lalu dan akan kekal buruk tahun depan.

Sehubungan dengan itu, sentimen pengundi terhadap prestasi pengurusan ekonomi Datuk Seri Najib Tun Razak adalah begitu rendah.

"Pada masa isu-isu ekonomi rakyat adalah isu yang menentukan pilihan parti mana, sentimen yang begitu negatif membayangkan keputusan PRU14 yang tidak berpihak kepada Barisan Nasional," kata Pengasas INVOKE, Rafizi Ramli dalam satu kenyataan tentang kajian itu.

Menurutnya, setimen pengundi Melayu yang berpuas hati dengan suasana ekonomi (sekitar 40% ke 45%) adalah selari dengan tahap sokongan pengundi Melayu kepada Umno dan peratusan pengundi yang masih mahukan Najib kekal sebagai Perdana Menteri.

"Mengambil kira sentimen pengundi yang tidak berpuas hati dengan prestasi pengurusan ekonomi Najib, besar kemungkinan PRU14 tidak dipanggil tahun ini untuk membolehkan isu-isu ekonomi diselesaikan dengan lebih baik," kata Rafizi.

Penyelesaian kepada isu-isu kenaikan harga barang, gaji dan sentimen suasana ekonomi dijangka mengambil masa yang lebih panjang dari tempoh 3-4 bulan (masa berbaki tahun ini), katanya.

Dapatan itu diperolehi dari jawapan yang diberikan oleh 3,783 orang pengundi yang menjawab kesemua soalan yang ditanya kepada mereka oleh INVOKE.

Seramai 1.94 juta orang pengundi berdaftar didail secara rawak. Dari jumlah itu, 22,376 orang pengundi mengangkat telefon dan 3,783 orang pengundi menjawab kesemua soalan yang ditanya. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut: Melayu (59%), Cina (26%), India (7%), Bumiputra Sabah/Sarawak (8%).

Kes saman Khalid terhadap Berita Harian mula dengan mediasi

KES saman ahli parlimen Shah Alam, Khalid Samad terhadap Berita Harian ekoran dakwaan akhbar itu AMANAH menentang Rang Undang-undang 355 mula berjalan dengan proses mediasi 15 Ogos lepas.

Ia berjalan di depan hakim Datuk Wong Khean Keong, hakim mahkamah tinggi Kuala Lumpur.

Khalid telah diwakili oleh Faiz Fadzil manakala Berita Harian diwakili oleh Reza Hassan.

Dalam saman ini, Khalid menamakan empat defendan iaitu Datuk Mahfar Ali, Hazwan Faizal Mohamad, Rohaniza

Idris dan The New Straits Times Press (M'sia) Berhad.

Ia berikutan Berita Harian menyiarkan berita bertajuk "Kerajaan beri Pas laluan, DAP, Amanah bantah"

Menurut berita yang disiarkan pada 27 Mei 2016 itu, Khalid didakwa lantang membantah RUU itu.

Sedangkan menurut Khalid beliau hanya bertanya kenapa agenda mengenai ini dipercepatkan dari biasa sedangkan mengikut peraturan Dewan ia berada di agenda mesyuarat yang ke-15.

"Proses mediasi berjalan dengan

baik dan kami sangat berpuashati," kata peguam Faiz Fadzil yang mewakili Khalid dalam proses mediasi itu.

Proses mediasi dibuat untuk membolehkan kes itu cuba diselesaikan sebelum perbicaraan penuh.

Dalam saman itu, Khalid menuntut ganti rugi am, ganti rugi teruk, ganti rugi teladan, perintah agar defendan memohon maaf, perintah injuksi menghalang defendan dari membuat kenyataan fitnah, kos dan lain-lain relif yang difikirkan oleh mahkamah.

■ Dari muka belakang

PH tidak terlibat berunding dengan Pas

Dr Hatta berkata demikian ketika diminta mengulas pengakuan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Azmin Ali bahawa wujud perbincangan 'sangat tidak rasmi' antara Pakatan Harapan dengan Pas sejak beberapa bulan terakhir ini.

Namun, Menteri Besar Selangor itu memberitahu belum ada perbincangan secara rasmi dengan Pas sepanjang tempoh tersebut.

Azmin yang baru dilantik sebagai Pengarah Pilihan Raya Pakatan Harapan pada 10 Ogos lalu turut dipetik berkata, perbincangan dengan Pas perlu ditingkatkan bagi mencari titik pertemuan dan merangka kerjasama menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Mengulas lanjut, Dr Hatta menegaskan perbincangan yang dikatakan 'tidak rasmi' antara PKR dengan Pas itu bagaimanapun tidak menyentuh dan memberi


kesan kepada Pakatan Harapan.

Ditanya tentang kemungkinan perlunya kesemua komponen parti di bawah Pakatan Harapan berbincang dengan Pas, Ahli Parlimen Kuala Krai itu berkata, hal tersebut sama sekali tidak timbul.

"Tidak pernah ada keputusan untuk Pakatan Harapan berbincang dengan Pas. Perbincangan dengan parti itu (Pas) tidak termasuk dalam perkara yang diberi tumpuan dalam Pakatan Harapan," jelas beliau.

Sebaliknya, Dr Hatta berkata, fokus Pakatan Harapan ketika PRU-14 semakin hampir ini adalah perbincangan tentang agihan pembahagian kerusi bertanding.

"Jawatankuasa Pilihan Raya pun sudah mengadakan perbincangan termasuk merangka gerak kerja pilihan raya. Urusan-urusan lain termasuk perbincangan dengan Pas tidak termasuk dalam fokus Pakatan Harapan," tambahnya lagi.



Ganggu forum Tun Mahathir usaha cemar demokrasi

KUALA LUMPUR: Insiden provokasi dan kekecohan dalam program Nothing To Hide 2.0 yang menampilkan Tun Dr Mahathir Mohamad, 13 Ogos lalu adalah suatu perkara yang perlu dikutuk kerana melanggar peraturan dan norma demokrasi negara.

Presiden AMANAH Mohamad Sabu berkata, himpunan dan program-program di Malaysia biasanya berlangsung secara

aman dan tenteram.

"Jikapun ada pihak yang mahu berhentikan ceramah atau dialog, hendaklah datang dari pihak berkuasa, bukan orang awam biasa.

"Lebih membimbangkan jika peristiwa itu dirancang oleh pihak-pihak tertentu untuk menimbulkan kekecohan dan akhirnya menggagalkan pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang," tegas beliau dalam satu kenyataan, 14 Ogos lalu.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Mobilisasi Pakatan Harapan (PH) itu, BN kini berada dalam keadaan cemas ekoran sambutan rakyat terhadap Pakatan Harapan dan juga sokongan rakyat kepada bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad yang menjelaskan segala skandal dan penyelewengan di Malaysia.

Sehubungan itu, beliau bagi pihak PH meminta pihak keselamatan mengambil

tindakan segera supaya rakyat kembali yakin kepada sistem demokrasi sekaligus bebas membuat pilihan kepada kerajaan yang mereka kehendaki memerintah selepas PRU14 nanti.

Program Nothing To Hide 2.0 terpaksa dihentikan serta merta apabila sebahagian peserta program bertindak merusuh dan membakar suar ketika Tun Mahathir sedang menjawab soalan berhubung peristiwa Memali.

Kekecohan dilakukan sekumpulan pemuda yang memakai baju Armada namun disahkan penganjur sebagai bukan anggota sayap PPBM itu.

Setakat berita ini ditulis, tiga remaja ditahan reman bagi membantu siasatan dan pihak polis sedang memburu tujuh yang lain.

Konvensyen AMANAH dijangka berlangsung meriah

KUALA LUMPUR: Konvensyen AMANAH Nasional yang akan berlangsung pada bulan hadapan dijangka mendapat sambutan luar biasa ekoran keyakinan rakyat meningkat selepas terbentuknya struktur Pakatan Harapan (PH).

Setiausaha Organisasi AMANAH Suhaizan Kayat berkata, ketika ini negeri dan sayap parti sedang membuat pendaftaran secara atas talian bagi menghadiri konvensyen pada 16 dan 17 September depan, di Alor Setar, Kedah.

"Pendaftaran hanya akan dibuka sehingga 31 Ogos ini. Mereka yang ingin hadir ke konvensyen sebagai perwakilan atau pemerhati perlu membuat pendaftaran sehingga tarikh ini bagi mengelakkan sebarang masalah," katanya.

Menurut beliau, konvensyen kali kedua ini akan dihadiri oleh para pemimpin nasional, wakil daripada 153 kawasan, 14 wakil

negeri dan wakil dua sayap nasional iaitu Pemuda Dan Angkatan Wanita ANANAH (AWAN), berjumlah 914 orang.

Manakala bagi usul-usul dari setiap negeri dan sayap pula, Suhaizan berkata usul perlu dihantar sebelum atau pada 31 Ogos ini.

"Tiada sebarang pemilihan tahun ini. Pemilihan akan diadakan tahun hadapan," katanya.

Hampir kesemua cawangan dan kawasan di setiap negeri telah mengadakan mesyuarat tahunan bagi tahun ini dan AMANAH juga sedang mengadakan konvensyen di peringkat negeri masing-masing.

"Setiap negeri diwajibkan mengadakan konvensyen sebelum 31 Ogos ini," katanya.

Antara tetamu yang akan diundang menghadiri konvensyen AMANAH Nasional ialah Pengerusi Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad.

SPRM akui tak cukup bukti reman Exco Pulau Pinang

KUALA LUMPUR: Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Mohd Azam Baki mengakui pihaknya kekurangan bukti untuk meneruskan tahanan reman terhadap anggota Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang Phee Boon Poh bersama pengarah dan pengurus kilang haram terbabit.

"Saya jangka tiada tangkapan lagi kerana kita dah tangkap tiga orang namun setakat ini kami kekurangan bukti yang jelas akibat pelepasan mereka.

"Namun SPRM akan menjalankan siasatan untuk melengkapkan siasatan dan kita akan appeal (rayu) bergantung kepada DPP," katanya.

Katanya, Pejabat Peguam Negara bersetuju untuk menfai-

kan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu.

Mahkamah Tinggi Pulau Pinang 14 Ogos lalu membenarkan permohonan semakan semula untuk membatalkan perintah reman terhadap Phee dan dua beranak yang dikeluarkan Mahkamah Majistret Pulau Pinang dua hari sebelumnya.

Hakim Datuk Abdul Wahab Mohamed membuat keputusan itu selepas meneliti hujah daripada pihak SPRM dan peguam tertuduh.

Abdul Wahab berkata perintah reman terhadap Phee dan dua lelaki iaitu pengarah dan pengurus sebuah kilang haram di Kampung Sungai Lembu, Bukit Mertajam adalah bertentangan dengan Seksyen 117(5) Kanun Prosedur Jenayah.

Wanita PH bentuk organisasi, siap sedia hadapi PRU



KUALA LUMPUR: Majlis Pimpinan Tertinggi Wanita Pakatan Harapan (PH) sudah membentuk Jawatankuasa Wanita Pakatan Harapan Peringkat Nasional seterusnya merangka gerak kerja serta hala tuju Wanita Harapan bagi menghadapi pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Ketua Penerangan Wanita PH Aiman Athirah Al Jundi berkata, dalam mesyuarat pertama diadakan pada 9 Ogos lalu, semua anggota parti komponen PH iaitu Keadilan, DAP, AMANAH dan PPBM diwakili Ketua dan empat pemimpin tertinggi sayap wanita masing-masing.

"Bagi menyusun, memperkemas sekaligus memberikan impak yang lebih padu terhadap gerak kerja serta hala tuju Wanita Harapan khususnya menjelang PRU14, maka satu keputusan konsensus telah diambil iaitu pembentukan Jawatankuasa Wanita Pakatan Harapan Peringkat Nasional," jelas Aiman dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan 14 Ogos lalu.

Beliau menjelaskan, formula yang sama digunakan di peringkat Pakatan Harapan Nasional telah diguna pakai dalam pembentukan jawatankuasa wanita PH.

Menerusi formula ini, salah seorang ketua sayap wanita parti komponen PH dipilih menjadi Ketua Wanita PH, manakala Ketua-Ketua yang lain dipilih untuk menjadi Timbalan Ketua Wanita PH.

Timbalan Ketua sayap-sayap wanita parti komponen, tambah beliau dipilih menjadi Naib-Naib Ketua Wanita PH.

"Pemilihan ketua tidak berdasarkan parti tetapi ia berdasarkan kepada keupayaan, merit dan kesepakatan bersama," katanya.

Wanita PH juga, tambah Aiman turut membincangkan beberapa perkara penting berkaitan gerak kerja sayap wanita dan persiapan memenangi PRU14 khususnya berkaitan tawaran-tawaran kepada wanita melalui manifesto 'Agenda Wanita Malaysia' yang akan dibengkelkan dalam waktu yang terdekat.

Mesyuarat katanya, turut membincangkan hal-hal berkaitan persiapan senarai calon-calon Wanita PH bagi PRU14.

Wanita Harapan, tambah beliau komited untuk terus mengangkat Falsafah Martabat dan Hormat Wanita merentasi setiap program dan polisi sama ada di peringkat

KETUA:
YB Zuraida Kamaruddin

TIMBALAN KETUA:
Chong Eng
Dr Siti Mariah Mahmud
Rina Mohd Harun

NAIB KETUA:
Haniza Talha
Aiman Athirah Al Jundi
Mary Josephine
Shamsilah Siru

SETIAUSAHA:
Teo Nie Ching

BENDAHARI:
Azlinda Abdul Latif

KETUA PENERANGAN:
Aiman Athirah Al Jundi

PENGARAH PILIHAN RAYA:
Haniza Talha

PENOLONG SETIAUSAHA:
Nurainie Haziqah

parti mahupun kerajaan pada masa kini dan akan datang.

Mereka juga komited mengarus-perdanakan peranan, pandangan dan keberadaan wanita termasuk kalangan wanita muda remaja dalam pelbagai fungsi serta posisi.

"Wanita Harapan akan bersama-sama dengan semua pihak untuk berjuang menyelamatkan Malaysia, sekaligus memastikan kehidupan yang lebih sejahtera untuk rakyat Malaysia tanpa mengira beza kaum, keturunan, agama dan kecenderungan politik," tegasnya.

Berikut adalah senarai penuh Jawatankuasa Wanita Pakatan Harapan Peringkat Nasional:

Minda Pengarang

Semua parti bergerak atas nama PH

Walaupun iklim politik tanah air dicemari oleh peristiwa malang dalam program *Nothing To Hide* baru-baru ini, namun gabungan pembangkang - Pakatan Harapan - terus mengorak langkah ke depan untuk menghadapi PRU14.

Mesyuarat demi mesyuarat, hampir setiap hari diadakan, bukan saja di peringkat Majlis Presiden, bahkan peringkat jentera akar umbi dilihat demikian rancak. Menunjukkan kesungguhan yang aaat sangat Pakatan Harapan untuk mencapai kemenangan mengalahkan Umno-BN.

Pakatan Harapan amar sadar akan kehendak rakyat untuk melihat kemelut yang dihadapi negara dari segenap sudut akan berakhir. Rakyat sangat lemas dengan kemelut yang mencengkam negara. Harga barang keperluan yang terus naik, nilai maata wang Malaysia terus rendah, pengangguran semakin bertambah, syarikat banyak yang tutup operasi atau berpindah ke negara lain, demokrasi terus terhakis, rasuah semakin bertambah, bahkan bersekala besar,

Dalam masa sama, rakyat semakin bimbang akan demokrasi terhakis, menggantikannya dengan keganasan. Apa yang berlaku di forum *Nothing To Hide* adalah gambaran jelas keselamatan semakin terancam. Bahkan pelbagai pihak sangat bimbang keganasan akan berkembang menjelang PRU14. Peristiwa itu sangat keji dan memberi isyarat sangat buruk kepada negara.

Inilah wajah buruk negara Malaysia yang kita cintai ini menjelaang sambutan kemerdekaan 31 Ogos ini. Belum lagi kita berbicara mengenai skandal 1MDB yang menjadi skandal terbesar dikenali di dunia, hutang yang tidak terperi banyaknya, pem-

baziran dan pelbagai lagi.

Sementara itu, dalam usaha memperkemas Pakatan Harapan, maka Majlis Presiden minggu lalu bersetuju membentuk sekretariat yang terdiri daripada wakil setiap parti komponen bagi menghadapi PRU14.

Perkara itu diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya PH Tan Sri Muhyiddin Yassin. Beliau berkata, PH sebulat suara bersetuju untuk menyediakan bilik operasi sepenuh masa yang akan menyediakan segala maklumat dan data berhubung persiapan pilihan raya.

Di samping itu, PH juga memutuskan untuk memberikan tumpuan khusus kepada kawasan pilihan raya tertentu. Ini untuk memastikan supaya PH boleh mendapat sejumlah kerusi yang boleh dimenangi untuk membentuk kerajaan selepas pilihan raya akan datang, Ini harapan pimpinan PH.

Gabungan itu turut memutuskan untuk membentuk jawatankuasa pilihan raya di peringkat negeri dan di peringkat kawasan Parlimen yang akan ditandingi kelak. Tujuannya untuk PH mendapat tahu sejauh mana persiapan oleh parti komponen di peringkat negeri dan kawasan di seluruh negara.

Pesiapan itu akan di pantau dengan menghantar pasukan untuk membuat penaksiran sejauh mana persiapan itu telah dibuat, apakah kelemahan untuk dibaiki.

Segala gerak kerja adalah berdasarkan persetujuan secara bersama dan bukan didominasi oleh mana-mana parti komponen dalam PH.

Dengan iu hendaknya tidak akan ada komponen dalam PH merasa superior dan bertindak sendiri.

Usah berlebihan, perluas *ruhama*

BERIKUTAN isu rusuhan kecil tempoh hari yang berlaku dalam program *Nothing To Hide* bersama Tun Dr Mahathir Mohamad, ia jelas merupakan tindakan berlebihan dalam berpolitik secara sihat dan baik.

Sebagai umat manusia, mencintai keharmonian itu fitrah dan usaha kita memperlebarkan permusuhan secara melampau yang melanggar fitrah. Kerana jelas bahawa larangan berlebihan ini merupakan suatu tuntutan agama dan moral dalam Islam.

Allah berfirman dalam surah Al Maidah ayat 87, maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampau batas; kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau batas."

Allah melaknat kaum Bani Is-rael pun adalah kerana sifat mereka suka mengganas dan melakukan pencerobohan, seperti mana yang dijelaskan oleh Allah dalam surah yang sama ayat 78, maksudnya: "Hal itu adalah kerana mereka menderhaka dan mereka melampau batas



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBUII**

USTAZ ABDUL GHANI SAMSUDDIN
Timbalan Penasihat Umum AMANAH

(bersifat ceroboh)."

Oleh itu, marilah kita sebarkan sifat kasih-sayang dan pertingkatkan kempen sayang menyayangi antara satu sama lain atau sifat "*ruhama*"; agar rakyat Malaysia bebas dari sifat

ganas dan anasir-anasir negatif yang lain.

Rasulullah bersabda, maksudnya: "Demi (Allah) yang nyawa Muhammad di tangan-Nya, tidak berlaku kiamat sehinggalah berlaku kelucahan dan watak lucah yang biadap, memutuskan silaturrahim, amalan kejiuran yang buruk;

orang yang amanah digelar khianat, manakala yang khianat diberikan amanah dan kepercayaan." (Hadis riwayat Al Hakim)

“... marilah kita sebarkan sifat kasih-sayang dan pertingkatkan kempen sayang menyayangi antara satu sama lain atau sifat "*ruhama*"; agar rakyat Malaysia bebas dari sifat ganas dan anasir-anasir negatif yang lain.



Amanah

USTAZ AHMAD AWANG
Penasihat Umum AMANAH

Nabi s.aw dalam sirah perjuangannya tidak meninggalkan sedikit pun permasalahan politik. Namun yang perlu difahami adalah politik bukan ibadah khusus seperti puasa, solat dan seumpamanya yang tidak boleh berubah, Politik itu bergerak melihat kepada kemaslahan hidup manusia.

Ia memerlukan ijtihad yang tepat dengan matlamat untuk memberikan yang terbaik kepada kehidupan manusia. Sebab itu dalam perjuangan politik kita perlu berani membuat keputusan untuk berubah selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip umum dalam islam.

Wira tanpa wajah, nama

RAMAI mungkin tidak asing dengan nama Wong Tuck dan Himpunan Hijau yang dikepalainya, namun tidak ramai yang kenal nama Wong Kim Hoong, dan Gerakan Ban Cyanide Raub yang diketuainya. Isu perlombongan emas dengan menggunakan bahan kimia beracun cyanide di Bukit Koman berlaku pada hujung tahun 2006, lebih awal berbanding isu pemprosesan nadir bumi Lynas di Gebeng, Pahang.

Penggunaan bahan kimia sodium cyanide telah mengakibatkan pencemaran alam di Bukit Koman. Mungkin kesannya tidak seteruk sisa nadir bumi yang mengakibatkan penyakit barah dan sebagainya, tetapi kesihatan penduduk Bukit Koman jelas terganggu dengan penyakit seperti gatal kulit, sakit mata dan sebagainya.

Biar saya ingatkan, bahawa isu ini berlaku sebelum 8 Mac 2008, iaitu zaman sebelum Tsunami Politik mengubah lanskap politik Malaysia. Konteks ini penting kerana MCA masih berpengaruh dalam masyarakat Cina. Bapa kepada pemilik syarikat lombong emas adalah veteran MCA. Kampung ini secara tradisionalnya cenderung kepada MCA. Malah Wong Kim Hoong sendiri adalah ahli seumur hidup MCA!

Tiada sesiapa yang memperjuangkan nasib kampung halaman mereka, kecuali mereka sendiri. Bayangkan keberanian yang diperlukan



Siang-Malam
Lim Hong Siang

untuk menongkah arus dan berdepan dengan korporat besar, yang disokong sang penguasa. Penduduk tempatan kebanyakannya warga yang berusia. Wong Kim Hoong sendiri seorang buta komputer, dan masih menulis kenyataan media menggunakan pen dan kertas, pada alaf ke-21.

Pada peringkat awal, MCA cuba membantu dengan mengaturkan pertemuan antara penduduk tempatan dengan pihak syarikat lombong emas. Penduduk tempatan menubuhkan satu jawatankuasa, dengan tuntutan agar pihak syarikat memindahkan kilangnya ke satu tempat yang lebih jauh dari kawasan kediaman. Namun pihak syarikat terlalu angkuh, malah menggelar penduduk tempatan ini sebagai "orang bodoh".

Isunya lebih rumit, apabila didapati kerabat Diraja Pahang Tengku Nong Fatimah juga antara pemegang saham syarikat lombong emas, iaitu Raub Australian Gold Mining

Sdn Bhd (RAGM). Ia menjelaskan mengapa MCA berundur selangkah ke belakang dan memainkan peranan di sebalik tabir.

"Kami di belakang anda," janji pemimpin MCA. Namun setelah perjuangan dimulakan, "Kami menoleh ke belakang, baru kami sedar tiada orang di belakang kami. (Mereka) Bukan di belakang kami, mereka hilang diri entah ke mana!" kata Wong Kim Hoong, dalam satu wawancara.

Namun, perjuangan ini tidak berhenti sungguhpun tanpa MCA. Jawatankuasa Ban Cyanide ini memanggil media untuk membuat liputan di Bukit Koman, mengerah penduduk tempatan agar tampil menyatakan bantahan, mengangkat sepanduk, mengadu ke parlimen, mengadakan pertemuan bersama Menteri Besar Pahang dan jabatan-jabatan yang berkenaan, mengadakan perhimpunan, berkempen ketika pilihan raya umum dan sebagainya. Malah mereka menyaman RAGM di mahkamah. Mereka menggunakan semua saluran yang ada, untuk memperjuangkan nasib kampung halaman mereka.

Seperti biasa, lebih kekalahan daripada kemenangan dalam perjuangan. Proses mahkamah paling meletihkan. Penduduk tempatan terpaksa menyewa bas untuk berulangkali dari Raub ke Kuala Lumpur, semata-mata untuk menghadiri perbicaraan. Dari Mahkamah Tinggi,

Mahkamah Rayuan hinggalah Mahkamah Persekutuan, mereka pernah menikmati kegembiraan apabila didatangkan kemenangan kecil, namun akhirnya mereka tewas di peringkat terakhir, iaitu Mahkamah Persekutuan. Setelah pihak RAGM menang dalam kes ini, RAGM pula menfailkan saman fitnah terhadap penduduk tempatan.

Untuk setahun lagi mereka bergelut dengan RAGM dalam kes saman fitnah, Wong Kim Hoong bersama seorang penduduk yang disaman, akhirnya mengakur dan bersetuju untuk memohon maaf kepada RAGM. Sebagaimana yang dijangka, mereka berdepan dengan tekanan yang besar, kerana dipersoalkan mengapa mengakur? Hakikatnya, tiga orang penduduk yang disaman, dan mereka terpaksa membayar denda yang tinggi jikalau kalah lagi. Maka Wong Kim Hoong bersama seorang sahabat lagi memilih untuk berkompromi, agar semua sumber ditumpukan kepada penduduk ketiga untuk melawan RAGM.

Akhirnya penduduk ketiga menang dalam kes saman fitnah oleh RAGM. Kilang lombong emas juga dihentikan operasinya atas sebab-sebab tertentu selepas lapan tahun. Pencemaran telah diredakan buat sementara.

Kisah ini dibangkitkan kerana Wong Kim Hoong, 69 telah meninggal dunia pada 14 Ogos 2017. Saya

tidak mengenali mendiang secara peribadi, tetapi ramai kawan saya yang menulis tentang mendiang. Untuk saya, sungguhpun tidak terkenal nama dan wajahnya, tetapi wira-wira inilah antara kisah yang paling indah untuk sedekad kebelakangan. Rakyat yang tidak berpendidikan tinggi, tetapi mengerti untuk bangkit dan lawan, sungguhpun berdepan dengan korporat besar dan sang penguasa.

Mereka mungkin melakukan kesilapan, dan tidak sempurna gerak kerjanya. Ini kerana segala-galanya adalah kali pertama dalam hidup mereka. Mereka terpaksa berdepan dengan media, terpaksa menelaah statistik yang perlu difahami hanya dengan pengetahuan sains dan sebagainya. Mereka perlu menanggung sendiri segala risikonya.

Padahal, mendiang Wong Kim Hoong boleh mengelakkan dirinya daripada terjat ke dalam isu ini. Mendiang sudah lama berpindah dari Bukit Koman, tetapi mendiang masih menganggap Bukit Koman adalah kampung halamannya. Mendiang tidak mahu dirinya tak berkata apa, apabila dipersoalkan cucu-cicitnya, mengapa atuk tidak melakukan sesuatu apabila ianya berlaku?

Mendiang Wong telah gugur, setelah bertarung berhabis-habisan di medan perang. Inilah jawapan kepada cucu-cicitnya.

Dr Mariah bawa AWAN ke tengah rakyat


SETIAP kali majlis yang diadakan oleh AMANAH dan bertemu dengan Dr Siti Mariah Mahmud, ahli Parlimen Kota Raja yang juga Ketua Angkatan Wanita AMANAH (AWAN) Nasional, kita selalu melihatnya ceria dan optimis.

Walaupun kita tahu pemimpin AWAN ini sentiasa sibuk dengan pelbagai tugas, ke sana ke mari menghadiri bermacam-macam program parti, menemui rakyat, tetapi dia tetap tersenyum, walaupun kita tahu dia penat.

Itulah perjuangan yang dirasakan oleh Dr Mariah sebagai nikmat, justeru disediakan lebuhraya jalur perjuangan menerusi AMANAH, yang bernuansa Islam dan sangat peduli rakyat.

Bayaangkan betapa besarnya peranan AWAN, perjuangan wanita yang berada di tengah cabaran. Lebih-lebih lagi mengingatkan bahawa keseluruhan pengundi wanita ialah sebanyak 40 peratus.

Lebih mencabar lagi, apabila pelbagai kajian mendapati bahawa pengundi wanitalah yang



paling banyak memberikan undi kepada Umno-BN dalam setiap kali pilihan raya.

Saya fikir, tokoh pemimpin seperti Dr Mariah tidak mudah mengalah, tetapi tetap positif bahawa AWAN akan meneruskan perjuangan. Semakin sukar dan segetir manapun perjuangan, bahawa menyertai perjuangan itu sendiri adalah suatu kemenangan.

Dalam perutusannya di Hari Wanita Sedunia baru-baru ini, Dr Mariah menyeru wanita supaya berubah. Berani berubah kerana sangat tepat pada masanya sebagai satu cetusan untuk menggalakkan lebih ramai golongan wanita bangkit memberi sumbangan.

Hari ini, katanya, peluang untuk golongan wanita mencipta kejaya-

an dalam pelbagai bidang semakin terbentang luas. AMANAH yakin, AWAN mampu menggalas peranan ini. Ramai tokoh dari kalangan wanita berjaya dibentuk sehingga menjadi idola generasi muda, katanya.

Dr Mariah berasal dari Kedah, berpendidikan tinggi, orang lama dalam politik, matang dalam pentas siasah sejak zaman beliau berada dalam parti lama lagi. Saya dan isteri mengenali arwah ayah dnn ibunya, sama-sama dalam jalur perjuangan.

Tidak keterlaluan untuk saya mengatakan bahawa pemimpin wanita yang satu ini mempunyai pemikiran yang tajam, memiliki *critical thinking*, suatu keupayaan yang sangat mengkagumkan.

Apabila berhujah, beliau mengutarakan fakta, rasional dan bersikap positif. Dari itu, tidak mudah mengalahkannya berhujah. Kalangan ahli politik, baik lawan mahupun kawan, menghormatinya justeru Dr Mariah bukan jenis tokoh yang bermain dengan



emosi.

AMANAH sendiri dan AWAN yang dipimpinnya sedang melakukan persiapan untuk menghadapi PRU14. Tentunya pelbagai pihak, mahu melihat calon wanita akan lebih ramai diketengahkan oleh AMANAH/Pakatan Harapan. Justeru, ramai wanita yang berkelayakan untuk menjadi calon nanti.

Kita ingin melihat ramai ahli

parlimen wanita AMANAH/Pakatan Harapan. Ketika ini Dr Mariah dengan jentera AWAN sedang bergelut menyusun jentera pilihan raya bukan saja di kawasan parlimen Kota Raja, kawasan Dr Mariah sendiri, tetapi juga di seluruh negara.

Bayangkan betapa sibuknya Dr Mariah, tetapi dia tetap tersenyum dan ramah. Inilah ketokohan pemimpin AWAN. Tentu saja AWAN dan jentera AMANAH/Pakatan Harapan akan membawa isu wanita, justeru wanitalah yang banyak tahu mengenai kesulitan ekonomi rakyat. Wanitalah yang berbelanja di pasaraya dan arif akan harga barangan keperluan sentiasa naik dan sangat menyusahkan rakyat.

Oleh itu AWAN berada di barisan depan menangani isu kesusahan rakyat. Maka tentulah amat wajar rakyat memberikan sokongan penuh kepada perjuangan ini.

Tentunya Dr Mariah dan AWAN akan lebih tabah menempuh perjuangan ini.

PH tawar lima langkah selamatkan KTMB

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (PH) menawarkan perjanjian yang lebih adil kepada pengurusan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) termasuk 6,000 pekerja berbanding tawaran kerajaan BN melalui Perjanjian Akses Rangkaian Kereta Api (RNAA), apabila berjaya membentuk kerajaan di peringkat persekutuan.

Selain berazam untuk membatalkan RNAA, PH turut mencadangkan agar aset milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dipindahkan ke KTMB bagi tujuan memaksimumkan nilai aset tersebut.

Ini kerana kapasiti kecil RAC, akan menghalang agensi itu daripada menambahkan pendapatannya melalui sumber seperti Transit-Oriented Development (TOD), pengiklanan serta penjualan barangan.

"Aset-aset ini perlu dipindahkan ke KTMB dan KTMB mesti dibenarkan untuk menambahkan kepakarannya dalam bidang-bidang ini.



Para pemimpin Pakatan Harapan bersama wakil Railwaymen Union Malaysia (RUM) termasuk Presiden RUM, Abdul Razak seusah perbincangan.

"Ini akan membolehkan KTMB untuk mencapai keuntungan dan juga untuk mengurangkan keperluan untuk meningkatkan harga tiket," kenyataan itu dipetik.

PH juga akan mengkaji semula kos dan kesesuaian Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) yang asetnya akan dip-

indahkan kepada syarikat baru, Malaysia Rail Line (MRL) Sdn Bhd. yang dimiliki sepenuhnya Kementerian Kewangan.

"Telah dilaporkan bahawa perkhidmatan ECRL akan dijalankan oleh operator lain yang belum dinamakan lagi. Bukan sahaja kos ECRL sangat tinggi tetapi kemungkinan besar

operasinya akan diberikan melalui rundingan terus," kata kenyataan yang ditandatangani Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ahli Parlimen DAP Kluang Liew Chin Tong, Ahli Parlimen Keadilan Kuala Langat Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid dan Ahli Parlimen AMANAH Kuala Krai Dr. Hatta Ramli.

PH juga berjanji tidak men-swastakan KTMB dan akan melaksanakan semua urusan niaga pembelian aset dan perkhidmatan KTMB melalui proses tender terbuka.

"Dengan tawaran dasar-dasar baru tersebut, maka kita dapat menasarkannya kepada KTMB menjadi sebuah syarikat yang kedudukan kewangannya kukuh dan berkeuntungan, memastikan para pengguna perkhidmatan KTMB tidak dibebani peningkatan harga tambang keretapi dan juga menjamin kebajikan dan keselamatan ribuan pekerja KTMB pada masa akan datang," kenyataan itu dipetik.

PH turut menyatakan pendirian

menentang RNAA yang melibatkan KTMB dan RAC memandangkan perjanjian yang sepatutnya selesai pada 2018 itu akan memindahkan semua aset dan rolling stock yang dimiliki KTMB kepada RAC.

Langkah ini, bagi PH adalah 'pintu belakang' bagi kerajaan BN memberikan akses kepada syarikat kroni menggunakan rangkaian rel untuk mengambil alih perkhidmatan KTMB termasuk 'freight and haulage' yang merupakan 42 peratus hasil syarikat keretapi itu.

Malah melalui perjanjian itu juga, kos operasi ditanggung KTMB akan meningkat ekoran RAC akan mengenakan caj kepada syarikat terbabit bagi penggunaan 'rolling stock'.

Selain itu, kata gabungan itu lagi, RAC dengan 38 pekerja tidak akan mampu menguruskan asetnya dengan baik dan dibimbangi akan menawarkan kerja-kerja berkenaan secara kontrak kepada syarikat kroni BN.

Felda lebih perlukan RCI berbanding Bank Negara

KUALA LUMPUR: Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) amat kesal dan kecewa dengan pendirian kerajaan yang enggan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kehilangan berbilion ringgit wang Felda dan FGV.

Presidennya Mazlan Aliman menyifatkan keenganan kerajaan untuk menubuhkan RCI sebagai usaha melindungi individu tertentu yang menjadi punca masalah Felda dan FGV.

Beliau mengulas jawapan bertulis Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Razali Ibrahim bahawa kerajaan melihat tiada keperluan untuk menubuhkan RCI bagi menyiasat kerugian Felda dan FGV.

Razali menjawab soalan bertulis Ahli Parlimen Gelang Patah, Lim Kit Siang.

"Di ketika berbagai skandal dalam Felda dan FGV terbongkar, kerugian besar FGV, rezab Felda yang sudah habis dan terkini tangkapan demi tangkapan dibuat SPRM atas dakwaan penyelewengan pembelian hotel di London dan Kuching; kerajaan memberi alasan tiada keperluan

menubuhkan RCI?

"Anak tidak tahu sejauh mana susulan dibuat terhadap Laporan Jabatan Audit Negara mengenai Felda tahun lalu yang mendedahkan kerugian ratusan juta duit Felda.

"Begitu juga dakwaan penyelewengan pembelian ladang sawit di Samarahan seluas 20,000 hektar dengan nilai RM1.2 bilion," ujarnya.

Mazlan juga dimaklumkan bahawa 12 pelaburan FIC bernilai berbilion ringgit mempunyai elemen rasuah dan salah guna kuasa malah deretan projek dan pelaburan Felda dan FGV yang bermasalah, gagal dan terbengkalai.

"Adakah ia belum cukup bukti dan sangat mendesaknya RCI di tubuhkan, atau kerajaan mahu melindungi kegagalan mereka dalam menjaga kepentingan institusi rakyat seperti Felda, apatah lagi ia membabitkan pemimpin utama negara?" soal beliau.

Pada 15 Ogos lalu, bekas Pengerusi Felda Tan Sri Isa Samad ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan skandal pembelian dua hotel mewah oleh Felda Investment Corporation (FIC) yang dibuat

melebihi harga pasaran.

Sebelum itu berapa pegawai tinggi FIC dan bekas pegawai khas Isa turut ditahan SPRM.

Menurut Mazlan, umum mengetahui idea menubuhkan FGV diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang dibentangkan di Parlimen semasa Bajet 2011.

Idea ini, katanya disusuli peralihan Isa sebagai Pengerusi Felda bagi memastikan penyenggaraan FGV di Bursa Malaysia berjaya disempurnakan pada 28 Jun 2012.

"Adakah kerajaan takut jika suruhanjaya ini ditubuh, maka terdedah segala penyelewengan dan kebobrokan yang mengaitkan Najib dan Isa?" soal beliau.

Sehubungan itu, beliau menegaskan pendirian Anak agar Suruhanjaya Siasatan Diraja dibentuk segera bagi kepentingan 112,635 orang peneroka di seluruh negara.

"Jika Kerajaan memperakukan penubuhan RCI mengenai skandal matawang (Forex) yang dikaitkan dengan Tun Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim lebih 20 tahun lalu, mengapa tidak isu Felda dan FGV yang sedang berlaku di depan mata?" tegas beliau.

Hanya 0.2% janji rumah PR1MA BN diserahkan milik

KUALA LUMPUR: Sehingga Jun 2017 hanya 934 unit kediaman Projek Rumah 1Malaysia (PR1MA) telah diserahkan kepada pemilik berbanding 500,000 unit yang dijanjikan BN pada manifesto pilihan raya 2013.

Ini bermaksud hanya 0.2% daripada janji perumahan yang terkandung dalam manifesto BN untuk generasi muda dilaksanakan, kata ahli parlimen Bayan Baru Sim Tze Tzin.

Statistik itu diterima Sim daripada jawapan bertulis perdana menteri pada sidang Dewan Rakyat yang berakhir hari ini.

"Perumahan merupakan isu kempen utama PRU13. Oleh kerana orang muda ditekan dengan peningkatan kos harga rumah, BN terdesak untuk menubuhkan PR1MA untuk membina rumah mampu milik demi memenangi undi orang muda," ujarnya.

Sim Tze Tzin Menurut Sim, dalam manifesto pilihan raya umum 2013, BN telah menjanjikan untuk "Membina 1,000,000 rumah mampu milik dan digerak oleh sektor swasta dan awam, termasuk 500,000 buah rumah

PR1MA".

Janji BN ini boleh dilihat di <http://www.barisannasional.org.my/manifesto/menyediakan-rumah-mampu-milik>

Menurut Sim, dengan janji tersebut BN telah memenangi undi orang muda dan faktor undi generasi muda telah membantu kemenangan Umno/BN pada PRU13.

"Selepas lebih kurang 5 tahun, tiba masanya untuk mengkaji semula janji-janji BN tentang 500,000 perumahan PR1MA. Maka saya telah bertanya perdana menteri untuk menyatakan jumlah rumah PR1MA yang telah siap dibina dan diserahkan kepada pemilik dari penubuhan PR1MA hingga Jun 2017.

"Jawapan yang saya dapati sangat mengejutkan. Setakat Jun 2017 hanya sebanyak 934 unit kediaman PR1MA yang telah diserahkan kepada pemilik. Ini hanya 0.2% daripada janji manis yang dijanjikan kepada orang-orang muda.

"Jawapan ini mendedahkan pembongkaran Umno/BN dari semua janji-janji manis pilihan raya," kesal beliau.



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

20 PAX JEMAAH 1 FREE
*Tertakluk Terma & Syarat



Malaysia Airlines @ Setaraf

UMRAH 2017 4@5 orang sebilik

UMRAH BIASA HARGA DARI RM4,890 (11h/09m)

CUTI SEKOLAH HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

OPERATING PARTNER
NASHWAN

YURAN RM200

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-16

TARIKH: 25-26 OGOS 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: KOTA BHARU, KELANTAN

UST OSMAN
019-9808538

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-17

TARIKH: 15-16 SEP 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: NASUHA RESORT HERB PAGO, MUAR, JOHOR.

HJ KAMAR
019-7763300

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-18

TARIKH: 16-17 SEP 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: KUANTAN, PAHANG.

HJ YUSUF
016-9875115

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-19

TARIKH: 19-20 SEPT 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: SELANGOR.

SHAFIQ
013-2159264

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-20

TARIKH: 21-22 SEP 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: KOTA KINABALU, SABAH

HJ AWANG ADI
016-7796889

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-21

TARIKH: 22-23 SEPT 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: ALOR SETAR, KEDAH.

UST FITRI
013-7410321

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-22

TARIKH: 23-24 SEP 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: PUSAT DAKWAH ISLAMIAH, PAROL, N.SEMBILAN.

HJ RAZAK AMIT
017-3272205

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-23

TARIKH: 03-04 NOV 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: SAVANNA HILL RESORT, ULU TIRAM JOHOR

USTZH ROPINAH
013-7702810

NOVEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
03 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
05 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
07 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
09 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
11 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
13 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
15 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
17 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
19 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
21 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
23 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690
25 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,790
27 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,790
29 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690

DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
03 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
05 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
07 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
09 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
11 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
15 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
17 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
19 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
21 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
23 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
25 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
27 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,490
29 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,490
31 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,390

JANUARI (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
04 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
06 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
08 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
12 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
17 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
20 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
23 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
26 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
29 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my
ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)
(768307-X)(KPL/LN 5056/1)

PERAK	NEGERI SEMBILAN	SELANGOR	MELAKA	KEDAH	KELANTAN	PPINANG	PAHANG	JOHOR	SERAWAK	SABAH
EN FAIZUL 012-568 1150	HJ RAZAK AMIT 017-327 2205	HJ NORSHAM 011-3231 4248	HJ RAZAK OMAR 012-310 8464	UST FITRI / HJ AZIZAN 04-4480709 / 011-4066 0800 / 013-741 0321	CIKGU NASIR 013-906 5903	UST LATIF 019-510 0255	HJ YUSUF 016-987 5115	HJ KAMAR 019-776 3300	HJ IBRAHIM 013-823 5841	HJ AWANG ADI 013-559 8889

SELANGOR	Wakil Daerah	SABAH	Wakil Daerah	KELANTAN	Wakil Daerah	SIMPANG LIMA/SEMERAH	EN. MASUD
BATU CAVES HJ NOORDIN AMPANG MOHD ROZAIRIZAL AMPANG HJH CONNIE AMPANG HJH ROSNANI GOMBAK USTAZ ZULFEKAR KLANG HAJAH FADILAH GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE BATANG KALI USTAZ ANAS SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT KLANG HJ MUSTAFAR BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA BANGI HJ MOHD JAJOLI SHAH ALAM HJ HASSAN HULU KELANG HJ ROZALI SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL BANGI HJH NORIBAH HULU SELANGOR NORAISHAH SERENDAH RADZIAH MD ISA	012-640 3144 013-364 6452 017-681 2727 019-256 0478 013-607 7722 011-3550 0615 019-277 7070 019-225 0189 019-332 6002 012-350 5437 012-235 8640 019-359 8423 010-221 2962 019-250 1210 019-214 0246 019-234 1922 012-222 8958 019-567 2254	SABAH HAJI RAMLI BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE WIP LABUAN EN ZULKIFLI KINABATANGAN MOHD JEFRI KUNAK ENCIK KASMAN TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN SANDAKAN ENCIK SAHAR KUNDAT ARRACHIM BIN LAJAKAYA SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH ZAN BELURAN AWANG DAMIT TUARAN & KB MASIN BIN MION BALONG HJH ROSNAH	019-589 3194 019-883 4852 013-556 9894 014-504 1963 011-5166 5530 014-865 5663 017-647 1594 019-803 0104 013-893 8806 019-823 1419 013-286 8839 010-510 7871 019-808 3885	BAHALU UST ZUBIR NILAI YAHYA OTHMAN GEMAS RIZAL KEMIS TELOK KEKANG ABD RAHMAN RASAH AZMAL SEREMBAN UBAIDAH JELEBU HJ MAZIN	011-1053 0254 013-756 3090 017-729 2402 011-1875 7710 011-1519 2400 013-770 3346 017-716 6499 019-767 1117	EN. MASUD PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI TMN. BROLEH PN. HAMIMAH RENGIT HJH JUNINAH TKG. PECAH HJH. ARFAH JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN SRI GADING HJH. ZAHARAH SKUDAI EN. ABD. JALIL NUSAJAYA HJ. RUHAIZAT SENAI EN. ZAINUDIN INDAHPURA EN. AHMAD SAHRIL PASIR GUDANG EN. AMBOK SULOH KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH KOTA TINGGI HJ. SAHRONI PT.SAUH/TKG. PECAH EN. KASRIM PARIT RAJA EN. MAIROP KULAJULU TIRAM PN. ROPINAH SIMPANG RENGAM AZREEN KLUANG HJ. SHAMSUDIN BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF MUAR HJ. WAGIMAN KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM SIMPANG RENGAM ABD.WAHAB MAH ULU TIRAM HJ. MARJONI MAJIDEE HJH SUKARTINI PLENTONG MUHAMMAD ALI BANDAR BARU UDA PN. SITI MUTIHAH SETIA INDAH HASNIZAN PASIR RAJA EN. SULAIMAN TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD PARIT RAJA MOHD ZAINOL PASIR GUDANG EN. MD. PAUZI TAMAN PUTERI USTZH NORAMAHAINI KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS	012-739 8477 012-722 8004 013-956 2524 017-752 2803 017-268 9028 019-700 0440 013-777 7044 019-779 9767 019-661 3068 012-798 4778 018-577 8898 019-776 3345 013-749 4432 019-797 2464 013-750 1889 017-712 3556 013-770 2810 019-777 0075 019-715 1764 019-792 6047 013-700 0454 019-720 0536 016-717 9098 013-754 6044 013-716 4114 019-709 1148 019-313 2274 016-707 2307 011-1273 7991 016-751 6565 013-722 4568 019-778 4487 019-728 2233 019-728 3783 019-374 4393

**HOTEL MEKAH : 1. AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. OASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTAD @ SETARAF (+ 600-800m)

HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m), VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING).
Tambahan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing
Tanpa Notis. Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.

ECRL projek mega nasional dikuasai China

Oleh ARIF ATAN

TIDAK pernah berlaku dalam sejarah pembangunan di Malaysia, projek strategik nasional pada era pentadbiran Datuk Seri Najib Razak mutakhir ini dicengkam modal, tenaga kerja, jentera serta identiti China.

Itu yang dikhuatiri banyak pihak apabila menyaksikan Presiden Umno itu merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Laluan Rel Keretapi Pantai Timur (ECRL) di Kuantan pada 9 Ogos lalu.

Tidak menolak pentingnya rakyat di Pahang, Terengganu dan Kelantan menikmati limpahi ekonomi hasil kecekapan jaringan pengangkutan awam darat namun proses awal ECRL mengundang banyak kebimbangan.

Paling ketara kuasa Malaysia untuk memilih kontraktor diketepikan apabila kerajaan China pula melantik syarikat pembinaan milik negaranya sendiri, China Communications Construction Company (CCCC) sebagai kontraktor bagi ECRL.

Menelan kos sebanyak RM55 bilion, nilai bagi projek membina rel sepanjang 688 kilometer itu dilihat terlalu tinggi dengan pembiayaan dari China adalah dalam bentuk pinjaman.

Kos yang pada awalnya dinyatakan sebagai RM30 bilion itu meningkat 83 peratus tanpa tawaran terbuka bagi mendapatkan kos lebih



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika melancarkan ECRL.

berbaloi.

Lantaran itu, wujud kebimbangan risiko generasi rakyat di negara ini pada masa akan datang terpaksa menanggung beban untuk membayar kembali pinjaman yang dibuat oleh kerajaan Malaysia sekarang.

Bahkan, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bandar, Terengganu, Azan Ismail berkata, projek ECRL juga menimbulkan persoalan tentang kadar faedah yang dikenakan kerana tidak dijelaskan

secara telus oleh kerajaan Umno-BN.

Melihatkan pelancaran ECRL di Stesen Utama KotaSAS lalu yang jelas dimonopoli China termasuk gerombolan pekerja dan jentera, projek yang dirancang merentasi Banjaran Titiwangsa itu dikhuatiri tidak memberi banyak faedah secara langsung kepada rakyat di negara ini.

China selaku pemodal projek mega itu ditambah ciri tipikal mereka dikatakan banyak pihak akan membawa masuk pekerja serta bahan

binaan dari negara mereka sendiri.

Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar pula pernah menyifatkan pemilihan CCCC sebagai kontraktor sebagai campur tangan asing ketika pada masa sama pinjaman diperoleh dari Export-Import Bank of China (EXIM).

Lagi menimbulkan keresahan apabila CCCC dan kesemua anak syarikatnya telah disenaraihitamkan Bank Dunia mulai 12 Januari 2009 selama lapan tahun daripada memperoleh sebarang bentuk pinjaman menerusi bank itu atas dakwaan mengamalkan penipuan (fraudulent practices).

Turut dipertikaikan apabila kerajaan melantik Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) sebagai pemilik aset dan pengendali ECRL.

Anak syarikat yang dikatakan milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc) itu hanya ditubuhkan pada 26 September 2016 sebagai syarikat yang bermodal RM2 sekaligus menyangkal dakwaan kerajaan kononnya milik MOF Inc.

Pendedahan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli tersebut turut menyebut nama Ahmad Suhaimi Endut dan Dr Yusof Ismail iaitu pegawai-pegawai kanan berjawatan Timbalan Setiausaha di Kementerian Kewangan sebagai pemegang saham RM2 itu.

Ahli akademik gesa kerajaan tangani diskriminasi

KERAJAAN perlu mengambil serius isu peluang pekerjaan bagi projek-projek gergasi China di Malaysia yang dikatakan membawa bersama tenaga buruh dari negara tersebut.

Pensyarah Program Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Abdul Muein Abadi berkata, hal berkenaan penting bagi mengelak diskriminasi ke atas rakyat tempatan tidak berterusan.

"Malah baru-baru ini luas tersebar syarat pengambilan kerja yang melibatkan beberapa posisi dalam projek pembangunan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang hanya menerima pekerja yang boleh berbahasa Mandarin sahaja," ujarnya.

Beliau berkata, masyarakat setempat di Kelantan, Terengganu, dan Pahang juga dilihat kurang diberi peluang yang sewajarnya dalam proses pembinaan ECRL.

"Anak negeri Pantai Timur juga sepatutnya dilibatkan secara lebih intensif dan pada peringkat yang tertinggi dalam pembuatan keputusan berkaitan projek ECRL ini," tegasnya.

Menurutnya, golongan muda di wilayah tersebut tidak harus sekadar menjadi pemerhati atau mendapat peluang kerja yang ibarat 'melukut di tepi gantang' semata-mata.

Mengulas tentang hal berkaitan akses maklumat, Abdul Muein berpendapat sebahagian projek berskala gergasi China di negara ini sukar untuk dikaji kerana kekangan info berkaitan yang boleh dicapai secara atas talian.

"Hal ini pastinya membimbangkan



Abdul Muein Abadi... bangkit isu peluang pekerjaan.

kerana terdapat beberapa kes di mana syarikat milik China ini didapati bermasalah dalam pengurusan projek di negara-negara lain seperti China Communication Construction Company (CCCC)," jelasnya.

Pada masa sama, beliau juga mengingatkan tentang sejauhmana pemantauan terhadap penjagaan alam sekitar di kawasan yang terlibat dengan penguasaan syarikat China dalam projek ECRL.

"Terkini, beberapa badan bukan kerajaan (NGO) telah menyerahkan memorandum bantahan berhubung keperluan laporan penilaian impak alam sekitar (EA) projek ECRL ini terutama sekali hakikat bahawa Banjaran Titiwangsa bakal direntasi dalam projek ini," katanya.

Bagi aspek berkaitan penggunaan jentera berat dari China dan manfaat pemindahan teknologi pula, beliau menyeru agar kerajaan mempertimbangkan

langkah yang boleh memberi manfaat kepada kontraktor serta jentera yang dioperasikan anak tempatan.

"Projek pembangunan infrastruktur di Malaysia juga tidak dapat dinafikan bakal diusahakan oleh jentera-jentera berat dari China. Tiadakah syarikat milik anak tempatan yang boleh diberi peluang bagi menyediakan kemudahan jentera ini?"

"Setakat ini boleh dikatakan tiada hitam putih yang jelas diisytiharkan tentang manfaat pemindahan teknologi dari China yang boleh memanfaatkan kapasiti syarikat atau agensi milik awam Malaysia di bawah projek-projek infrastruktur di Malaysia," ujarnya.

Dipetik daripada analisis beliau berkenaan 'penjajahan China', Abdul Muein menyifatkan kadar kebergantungan serta hubungan perdagangan yang pesat dengan China turut menimbulkan kebimbangan.

"Meskipun China merupakan rakan dagang utama Malaysia, namun potensi untuk berlakunya pengurangan eksport kita ke China serta lambakan import yang memudaratkan dari China tidak boleh dipandang mudah.

"Malaysia perlu untuk menambah nilai dalam produk eksport ke China dan dalam masa yang sama mempelbagaikan destinasi import agar kebergantungan kepada import China dapat dioptimumkan," tambahnya lagi.

Fakta Kontroversi ECRL

- Kerajaan mendapat pinjaman mudah sebanyak RM55 bilion daripada EXIM Bank China tetapi lapor Sarawak Report pada Julai 2016 kos sebenar projek ECRL hanya RM27 bilion.
- ECRL dianggap projek rel keretapi paling mahal di dunia mengatasi projek Yichang-Wanzhou Railway sepanjang 377 kilometer yang dikatakan paling sukar pernah dibina di China.
- Krisis keyakinan timbul apabila dokumen bocor dalam laman web itu paparkan anggaran kos projek serta jadual pembayaran kepada 1Malaysia Development Berhad (1MDB).
- ECRL antara perjanjian yang ditandatangani Perdana Menteri di Beijing pada 1 November 2016 merangkumi kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pengoperasian antara Malaysia Rail Link Sdn Bhd, CCCC dan China Communications Construction Company (M) Sdn Bhd (CCCCM).
- Kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy dan anak tiri Datuk Seri Najib Razak, Riza Aziz bersama rombongan Perdana Menteri ke China tahun lalu menguatkan dakwaan kemungkinan ECRL menampung hutang 1MDB.
- ECRL diberi tanpa tender terbuka kepada syarikat yang bermasalah dengan Bank Dunia, China Communications Construction Company (CCCC).
- Pengambilan tanah di sepanjang jajaran ECRL sepanjang 688 kilometer dari Selangor ke Tumpat, Kelantan kemudiannya akan diberi kepada pihak China.
- Majlis pecah tanah ECRL di Kuantan pada 9 Ogos mengundang kritikan apabila menonjolkan ciri China termasuk pemasangan kain rentang visi syarikat tanpa bahasa kebangsaan.

Korban Isa, selamat Najib?

APAKAH penahanan Tan Sri Isa Samad adalah satu lagi drama menjelang pilihan raya umum akan datang sebagaimana drama-drama menjelang pilihan sebelum ini?

Atau ia langkah untuk menyelamatkan nama baik Datuk Seri Najib Razak yang terlibat dengan 1MDB dan menjadikan Isa sebagai korban ekoran kemarahan peneroka Felda terhadap Isa?

Inilah yang diutarakan pelbagai pihak ekoran penahanan Isa oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) petang 15 Ogos lepas.

Bagi mereka, masih terlalu awal untuk meraikan penahanan Isa Samad kerana ia tidak menjamin penyelewengan dalam Felda dan Felda Global Ventures Holdings (FGV) ditamatkan.

Mereka berkata, sejarah penahanan dan pendakwaan tokoh di Malaysia sebelum ini selalunya berakhir dengan tokoh itu bebas selepas perbicaraan di mahkamah.

Bagi Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad, tindakan terhadap Isa menjelang pilihan raya ke 14 lebih merupakan tindakan untuk menyelamatkan Najib.

Namun Khalid mengucapkan tahniah atas kesungguhan SPRM dan berharap ia tindakan yang ikhlas untuk membanteras jenayah rasuah.

PKR pula bimbang kalau-kalau Isa adalah ulangan kepada tindakan terhadap



Tan Sri Isa Samad ketika dibawa ke mahkamah.

skandal Perwaja dan PKFZ di mana tangkapan terhadap mereka yang terlibat dibuat menjelang pilihan raya, namun selepas itu mereka bebas.

"Kita tidak mahu lagi didendangkan dengan drama seperti yang berlaku dalam

kes Zon Bebas Pelabuan Klang (PKFZ) apabila semua tertuduh akhirnya dibebaskan," kata Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar kepada akhbar mingguan Amanah. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan Isa berhubung

pembelian hotel di London dan Kuching, Sarawak oleh Felda Investment Corporation (FIC).

Bekas pengerusi Felda dan FGV itu sebelum ini pernah disoal siasat berhubung urus niaga berkenaan.

Isa meletakkan jawatan dalam FGV sebelum dilantik sebagai pemangku pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dua bulan lalu.

Nurul Izzah yang juga ahli Parlimen Lembah Pantai berharap SPRM akan turut bertindak tegas dalam skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Sementara itu, Ahli Parlimen Pokok Sena Mahfuz Omar berharap penahanan Isa tidak menjadi seperti "plot filem" yang sering "diputarakan" sebelum ini.

"Apakah ini plot filem 'Felda 1' yang mana Isa akan ditahan dan didakwa. Kemudian Mahkamah Tinggi akan jatuhkan hukuman bersalah kepada Isa sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Akan tetapi, selepas PRU14, Mahkamah Rayuan akan membebaskan Isa, seperti yang selalu berlaku sebelum ini," kata bekas naib presiden PAS itu.

Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub berkata penahanan Isa membuktikan apa yang dikatakan oleh pemimpin pembangkang selama ini benar.

"Sewaktu Isa dilantik sebagai pengerusi Felda dan FGV dulu, kita dah kata ia pasti akan menimbulkan masalah.

"Kita dah kata pelantikan Isa sudah pasti akan menjejaskan Felda," kata bekas ahli Parlimen Kubang Kerian selama dua penggal itu.

Penahanan Isa bukti kesilapan besar PM, kata Presiden ANAK

PENAHANAN Tan Sri Isa Samad oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuktikan isu penyelewengan dan salah guna kuasa yang dibangkitkan Persatuan Anak Peneroka Felda (ANAK) selama ini berasas, kata Presidennya Mazlan Aliman.

Beliau menegaskan persatuan itu mengalu alukan penahanan Isa oleh SPRM berkaitan dengan dakwaan isu pembelian hotel di Kensington London dan Kuching yang jauh lebih mahal dari harga pasaran.

"Tindakan Perdana Menteri, melantik dan mengekalkan Isa Samad sebagai Pengerusi Felda sejak 2011 hingga 2016 adalah suatu kesilapan besar.

"ANAK begitu sedih kerana masa yang begitu lama diambil hingga berbilion wang peneroka lesap dan kerosakan yang



dialami amat dahsyat," ujarnya.

Beliau juga menegaskan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak perlu menamatkan serta merta pelantikan Isa sebagai Pemangku Pengerusi SPAD.

"Dari awal, Isa Samad memang tidak dialu-alukan di SPAD. Sewajarnya perdana menteri harus bertegas 'menyingkirkan' Isa segera," katanya dalam kenyataan. Isa ditahan SPRM bagi membantu

siasatan berkaitan kes pembelian dua hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC).

Portal berita Malaysiakini yang memetik sumber melaporkan, penahanan Isa ada kaitan dengan siasatan agensi antirasuah itu terhadap pembelian dua hotel oleh FIC. Menurut sumber, Isa hadir untuk mem-

beri keterangan kepada SPRM di ibu pejabat agensi terbabit di Putrajaya kira-kira jam 2.40 petang tetapi kemudian ditahan kira-kira satu setengah jam kemudian.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki mengesahkan penahanan Isa.

Jangan hanya tangkap tapi tidak didakwa, kata PKR

TAN Sri Isa Samad mesti dibawa ke muka pengadilan bagi mengenal pasti sama ada terdapat rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang dilakukan ketika beliau menjadi pengerusi Felda.

Naib Presiden PKR Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, PKR mengingatkan kerajaan agar tidak bermain wayang dengan membuat siri tangkapan tanpa mengheret individu terlibat rasuah ke muka pengadilan.

"Kami mengalu-alukan tangkapan ke atas Isa Samad oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia walaupun



Shamsul Iskandar

ramai beranggapan beliau sepatutnya ditangkap lebih lama lagi.

"Sekiranya mempunyai bukti yang kukuh dan prima facie, beliau sewajarnya didakwa untuk menunjukkan bahawa

perdana menteri benar-benar serius memerangi rasuah walaupun beliau sendiri terpalit dengan skandal 1MDB dan lain-lain," katanya dalam kenyataan.

Shamsul yang juga ahli Parlimen Bukit Katil berkata turut berkata, rakyat sudah muak dengan tangkapan tanpa tuduhan.

"PKR juga berharap supaya skandal-skandal lain yang melibatkan Felda seperti kerugian FGV juga dapat perhatian oleh SPRM untuk mencari dalang yang merugikan Felda dan peneroka Felda," katanya yang juga Ketua Biro Felda dan Perladangan PKR.

Advertisement for Islamic books and audio recordings. The books shown are:

- KENALI HADIS SAHIF DHOIF PALSU (HANYA RM15)
- IBNU TAIMIYYAH MENOLAK CELAAN TERHADAP ULAMA (HANYA RM15)
- SEBAB HADIS SUDAPAN OLEH RASULULLAH (HANYA RM17)
- Kisah-Kisah 'Tidak Sahih' Di Meja Penceramah (HANYA RM19)

TERBARU!! TERBITAN KEMILAU PUBLIKA 01132334322 untuk urusan pembelian

DAPATKAN SEGERA!!

Felda memang tiada duit

Oleh ARIF ATAN

TROLAK: Ledakan rasa tidak puas hati warga peneroka Felda tidak terbendung lagi.

Selepas empat pengurusan kanan Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) dan anak syarikatnya dipaksa bercuti, 6 Jun lalu sehingga pengumuman 'gula-gula' oleh Perdana Menteri termasuk RM5,000 sebulan selepas itu, masalah sebenar peneroka masih belum serius ditangani.

Tinjauan akhbar mingguan Amanah di Felda Wilayah Trolak baru-baru ini menyaksikan rata-rata warga tanah rancangan itu kecewa sampai bila mereka harus terus ditindas.

Bimbang tentang masa depan, paling menghimpit adalah bebanan hutang. Warga Felda yang ditemui tidak berpuas hati dengan kos operasi dan pengurusan kebun yang dilambakkan kepada mereka.

Namun, pada masa sama hasil yang diperoleh jauh lebih rendah berbanding lebih 17,000 peneroka yang mengusahakan sendiri kebun.

Bahkan lebih mengundang rasa tidak puas hati apabila Felda gagal menguruskan kebun peneroka dengan baik bagi memberi pulangan maksimum kepada lebih 90,000 peneroka yang bersetuju menyerahkan kebun mereka kepada Felda untuk diuruskan.

Buktinya apabila sebahagian kawasan kebun mereka terutama yang terletak jauh dari jalan utama seolah-olah terbiar dengan pokok sawit dipanjat tumbuhan liar.

Di kawasan peringkat atau blok kebun peneroka yang terletak di kawasan pedalaman, kimpit baja boleh ditemui hanya dicampak di sudut kebun seperti mengharap akar pokok sawit mencari sendiri nutrien yang diperlukan.

Tidak hairanlah siasatan Amanah dengan kerjasama Media Oren dan dipandu sekumpulan peneroka Felda Trolak Timur pada 6 Ogos lalu mendapati bilangan pokok sawit yang kekuningan daunnya agak ketara akibat



Tumbuhan liar memanjat pokok sawit bukti kegagalan pihak Felda mengurus kebun peneroka.

kurangnya bekalan baja.

Peneroka di Felda Trolak Timur, Mat Nawawi Yusof berpendapat pelbagai kepincangan yang menjerut masyarakat Felda di seluruh negara sebenarnya menuntut mereka sendiri bangkit bersuara.

Beliau menganggap salah guna terhadap kekayaan Felda semakin bernanah akibat tindakan meletakkan 'orang politik' sebagai pengemudi sehingga menyaksikan puluhan juta ringgit lesap di sebalik urus niaga seperti kes pembelian hotel mewah di Kensington, London.

"Sepatutnya warga peneroka bersatu hati bersama-sama mendesak turunkan semua orang politik di atas itu. Malangnya setakat ini saya

anggarkan peneroka yang mahu berubah angin hanya sekitar 30 peratus.

"Majoritinya masih ramai takut sebab anak kerja dengan Felda termasuk ada yang berniaga tapi bagi saya takut hanya pada Tuhan Yang Maha Esa. Rezeki bukan manusia tentukan," tegasnya ketika ditemui Amanah.

Mengulas bebanan hutang warga Felda sehingga ditanggung waris mereka dengan ada yang mencecah lebih RM100,000, beliau menyifatkan itu sebenarnya realiti paling nyata bukti kegagalan Felda menjaga hak dan kepentingan peneroka.

"Apa yang penting sekarang, kita mahu keadilan. Kalau diam walaupun tahu banyak



Warga Felda Trolak Timur, Mat Nawawi Yusof ketika ditemubual wartawan Amanah minggu lalu.

kepincangan berlaku, itu bersekongkol namanya.

"Sekarang peneroka teruk jadi mangsa. Tidak terkecuali, kontraktor pun ramai mengeluh sudah beberapa bulan Felda tidak bayar. Felda sekarang memang tidak ada duit.

"Insentif yang Najib Razak sudah umum termasuk pelupusan hutang tanam semula RM5,000 setiap peneroka dan geran khas tanam semula RM7,500 setiap hektar hanya ubat sementara kalau pemimpin Felda yang tidak amanah masih di kerusi sama," ujarnya.

Malahan, jelas Nawawi, 59, sikap angkuh yang membinasakan dan tidak berperanan sepatutnya dalam membela hak peneroka turut menjalar sehingga peringkat pemimpin tempatan.

"Ketua peneroka pun berpihak kepada Felda, tidak tahu cerita sebenar. Pengumuman insentif itu, ini hanya sebagai umpan buat pancing pilihan raya. Kita tahu itu wayang semua.

"Masa Isa Samad dulu (Pengerusi Felda), dia ada lapan orang setiausaha khas. Itu yang kami tahulah. Padahal, sewaktu Raja Tan Sri Muhammad Alias Raja Mohd Ali jadi Pengerusi, mana dia ada setiausaha khas," luahnya lagi.

Peneroka berdikari bebas ditindas

PENDUDUK Felda Tenggaroh 1, Faizal Ariffin ialah antara lebih 17,600 waris peneroka yang telah mengambil keputusan untuk tidak lagi bergantung dengan Felda dalam menguruskan kerja-kerja kebun.

Mereka berusaha untuk berdikari sesuai dengan semangat awal penubuhan Felda di bawah Akta Pembangunan Tanah 1956 untuk memastikan golongan peneroka keluar daripada belunggu kemiskinan.

Jika majoriti peneroka yang menyerahkan kebun kepada Felda terdedah kepada pelbagai bentuk eksploitasi sehingga ditimbuni hutang menggunung, lain pula halnya dengan mereka yang mengusahakan sendiri kebun.

Menurut Faizal, mengelolakan sendiri kebun sawit di tanah milik ibunya itu membuahkan hasil memuaskan bahkan memperoleh lebih pendapatan yang boleh disalurkan kepada projek seperti menternak ayam kampung yang sedang beliau usahakan.

Selepas empat tahun kembali ke Felda yang terletak di Parlimen Mersing ini, beliau memberitahu kerja-kerja di kebun terutama ketika memotong buah sawit dilakukannya sendiri dengan kerjasama adik-beradiknya yang lain.

"Mulanya ibu tidak yakin bila saya sendiri mahu uruskan kebun sebab saya biasa dulu kerja di luar," katanya ketika ditemui Presiden Persatuan Anak

Peneroka Felda Kebangsaan (Anak), Mazlan Aliman pada 8 Ogos lalu.

Anak muda tersebut turut menganggap dakwaan kononnya menyerahkan kebun kepada Felda untuk diuruskan adalah lebih mudah hanya bermotifkan keuntungan di pihak badan berkanun tersebut.

"Felda Tecnoplant (FTP) gagal melaksanakan apa yang dijanji tetapi lihat ada peneroka berdikari dan berjaya.

"Walhal kalau rajin usahakan sendiri, kita boleh dapat lebih (pendapatan), daripada situ banyak kita boleh janakan lebih keuntungan dengan cara mengurangkan kos," ujar Faizal lagi dipetik daripada rakaman Edisi Terjah Anak.

'Jangan hanya cakap, balik tiada tindakan'

BUKAN sedikit warga peneroka yang kecewa dengan sikap pengurusan Felda yang dilihat acuh tidak acuh dengan masalah sebenar yang telah lama mereka alami.

Sejak wujudnya anak syarikat Felda iaitu Felda Technoplant Sdn Bhd (FTP) pada 22 Jun 2005, peneroka menganggap perjanjian tanam semula yang menyaksikan

pelbagai bayaran dan potongan hasil bersifat berat sebelah.

Peneroka Felda Trolak Timur, Rozali Mohamad berkata, pendapatan yang diperoleh tidak mampu untuk membayar hutang yang dikenakan.

"Hairannya, Felda tidak beri penyata bulanan. Kami risau dengan pendapatan yang rendah sampai bila-bila tidak mampu menampung hutang.



Rozali Mohamad

"Masalah semakin berat bila kami lihat pengurusan kebun begitu teruk. Mana yang peneroka urus sendiri tiada masalah.

"Caruman dan tabung itu, ini semua ke mana? Caruman Tabung Tanam Semula contohnya, ke mana duit itu pergi sedangkan kebun begitu semak?" bidasnya ketika ditemui akhbar mingguan Amanah.

Sehubungan itu, Rozali, 63, berharap pihak Felda di bawah pengerusinya yang baharu, Tan Sri Shahrir Abdul Samad benar-benar berusaha menyelesaikan masalah warga peneroka.

"Kontraktor bertukar kereta dan lori tapi masalah peneroka pula seperti tiada siapa yang endah. Jangan hanya cakap di dewan, balik terus hilang tiada tindakan," ujarnya lagi.

ASH-HAR
TRAVEL & TOURS SDN BHD
شركة أشهر للسياحة
Ditubuhkan Sejak: 1994 منذ ١٩٩٤
No. Lesen Haji: PJH 19/1438H
No. Lesen KPL: 5259

Ibadah Umrah Lebih Mudah Bersama

ASH-HAR

TRAVEL & TOURS SDN BHD

UMRAH • HAJI • PELANCONGAN

HARGA
SERENDAH
RM 5,990
SEORANG

Kami Menyediakan Pakej:

UMRAH TERUS

UMRAH EKONOMI

12 HARI 10 MALAM

Penginapan:
Madinah: SOFARA AL HUDA /Setaraf
Makkah: NADA DEFAH /Setaraf

Harga:
RM 5,990

UMRAH EKSKLUSIF 5 BINTANG 12 HARI 10 MALAM

Penginapan:
Madinah: SOFARA AL HUDA /Setaraf
Makkah: AL SAFWAH HOTEL /
HILTON TOWER/Setaraf

Harga:
RM 7,390

UMRAH MUSIM CUTI SEKOLAH

Penginapan:
Jarak Hotel (Makkah): 200-350 meter
TERMASUK Cuti Sekolah Bulan Mac

Harga:
RM 6,790

UMRAH MUSIM BIASA

TIDAK TERMASUK Cuti Sekolah dan
Musim Perayaan

Harga:
RM 5,990

UMRAH & ZIARAH

UMRAH TRANSIT

BADAL HAJI & UMRAH

Serta Pakej:

HAJI EKONOMI & VIP

- PAKEJ EKONOMI : RM 29,700 - RM 40,700
- PAKEJ KHAS : RM 36,700 - RM 45,700
- PAKEJ AL SAFWAH : RM 53,900 - RM 61,900
- PAKEJ AL SAFWAH (VIP 1) : RM 99,900 - RM 109,900
- PAKEJ DAR AL TAWHID (VIP 2) : RM 149,000 - RM 159,000

PELANCONGAN LUAR NEGARA

AMAZING TURKEY (WINTER)	RM 4,699 (11-19 NOV 2017), RM 4,999 (1-9 DEC 2017)
YOGJAKARTA	RM 2,099 (26-29 AUG 2017/15-18 DEC 2017)
KOREA (WINTER)	RM 4,299 (1-5 DEC 2017)
MELBOURNE (SUMMER)	RM 4,799 (1-6 DEC 2017)
HO CHI MINH	RM 1,599 (22-26 JUL 2017/25-28 NOV 2017)
BRISBANE GOLDCOAST (SUMMER)	RM 5,500 (26-31 DEC 2017)
GUANGZHOU (SUMMER & WINTER)	RM 1,880 (16-20 DEC 2017/13-17 DEC 2017)
BALI	RM 1,850 (16-20 SEPT 2017/1-5 DEC 2017)
BEIJING (WINTER)	RM 3,550 (27 DEC 2017-2 JAN 2018)
LOMBOK	RM 1,899 (10-13 AUG 2017/9-12 DEC 2017)
BRUNEI	RM 1,550 (6-8 OCT 2016/8-10 DEC 2017)
BANGKOK PATTAYA	RM 1,850 (25-29 OCT 2017)
HONGKONG SHENZHEN	RM 3,550 (28 DEC 2017-1 JAN 2018)
UZBEKISTAN TOUR (WINTER)	RM 5,399 (29 NOV-6 DEC 2017)

HUBUNGI KAMI DI:

ASH-HAR TRAVEL & TOURS SDN BHD
23-1 JALAN 3/76D, DESA PANDAN, 55100 KUALA LUMPUR

03-9200 7050

ashhartravel@gmail.com +6017-367 5070

UNTUK MAKLUMAT TERKINI, LAWATI KAMI DI:

f Ash Har Travel & Tours Sdn Bhd

ash_har94 @ashhartravel

toursashhartravel.
wixsite.com/desapandan

▶ **EJEN DIPERLUKAN**

Adakah Majlis Ekonomi dipengerusikan PM hanya 'tunggul kayu'?

SAYA ialah ahli parlimen pertama yang menyatakan bahawa Tan Sri Isa Samad akan dijadikan 'kambing hitam' untuk dikorbankan bagi menyelamatkan Datuk Seri Najib Tun Razak, seawal 17 Februari 2017 seperti yang dilaporkan *Malaysiakini*.

Oleh itu, sementara saya lega kerana akhirnya ada siasatan ke atas penyelewengan wang Felda yang akan membebaskan rakyat Malaysia untuk berpuluh tahun akan datang, saya juga tidak mudah terpedaya bahawa siasatan ini adalah ikhlas dan menyeluruh. Saya sudah dapat menghidu seawal Februari 2017 lagi bahawa ini akan berlaku kerana memang perkiraan itu telah dibuat lebih awal.

Sebab itu, saya menyeru rakyat Malaysia dan rakan-rakan di dalam Pakatan Harapan agar tidak ghairah bertepuk tangan dengan penahanan Tan Sri Isa Samad kerana itu belum tentu akan dapat merungkai kesemuanya sekiranya penyelewengan ini tidak disiasat secara menyeluruh.

Satu perkara yang membimbangkan saya adalah bagaimana budaya pertanggungjawaban di Malaysia ini (baik dalam politik, di tempat kerja, di jabatan kerajaan dan lain-lain) hanya memberi tumpuan kepada "kambing hitam" yang menjadi korban. Jika ada sesuatu penyelewengan atau pelaburan yang merugikan, hanya "kambing hitam" itu yang disiasat dan dihukum. Ketua atau badan yang bertanggungjawab mengawal selia dan meluluskan tindakan-tindakan "kambing hitam" itu yang akhirnya menyebabkan kerugian tidak disentuh langsung dan mereka kekal di jawatan mereka.

Sebab itu apabila sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) rugi besar, yang dihukum hanyalah Ketua Pegawai Eksekutifnya sedangkan Lembaga Pengarah yang turut bertanggungjawab membuat kesemua keputusan

besar yang dilaksanakan oleh CEO tidak dikenakan tindakan.

Dalam kes pembelian hotel-hotel mewah di Kuching dan London oleh Felda yang menjadi tumpuan siasatan SPRM dan punca Tan Sri Isa Samad ditahan, beliau bukanlah individu yang tertinggi yang membuat keputusan pembelian. Ada lagi badan yang lebih tinggi yang sepatutnya telah lebih awal menolak dan membatalkan hasrat Felda untuk membeli hotel-hotel ini.

Saya merujuk pengalaman saya mengendalikannya skandal pembelian tiga unit hartanah di Australia oleh MARA yang harganya dinaikkan hampir dua kali ganda. Kes itu sekarang sudah menjadi siasatan pihak berkuasa (walaupun belum ada seorang pun yang didapati bertanggungjawab) dan saya sudah pun menang saman dengan Timbalan Ketua Pemuda Umno yang menuduh saya memfitnah dalam kes itu.

Dalam kes tersebut, menteri yang bertanggungjawab ketika itu (Datuk Seri Shafie Afdal) dan pengerusi MARA ketika itu (Tan Sri Annuar Musa) dengan secara jelas mengesahkan bahawa cadangan pembelian hartanah luar negara oleh MARA itu telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Ekonomi yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak.

Malah, laporan Astro Awani dengan secara jelas juga memetik Tan Sri Annuar Musa sebagai mengesahkan bahawa "kelulusan dari Perdana Menteri (melalui Majlis Ekonomi) adalah sebahagian dari prosedurnya".

Saya telah menyemak laman web Majlis Ekonomi untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai keanggotaannya, fungsinya dan terma rujukannya di capaian <http://www.epu.gov.my/ms/seksyen/urus-setia-majlis-ekonomi>

Datuk Seri Najib telah menetapkan bahawa

Majlis Ekonomi mengambil alih tugas Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal pelaburan negara. Ini disahkan juga oleh laporan Malaysiakini yang memetik penerangan Tan Sri Annuar Musa bagaimana pembelian di luar negara (atau) yang melibatkan pinjaman luar negara perlu dibawa ke Majlis Ekonomi yang dipengerusikan Perdana Menteri.

Oleh yang demikian, pembelian hotel di London oleh Felda sudah tentu perlu melalui proses kelulusan yang sama iaitu perlu dibawa dan diluluskan oleh Majlis Ekonomi yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri di samping menteri kanan yang lain.

Jika Tan Sri Isa Samad direman dan disiasat atas dakwaan menerima suapan dari pembelian hotel tersebut yang menyeleweng duit Felda, maka Datuk Seri Najib Razak dan anggota Majlis Ekonomi yang lain juga perlu disiasat untuk menentukan sama ada mereka juga menerima habuan/suapan kerana merekalah (Perdana Menteri dan anggota Majlis Ekonomi) yang turut meluluskan pembelian hotel di London (yang perlu dibawa ke Majlis Ekonomi kerana ia melibatkan pelaburan luar negara).

Jika ada bukti mereka tahu bahawa pembelian itu ada unsur penyelewengan kerana harganya lebih mahal tetapi mereka tetap meluluskannya, mereka perlu disiasat pula sama ada mereka mendapat habuan. Jika ada bukti mereka mendapat habuan, mereka juga perlu ditahan seperti Tan Sri Isa Samad.

Jika mereka tidak tahu ada unsur penyelewengan dalam pembelian itu tetapi gagal mengenal pasti risiko pelaburan dan gagal menyemak bahawa harga yang perlu dibayar Felda adalah terlalu tinggi, maknanya mereka tunggul yang makan gaji buta kerana gagal/



cuai menjalankan amanah sebagai anggota Majlis Ekonomi. Mereka perlu dipecat atau jika mereka bermalu, mereka perlu meletakkan jawatan.

Budaya rasuah menjadi begitu mendalam dan parah di negara kita bukan disebabkan dua tiga orang yang ditangkap terlibat di dalam penyelewengan. Mereka sebenarnya hanyalah sebahagian kecil dari satu ekosistem pentadbiran negara yang mendokong dan membenarkan rasuah berleluasa. Jika kita benar-benar mahu membanteras rasuah, kita perlu memerangi keseluruhan ekosistem rasuah ini termasuklah dengan menuntut satu teladan pertanggungjawaban yang tertinggi di kalangan menteri dan pegawai kanan kerajaan yang menduduki kerusi-kerusi penting seperti Majlis Ekonomi.

Oleh itu, walaupun Tan Sri Isa Samad telah 'dikambinghitamkan', itu tidak bermakna Datuk Seri Najib boleh mencuci tangan. Beliau perlu dipanggil SPRM untuk disiasat untuk menentukan sama ada sebagai Pengerusi Majlis Ekonomi, beliau telah meluluskan pembelian ini (jika dibawa) dan sebab musabab beliau berbuat demikian sedangkan jelas harga yang dibayar Felda adalah jauh lebih tinggi dari yang sepatutnya.

■ **Rafizi Ramli ialah Ahli Parlimen Pandan dan Naib Presiden Keadilan.**

Hakikat sebenar pindaan Akta 164

ASAS pindaan ini adalah khusus menyebut tentang jika salah seorang pasangan yang bukan Islam memeluk Islam. Implikasi kepada permasalahan ini adalah bagaimana status ikatan perkahwinan ini? Bagaimana status agama anak dan kebajikannya serta bagaimana tuntutan-tuntutan harta dan pembiayaan anak-anak.

Pemelukan Islam salah seorang pasangan yang berkahwin sebelumnya terikat bawah Akta 164. Disinilah isu yang menjadi perbincangan dari sudut 'remedi' atau 'jalan keluar' yang mencadangkan, asasnya ialah ikatan perkahwinan pasangan tersebut hendaklah dibubarkan di Mahkamah Sivil di mana sebelumnya tiada klausa yang menghususkan peruntukan ini iaitu di bawah seksyen 51.

Lompong atau lakuna sebelum ini menyebabkan berbagai masalah kerana salah satu pasangan yang memeluk Islam hanya bercerai secara perundangan di Mahkamah Syariah sahaja (yang Muslim) manakala di peringkat sivil perkahwinan mereka masih lagi dianggap kekal kerana tiada pembubaran berlaku.

Implikasinya adalah kebajikan anak bawah

umur di mana ada kes yang membabitkan anak di bawa lari dan anak yang diislamkan tanpa kerelaan salah seorang pasangannya ibu atau bapanya. Berlakulah konflik yang tak berkesudahan dan mahkamah tiada remedi kerana tiada peruntukan dalam akta tersedia ada maka seksyen 51 cuba mengatasi sebahagian kelompangan perundangan ini.

Asas perbincangan saya adalah, kontroversi ini perlu dihadapi dengan penuh rasa tanggung jawab terhadap perkara yang lebih besar dari sentimen dan perasaan berpandukan pada nilai kerahmatan, keadilan dan 'karamatul insan'. Inilah prinsip Maqasid Syariah yang menentukan apa sahaja keputusan yang dibuat dalam memahami akta ini.

Saya berhujah lagi bahawa ulama muktabar berbeza dalam memahami masalah status agama anak. Mazhab Syafie, Hanafi dan Hanbali menetapkan status anak berpandukan keislaman mana-mana pasangan. Pandangan Malik berbeza dengan menyatakan status agama anak berpandukan nasab (jalur keturunan) maka ia mengikut agama bapa. Imam Al Thawri berpandangan status

agama adalah atas pilihan anak terhadap agama ibu atau bapanya setelah akil baligh.

Walaupun seksyen 88 tentang status agama anak bawah umur ditarik balik pindaannya pada saat-saat akhir, akta ini masih tetap 'separuh masak' kerana tidak menggarap persoalan yang telah menimbulkan berbagai konflik perundangan yang telah memangsakan kebajikan kanak-kanak yang terpaksa membesar dengan penuh tekanan emosi.

Tuduhan liar kononnya akta ini menggadai Islam dan segala teori konspirasi di sebaliknya adalah tidak berasas malah boleh dianggap keluar dari konteks sebenarnya mengapa akta ini dipinda.

Status agama anak dalam pindaan Akta 164 bukan soal menggadai akidah ataupun menidahkan kepentingan Islam tetapi ia mesti diletakkan atas piawai tujuan utama Syariah Islam didatangkan iaitu 'menjaga agama'. Yang dimaksudkan 'menjaga agama' adalah memelihara keadilan, kerahmatan dan 'karamatul insan'.

Pihak yang menuduh hanya ahli parlimen partinya sahaja yang membela Islam dengan



menolak pindaan Akta 164 ini, sekali lagi 'mensucikan' diri mereka dan telah buta hakikat bahawa yang menjadi perbincangan kami di Parlimen adalah memastikan nama baik Islam tidak dicemari dengan sentimen dan emosi pemikiran sempit yang hanya melihat satu sisi.

Penulisan seorang AJK Pas Pusat yang bukan ahli parlimen pun menuduh bukan-bukan telah memainkan sentimen agama yang cukup berbahaya dan gagal melihat tugas dan fungsi ahli legaslatif memelihara artikel 8 Perlembagaan Persekutuan.

■ **Dato' Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Ahli Parlimen Parit Buntar dan Naib Presiden AMANAH.**

Gagal fahami Akta 164 dorong buat tuduhan melulu

Jangan 'merapu' jika tak faham isu

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH, Ustaz Zolkharnain Abidin menyifatkan Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr Riduan Mohd Nor gagal memahami Akta 164 sehingga mengeluarkan kenyataan 'merapu' berhubung pindaan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 itu.

"Dalam tulisannya, Riduan Md Nor (RMN) menyerang AMANAH secara merapu berkaitan isu pindaan Akta 164, apabila dia berkata pindaan akta itu membahayakan kepentingan umat Islam di negara ini, dan AMANAH menyokongnya," ujarnya.

Menasihati pemimpin Pas itu supaya tidak merapu, beliau menyenaraikan tujuh hujah membidas dakwaan Riduan yang menuduh Ahli Parlimen beragama Islam dari AMANAH dan Keadilan tidak menyertai Ahli Parlimen Pas mengambil bahagian mem-

bantah usul pindaan tersebut.

Menurut Ustaz Zolkharnain, tidak boleh berlaku orang bukan Islam yang mahu berkahwin dengan orang Islam tidak perlu memeluk Islam seperti didakwa Riduan kerana orang Islam yang ingin berkahwin perlu membuat permohonan.

"Jika orang Islam memohon untuk berkahwin dengan orang bukan Islam, permohonannya akan ditolak. Macam mana perkahwinan akan berlaku jika permohonan ditolak?" bidasnya.

Dakwaan lulusan sejarah itu kononnya orang Islam hendaklah dibenarkan keluar dari Islam jika ingin berkahwin dengan orang bukan Islam tanpa boleh dikenakan tindakan undang-undang juga dilihat sebagai merapu.

"Orang Islam yang ingin keluar Islam perlu mengemukakan permohonan kepada mahkamah.

Wujudkah undang-undang yang menghendaki mahkamah membenarkan orang Islam untuk

keluar Islam jika ingin berkahwin dengan non muslim?" soalnya.

Mengulas lanjut dakwaan Riduan kononnya seseorang atau pasangan suami isteri yang menukar agamanya dengan memeluk Islam tidak patut diberikan hak jagaan anak, Ustaz Zolkharnain berkata, seorang anak itu akan tinggal dengan ibunya yang Islam jika masih di bawah umur dan yang memeluk Islam adalah ibunya.

"Jika pihak yang memeluk Islam adalah bapanya, anak bawah umur itu akan tinggal bersama ibunya walaupun ibunya belum Islam sebab tempat seorang anak adalah bersama ibu demi kepentingan kehidupan anak.

"Bapanya yang Islam hendaklah terus menyara anak itu, mengambil berat dan mendidik anak itu supaya terpicat dengan Islam setelah dia berhak memilih agamanya sendiri.

"Di sinilah peranan bapa sangat diperlukan dalam dakwah dan jikabapa berupaya menampil-

kan akhlak yang baik, anak itu akan terpicat dengan keislaman bapanya," jelas beliau.

Menyentuh soal tuntutan harta pusaka, beliau turut menyangkal dakwaan Riduan kononnya orang dakwaan Riduan kononnya orang bukan Islam yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan individu yang memeluk Islam hendaklah diberi hak menuntut harta pusakanya selepas kematian. "Bukan diberikan hak menuntut harta pusaka tetapi hak menuntut harta yang diperolehi bersama semasa perkahwinan.

"Harta sepencarian itu hendaklah diagihkan secara adil antara pasangan suami isteri itu. Nafkah anak mesti ditanggung oleh bapa. Jika timbul pertikaian tentang harta pusaka, rujukannya adalah mahkamah syariah," tegasnya lagi.

Sidang Dewan Rakyat 10 Ogos lalu meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017 yang bertujuan meminda Akta

Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 atau (Akta 164).

Keputusan itu diumumkan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Seri Dr Ronald Kiandee selepas RUU itu dibacakan kali ketiga oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said dan disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri.

Dalam penggugulan perbahasan itu, Azalina berkata pindaan itu bertujuan memberi ruang kepada pasangan yang berkahwin dan telah memeluk agama Islam atau salah seorang dari pasangan itu yang masih berada dalam agama Islam untuk memfailkan petisyen pembubaran perkahwinan di mahkamah sivil.

Katanya, ia bagi mengelak tindakan oleh sama ada suami atau isteri yang tidak mahu menamatkan sesuatu perkahwinan tetapi tidak menjalankan tanggungjawab terhadap pasangannya, anak-anak atau harta mereka.

ABIM dukacita Akta 164 jadi modal pertikaian agama

ANGKATAN Belia Islam Malaysia Belia Islam Malaysia (ABIM) menyifatkan perbahasan dalam menguruskan perbezaan agama harus bersifat menyeluruh serta praktikal dalam merungkai krisis antara agama di negara ini termasuk isu besar Rang Undang-Undang (RUU) 164 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976.

Setiausaha Agungnya, Muhammad Faisal Abdul Aziz berkata, sebelum ini isu pindaan Akta 164 dilihat menjadi tembok yang mem-

buntukan usaha perpaduan dan pembentukan bangsa Malaysia. "Agak mendukacitakan apabila ramai yang melihat isu RUU 164 ini sebagai ancaman antara satu sama lain dan pandangan ter-

sebut telah menutup mata kita untuk melihat peluang besar yang terhidang di hadapan iaitu mengangkat agama sebagai medium menyelesaikan krisis dan salah faham," ujarnya.

Beliau berkata, sebelum ini banyak kes membabitkan akta tersebut berlarutan dan pastinya kes sedemikian akan timbul dari semasa ke semasa.

"Bermula apabila salah seorang pasangan suami isteri yang asalnya bukan Islam memeluk Islam dan seterusnya membawa kepada pertikaian hak jagaan anak, nafkah, dan status agama anak," jelasnya dalam satu kenyataan.

Mengulas pihak yang membantah pindaan Akta 164 tanpa mengemukakan alternatif ke

arah jalan penyelesaian, beliau berpendapat sikap tersebut bercanggah dengan pendirian bahawa Islam menyelesaikan pelbagai masalah.

"Ironinya, mereka sendiri yang sering melaungkan slogan 'Islam sebagai penyelesaian kepada semua masalah' tetapi dengan sengaja membiarkan isu ini belanjutan malah menghalang usaha-usaha untuk mencari jalan penyelesaian," bidasnya.

Muhammad Faisal berkata, pindaan Akta 164 antara lain mencadangkan pindaan Seksyen 51(1) untuk membuka pintu kepada pasangan yang memeluk Islam memfailkan petisyen perceraian di Mahkamah Sivil.

Sebelum ini, katanya seseorang

yang telah memeluk Islam tidak dibenarkan untuk membubarkan perkahwinan di Mahkamah Sivil.

Pada masa yang sama, jelasnya Mahkamah Syariah juga telah menutup pintu kepada pasangan bukan Islam untuk diadili di Mahkamah Syariah.

"Akibatnya, salah seorang pasangan yang memeluk Islam tiada pilihan melainkan memfailkan petisyen perceraian di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Syariah dalam kes-kes sebelum ini telah membuat keputusan memihak kepada pasangan Muslim tanpa memberi hak kepada pasangan bukan Islam untuk didengari dan diadili.

"Adalah suatu yang tidak masuk akal apabila salah seorang pasang-

an yang memeluk Islam memfailkan perceraian di Mahkamah Syariah, pasangan tersebut diberikan pelepasan seperti hak jagaan anak tanpa hak untuk seorang lagi pasangan yang bukan Islam didengari," ujarnya.

Menurutnya, keengganan Mahkamah Syariah memberi hak kepada pasangan bukan Islam atas alasan kekangan undang-undang sedia ada telah menambahkan lagi persepsi buruk dan fobia masyarakat bukan Islam ke atas Islam dan Mahkamah Syariah.

Sehubungan itu, Muhammad Faisal menyarankan Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Syariah Negeri dipinda bagi membolehkan Mahkamah Syariah menjadi medium terbaik untuk mengadili kedua-dua pihak.

Paranoid anggap pindaan Akta 164 lucut hak Islam

DAKWAAN Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr Riduan Mohd Nor bahawa pindaan Akta 164 menyebabkan satu demi satu hak umat Islam terlucut dilihat sebagai paranoid (keyakinan melampau bahawa orang lain sentiasa mengancam).

Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH, Ustaz Zolkharnain Abidin menegaskan bahawa pindaan akta tersebut tidak melucutkan hak orang Islam seperti didakwa sebaliknya memartabatkan Mahkamah Syariah.

Bahkan, jelasnya Rang Undang-undang (RUU) yang diluluskan

Dewan Rakyat itu turut membantu perkembangan dakwah dan memperkukuh hubungan antara Muslim dan bukan Muslim.

Beliau turut melihat tanggapan pemimpin Pas berkenaan kononnya pindaan Akta 164 memberikan pelbagai kelebihan buat sesiapa untuk murtad, menukar agama, dan mengikis hak terutama penjagaan hak terhadap anak-anak sebagai antara hujah merapu.

"Kelebihan untuk orang murtad? Murtad berlaku walaupun tanpa pindaan akta ini, bahkan semenjak zaman Nabi lagi

murtad berlaku.

"Orang murtad tidak pernah mendapat tempat istimewa dalam mana-mana masyarakat. Bagaimana boleh dikata pindaan akta ini kelebihan untuk mereka?" bidasnya.

Ustaz Zolkharnain menyifatkan murtad tiada kaitan dengan peruntukan akta tetapi berkaitan dengan perangai individu Islam yang gagal dalam dakwah dan akhlak mereka untuk menonjolkan keindahan dan rahmat Islam.

Beliau turut menafikan anggap Riduan yang juga bekas

guru sejarah kononnya kelulusan pindaan akta tersebut erti kekalahan besar terhadap kepentingan Islam dan kemenangan moral buat pembenci Islam di negara ini.

"Kenapa Riduan kata Islam kalah besar? Jika Pas yang kalah undian dalam Parlimen, itu kekalahan Pas bukan kekalahan Islam.

"Pas kalah tak semestinya Islam kalah. Riduan rasa hanya Pas saja yang berjuang Islam?" bidasnya.

Mengulas lanjut, Ustaz Zolkharnain berpendapat pindaan

Akta 164 merupakan kemenangan Islam dalam tempoh jangka panjang.

"Pindaan (Akta 164) ini memberi ruang Islam dipandang hormat oleh orang lain apabila orang Islam menunaikan hak dan tanggungjawabnya dengan sempurna," tambahnya lagi.

Pindaan Akta 164 itu, jelas beliau memberi hak kepada suami atau isteri yang memeluk agama Islam bagi memfailkan petisyen pembubaran perkahwinan di mahkamah sivil mengikut peruntukan Subseksyen 51(1) Akta 164.

SPRM dan LHDN tidak wajar 'pilih bulu'



KUALA LUMPUR: Segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa patut disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk memastikan tidak ada penyelewengan berlaku di semua peringkat.

Ali Parlimen Kuala Terengganu Raja Bahrin Shah berkata, tugas penguatkuasaan perlu dilakukan agensi terabit dengan adil dan saksama tanpa memilih bulu.

"Keadilan bukan hanya mesti dilaksanakan tetapi mesti juga kelihatan dilaksanakan. Itulah asas keadilan sebenar yang juga dituntut Islam," ujarnya.

Raja Bahrin mengulas serbuan LHDN terhadap syarikat-syarikat yang dimiliki anak-anak bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad baru-baru ini sehingga menimbulkan kecurigaan

banyak pihak.

"Adakah ianya siasatan secara menyeluruh ke atas keluarga anak beranak bekas Perdana Menteri dan menteri-menteri kabinet? Jika ianya benar kenapa hanya (Datuk) Mokhzani (Mahathir) yang disasarkan oleh LHDN serta kerajaan dan tidak Khairy Jamaluddin (menantu Tun Abdullah Ahmad Badawi) yang menguasai beberapa syarikat tertentu sejak dahulu lagi semasa Pak Lah menjadi Perdana Menteri?"

"Lebih menghairankan lagi kenapa tidak juga Riza Aziz anak tiri Najib yang namanya tersohor di seluruh dunia dengan penglibatan beliau bersama Jho Low dalam skandal 1MDB dan pembelian hartanah mewah?"

"Riza amat muda untuk memiliki begitu banyak kekayaan berbanding peniaga veteran lain yang sudah lama di dunia koporat. Adakah kerana Khairy

adalah menteri kabinet dan Riza Aziz ialah dari dalam kumpulan keluarga yang masih berkuasa maka mereka memiliki kekebalan tertentu di mata pihak berkuasa? Kenapa memilih bulu dan sasar hanya dari keluarga yang sudah tidak lagi berkuasa?" soal beliau.

Raja Bahrin juga inginkan kepastian sama ada LHDN menyahut gesaan terbuka Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Zahid Hamidi, Menteri Pelancongan Datuk Seri Nazri Aziz dan para pemimpin Umno agar kekayaan keluarga Tun Mahathir disiasat.

"Adakah ianya suatu kebetulan sahaja atau adakah LHDN dan SPRM menerima tekanan dari Umno seperti di katakan oleh orang ramai - menerima arahan dengan sahutan 'saya yang menurut perintah'."

"Adakah kebetulan juga dua orang lagi anak Tun Mahathir iaitu Mirzan Mahathir dan juga Mukhriz Mahathir

juga disiasat?"

"Persoalan lagi kenapa selepas berpuluh tahun Datuk Mokhzani berniaga baru sekarang tindakan diambil? Adakah kerana Tun Mahathir bersuara tentang rasuah dan kleptokrasi kerajaan (pimpinan) Najib tindakan diambil ke atas ahli keluarganya?" soalnya lagi.

Justeru beliau yakin LHDN dan SPRM turut mempunyai pengetahuan mendalam berkaitan urusan perniagaan keluarga Najib dan juga keluarga Pak Lah berbanding keluarga Tun Mahathir yang sudah lagi tidak berkuasa atau berpengaruh.

"Berita skandal 1MDB melibatkan Riza Aziz tersebar luas serata dunia dan juga di Putrajaya. Adakah LHDN disaran kerajaan mengambil sikap seperti peribahasa 'gajah di depan mata tidak nampak tetapi kuman diseberang lautan jelas kelihatan' oleh mereka!"

"Bukankah kerana kehilangan wang

negara disebabkan angka keluarga 'gajah di depan mata' inilah LHDN terpaksa mengambil tindakan terhadap orang yang sudah pun mati untuk mengutip hasil cukai pendapatan yang amat diperlukan oleh negara hari ini?" soal beliau lagi.

Apa yang lebih mengecewakan, tambah Raja Bahrin, 'gajah besar' itu boleh dilihat terang dan jelas oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ), kerajaan Abu Dhabi, Switzerland, Singapura dan juga Perancis.

Beliau menyifatkan kegagalan melihat 'gajah besar' itu berpunca daripada keruntuhan nilai dan moral yang amat kronik.

"Sehingga kita membuka mata hati kita terhadap kerosakan moral dan rompakan kewangan oleh 'gajah' di depan mata kita, selama itulah kita akan terus kekal menjadi juara kleptokrasi dunia tanpa tanding," katanya.

Pelantikan Ketua Hakim perlu dirujuk ke Mahkamah Persekutuan

KUALA LUMPUR: Peguam Negara Tan Sri Apandi Ali disaran menyokong petisyen Pakatan Harapan (PH) untuk merujuk keputusan kerajaan melanjutkan tempoh perkhidmatan Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan ke Mahkamah Persekutuan.

Apandi juga diminta menasihati Perdana Menteri agar menasihati Yang di-Pertuan Agong supaya merujuk hal tersebut kepada Mahkamah Persekutuan kerana langkah itu bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan.

Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang berkata,

pelanjutan tempoh khidmat kedua-dua hakim tersebut, Tan Sri Md Raus Sharif dan Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin adalah bertentangan dengan Perlembagaan dan Yang di-Pertuan Agong boleh merujuk isu terbabit kepada Mahkamah Persekutuan untuk dibuat semakan.

Peruntukan tersebut katanya termaktub dalam Perkara 130 Perlembagaan Persekutuan.

"Kesan buruknya termasuk menghalang peluang dan prospek sekurang-kurangnya lapan hakim Mahkamah Persekutuan, tiga

daripadanya wanita. Lebih penting lagi, ia menafikan peluang Tan Sri Richard Malanjum sebagai Hakim Besar Sabah Sarawak yang pertama untuk dilantik sebagai Ketua Hakim Negara," kata Kit Siang.

Menurut beliau juga, wujud terlalu banyak pendapat undang-undang yang menentang putar belit peruntukan Perlembagaan bagi menghalalkan pelantikan yang bertentangan dengan undang-undang itu.

"Ini termasuklah dari bekas Ketua Hakim Negara, bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, bekas Peguam Negara, bekas menteri undang-

undang, serta Majlis Peguam yang mengadakan mesyuarat tergempar mengenai perkara itu," kata Ahli Parlimen Gelang Patah itu.

Apandi sebelum ini dilaporkan berkata, pelantikan semula kedua-dua hakim tersebut adalah bertepatan dengan Perlembagaan tanpa menghadirkan sebarang hujah baru bagi menjustifikasi keputusan terbabit.

Para pemimpin PH diketuai Tun Dr Mahathir Mohamad 2 Ogos lalu menghantar petisyen ke Istana Negara bagi memohon Yang di-Pertuan Agong merujuk keputusan kerajaan ke Mahkamah Persekutuan.

Bantu pelombong bauksit haram khianati negara

KUANTAN: Penahanan seorang pembantu am dan pegawai di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SRM) tidak membawa sebarang makna jika Peguam Negara (AG) enggan melakukan pendakwaan, kata Ahli Parlimen Kuantan Fuziah Salleh.

Ini kerana, jelas beliau bidang kuasa SPRM hanya untuk menyiasat sedangkan pendakwaan dilakukan Pejabat Peguam Negara.

"Aktiviti membantu perlombongan haram ketika moratorium yang diumumkan kementerian adalah perbuatan khianat kepada negara, insan dan alam sekitar serta tidak ada toleransi yang wa-

jar diberikan kepada pengkhianat.

"Namun SPRM hanya punya kuasa untuk menyiasat tetapi tidak untuk mendakwa. Taring SPRM sudah dipotong rejim kerajaan BN yang mahu terus membantutkan proses demokrasi, amalan 'good governance' serta integriti dan ketelusan di dalam urus tadbir," katanya dalam satu kenyataan.

Bagaimanapun beliau mengucapkan taniah kepada SPRM susulan kejayaan menahan beberapa penjawat awam di PTG Kuantan kerana disyaki membocorkan maklumat operasi kepada pelombong haram bauksit.

Katanya, pihak Peguam Negara

perlu membuktikan kesungguhan mereka untuk membersihkan rasuah di dalam industri perlombongan bauksit dengan mendakwa semua tertuduh yang ditahan SPRM.

Pada 5 Ogos lalu, SPRM menahan seorang pembantu am di PTG Pahang kerana disyaki menerima rasuah membocorkan maklumat operasi kepada pelombong bauksit haram.

Penahanan terbaru itu menjadikan jumlah mereka yang ditahan berkaitan kegiatan perlombongan bauksit seramai 11 orang termasuk seorang Pegawai Kanan Kastam dan sembilan kakitangan PTG Pahang.

Bekas Setiausaha Agung DAP meninggal dunia akibat barah

MELAKA: Bekas Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock meninggal dunia akibat barah 9 Ogos lalu setelah 15 tahun menghidap penyakit itu.

Menurut anaknya Kerk Chee Yee, Kim Hock berada dalam keadaan koma selama tiga hari ekoran pendarahan dalaman di bahagian otak selepas beberapa jam menjalani pembedahan pada 6 Ogos.

Bekas Ahli Parlimen Kota Melaka dan Ahli Parlimen Pasir Pinji itu menghembuskan nafas terakhir pada jam 6.10 petang di hadapan isteri dan dua anaknya.

Dalam perkembangan berkaitan, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng menyifatkan Kim Hock sebagai insan

yang sangat berprinsip, tegas dan setia kepada parti.

"Namun di sebalik ketegasannya, sikap keterbukaan dan kebijaksanaan menjadikan Kerk seorang yang mudah didekati dan tidak memiliki ramai musuh," kata Guan Eng dalam belaskawa mengenang tokoh DAP itu.

Menurutnya, Kim Hock sangat setia kepada keluarga dan rakan-rakannya sebagaimana setianya beliau kepada DAP dan prinsipnya.

"Walaupun tegas dengan prinsip keadilan, demokrasi, kebebasan dan kejujuran, beliau mudah menjadi kawan dan tidak ramai musuh. Beliau ahli politik Malaysia yang jarang kita temui," katanya.



Program 'rasionalisasi 1MDB' dijaja Arul Kanda

Pindah beban hutang pada rakyat

KUALA LUMPUR: Proses rasionalisasi 1MDB yang dijaja Ketua Pegawai Eksekutifnya, Arul Kanda Kandasamy dan para pemimpin BN hanyalah proses memindahkan hutang-hutang 1MDB kepada syarikat-syarikat milik penuh kerajaan melalui Kementerian Kewangan Diperbadankan (MOF Inc), jelas Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli.

Mengulas pertemuan meja bulat Arul Kanda dengan pemimpin Pas baru-baru ini, beliau tidak pasti sama ada pemimpin parti itu memahami proses rasionalisasi 1MDB sehingga 'berpuas hati' dan menyarankan kerajaan memantau syarikat-syarikat milik MOF Inc yang mengambil alih aset dan hutang 1MDB.

Menurut Rafizi, antara proses rasionalisasi 1MDB adalah menjual aset-aset negara yang dimilikinya kepada syarikat swasta dan asing, dengan harapan dana yang dibayar akan dapat mengurangkan hutang 1MDB disamping memindahkan hutang-hutang lain yang diwarisi semasa 1MDB membeli asetnya kepada pembeli baru.

Beliau memberi contoh penjualan anak syarikat 1MDB, Edra Energy kepada syarikat milik kerajaan China.

Langkah kedua, ujar beliau adalah menjual aset-aset 1MDB kepada syarikat swasta dan asing, dengan harapan pembangunan di tanah-tanah itu akhirnya akan membawa keuntungan yang sebahagiannya akan dikongsi oleh Kerajaan Malaysia.

"Penjualan itu juga diharap akan dapat membawa dana untuk membantu 1MDB mengurangkan hutangnya. Contohnya, penjualan tanah-tanah di Pengkalan Udara Sungai Besi kepada syarikat swasta dan syarikat milik Kerajaan China untuk

“ Penjualan itu juga diharap akan dapat membawa dana untuk membantu 1MDB mengurangkan hutangnya. Contohnya, penjualan tanah-tanah di Pengkalan Udara Sungai Besi kepada syarikat swasta dan syarikat milik Kerajaan China untuk dibangunkan menjadi Bandar Malaysia,”

dibangunkan menjadi Bandar Malaysia,” jelas beliau.

Aset-aset negara yang dimiliki 1MDB juga, jelas Rafizi dijual kepada tabung-tabung dana rakyat pada harga berlipat kali ganda ataupun operasi tabung-tabung dana rakyat dipindahkan ke pembangunan baru yang diusahakan 1MDB sedangkan tidak ada keperluan bagi tabung dana rakyat itu membelanjakan wang untuk ibupejabat baru.

"Contohnya penjualan tanah kepada Tabung Haji dan keputusan Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) untuk membina ibupejabat baru di Tun Razak Exchange (TRE)," ujarnya.

Langkah keempat dalam pelan rasionalisasi 1MDB, tambah Rafizi adalah memindahkan anak-anak syarikat 1MDB yang dibebani hutang kepada kerajaan sepenuhnya dan seterusnya mewarisi hutang-hutang tersebut.

"Contohnya SRC International Sdn Bhd dipindahkan kepada MOF Inc dan mewarisi hutang RM4 bilion yang kini ditanggung rakyat," katanya.

Sehubungan itu beliau mahukan kepastian sama ada para pemimpin Pas bersetuju dengan kaedah memindahkan hutang 1MDB kepada rakyat sedangkan wang

yang dipinjam oleh 1MDB itu telah dilepaskan dan diselewengkan untuk membeli harta-harta mewah.

"Di mana baiknya tindakan-tindakan merompak wang rakyat, kemudian menjual harta-harta rakyat untuk menutup lubang hutang setelah hutang-hutang itu dipindahmilik kepada kerajaan?"

"Pada masa yang sama, kerajaan terpaksa mengutip cukai yang baru (GST), meningkatkan kutipan cukai sedia ada sehingga orang yang mati pun masih perlu membayar cukai dan memotong perbelanjaan-perbelanjaan penting seperti pendidikan dan kesihatan?" ujarnya.

Rafizi turut kecewa dengan kenyataan Tuan Ibrahim dan pendirian pemimpin Pas tentang 1MDB kerana pasti ia akan dijadikan modal oleh Umno/BN bagi menghalalkan tindakan memindahkan hutang kepada rakyat.

"Sewajarnya bila Arul Kanda atau pengu-rusan 1MDB menawarkan untuk memberi taklimat, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man perlu mengambil peluang itu untuk membawa Arul Kanda berhadapan dengan Parlimen kerana selama ini Arul Kanda mengelak daripada hadir mengambil soalan-soalan ahli parlimen, terutamanya ahli parlimen pembangkang," katanya.

Kumpul maklumat kekayaan PM untuk SPRM

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli menawarkan diri untuk mengumpul maklumat mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bagi membantu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat penjawat awam yang hidup mewah melampaui pendapatan mereka.

"Saya sendiri akan mengambil tanggung jawab untuk mula mengumpul bukti-bukti kekayaan dan gaya hidup yang melampau mewah yang telah dipamerkan oleh Najib dan keluarga beliau.

"Ini lebih mudah kerana banyak siasatan telah dibuat berhubung dana 1MDB oleh pelbagai pihak berkuasa di dunia dan maklumat-maklumat ini boleh digunakan sebagai bukti bagaimana Datuk Seri Najib

Razak dan keluarganya menjalani kehidupan yang terlampau mewah yang tidak padan dengan pendapatan beliau sebagai penjawat awam," katanya dalam satu kenyataan.

Rafizi yang juga Naib Presiden Keadilan menuntut gesaan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Mohd Azam Baki agar orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai penjawat awam yang hidup mewah melampau melaporkan perkara itu dengan segera.

Azam berkata, penjawat awam yang hidup mewah sedemikian lazimnya terlibat dengan salah guna kuasa dan rasuah serta mempunyai jawatan tertentu dalam kerajaan.

Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat

(DOJ) sudah memfailkan dua saman sitaan terhadap aset bernilai AS\$1.8 bilion (RM7.7 bilion) yang didakwa dibeli dengan dana yang dicuri dari 1MDB.

Saman itu adalah tindakan undang-undang terbesar yang dilakukan di bawah Inisiatif Pengambilan Semula Aset Kleptokrasi.

Saman pertama difailkan pada Julai tahun lepas manakala saman kedua difailkan pada Jun tahun ini, dengan seorang individu yang digelar sebagai "Malaysian Official 1" disebut dalam kedua-dua saman itu.

Najib secara konsisten menafikan sebarang salah laku, dan tahun lalu Peguam Negara Tan Sri Apandi Ali membersihkan nama beliau daripada sebarang salah laku berkaitan 1MDB.

Usul RUU 355 Marang masih di awangan

HASRAT para penyokong Rang Undang-Undang 355 (RUU355) untuk melihat ianya dibahaskan pada sesi parlimen kali ini sekali lagi tidak kesampaian apabila sidang Dewan Rakyat ditangguhkan, 10 Ogos lalu.

Usul persendirian yang dibawa Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 itu pada asalnya disenaraikan sebagai item ke-10 dalam Kertas Perintah, di belakang urusan kerajaan.

Namun selepas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed mengumumkan bahawa empat rang undang-undang kerajaan akan ditangguhkan kepada sidang parlimen yang akan datang, RUU persendirian ahli parlimen Marang itu berada di kedudukan ke-6.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim kemudian membentangkan usul supaya sidang Dewan Rakyat ditangguhkan.

Umno ucap terima kasih Pas tarik balik artikel fitnah

TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki mengucapkan terima kasih kepada Pas kerana mengakui kesilapan pemimpinnya.

Beliau berkata, Pas secara tidak langsung mengakui kekhilafan dan kesilapan ahli jawatankuasa Pas Pusat Dr Riduan Mohd Nor dengan memadamkan artikel berunsur fitnah bertajuk 'RUU 164: Tragedi Malang Buat Umat Islam di Negara Ini'.

Beliau berharap perkara itu menjadi iktibar kepada semua pihak agar menyemak semua fakta sebelum menulis sesuatu isu.

"Moga jadi iktibar buat semua agar 'tabayyun' atau semak semua fakta sebelum menulis mahupun menularkannya takut-takut menjadi fitnah yang memudaratkan bahkan hanya menzahirkan kejahatan kita," katanya di Facebook, 13 Ogos lalu.

SPRM diminta siasat dakwaan Pas terima 'duit Umno'

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa menyiasat dakwaan pemimpin kanan Pemuda Pas yang menggambarkan parti itu mengambil wang daripada Umno.

Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Mohd Sany Hamzan berkata, SPRM perlu mengambil perhatian serius terhadap dakwaan ini kerana penyaluran dana kepada parti politik atas tujuan tertentu adalah tidak beretika dan bercanggah dengan undang-undang.

"SPRM perlu bertindak agar amalan penyaluran wang secara tidak beretika ini dapat dibendung sebelum ia membarah," katanya dalam kenyataan, 8 Ogos lalu.

Gesaan itu dibuat ekoran pengakuan Pengarah Pilihan Raya Pemuda Pas Pusat, Nurul Islam Mohamed Yusof bahawa Presiden Pas dan majlis syura parti itu memberi kebenaran mengambil wang daripada Umno.

Bagaimanapun, dakwaan Nurul Islam itu disangkal oleh Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Pas, Zaharudin Muhammad yang menganggap dakwaan Nurul Islam itu adalah fitnah.

AMANA H santuni ma



Pengerusi AMANA H Melaka Adly Zahari (berbaju T hitam) turut membantu membersihkan rumah mangsa banjir.



Membantu membersihkan rumah penduduk di Taman Bukit Beruang.



Ustaz Hasanuddin dan rombongan menziarahi rumah penduduk Kampung Padang Temu yang dilanda banjir.



Kesan-kesan banjir kilat yang menenggelamkan rumah penduduk.



Doa dibaca untuk kesejahteraan keluarga yang ditimpa bencana.

Mangsa banjir di Melaka



Meredah jalan berlecek sesudah banjir surut.



Harun menyampaikan sumbangan kepada seorang mangsa banjir.

HUJAN lebat yang turun di beberapa kawasan di negeri ini mengakibatkan banjir kilat melanda.

Antara daerah yang terlibat adalah Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah.

Sehubungan itu, pada 15 Ogos lalu Biro Kebajikan Parti Amanah Melaka dengan kerjasama ARiF dan Awan Negeri Melaka menziarahi mangsa-mangsa banjir di sekitar Kampung Padang Temu dalam daerah Kota Melaka.

Hadir sama menyantuni mangsa banjir ialah Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus yang juga Pengerusi Biro Kebajikan dan Bencana Alam AMANAH Nasional.

Dengan diiringi Ketua AMANAH Kawasan Kota Melaka, Harun Mohamed mereka menziarahi dan

menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir.

Rombongan AMANAH juga mengunjungi mangsa-mangsa banjir di Merlimau.

Bantuan diberikan kepada mangsa banjir tanda simpati selain bertanya khabar dan diakhiri doa buat mereka sekeluarga.

Para pemimpin AMANAH negeri dengan kerjasama anggota ARiF dan Awan negeri turut bergotong royong membantu membersihkan rumah-rumah mangsa banjir di Taman Bukit Beruang, Melaka dan beberapa kawasan lain yang dilanda banjir.

Usaha yang sedikit ini diharap dapat meringankan beban mangsa banjir dan menyerlahkan sikap inklusif dan peduli AMANAH.



Keadaan banjir di daerah Alor Gajah apabila air Sungai Melaka melimpah ke tebing.



Anggota ARiF membaiki kerosakan yang berlaku di sebuah rumah penduduk setelah banjir surut.



Ustaz Hasanuddin menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir yang terlantar uzur.



Diberi penerangan oleh seorang penduduk berhubung banjir kilat yang melanda.

SPRM mesti siasat RM230 juta dimiliki Zahid

Kelolaan **ARIF ATAN**

PEMUDA AMANAH Nasional mendesak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan terhadap dakwaan wujudnya RM230 juta dalam akaun Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Naib Ketuanya, Shazni Munir Mohd Ithnin berkata, hanya siasatan akan mengesahkan dakwaan Tun Mahathir sebelum ini yang menimbulkan persoalan banyak pihak memandangkan Zahid ketika itu berjawatan Ketua Pemuda Umno.

"Apakah sumber dan perolehan sehingga mampu mengumpul kekayaan berjumlah RM230 juta. Adakah wujud penyalahgunaan kuasa dan rasuah?"



Pemuda AMANAH Nasional yang diketuai oleh Sany Hamzan menyerahkan memorandum kepada SPRM di Putrajaya 14 Ogos lalu.

soalnya kepada pemberita sebelum menyerahkan memorandum kepada

SPRM di Putrajaya pada 14 Ogos lalu. Beliau berkata, Ketua Pesuruhjaya

SPRM tidak harus terlalu awal menafikan dakwaan sejumlah wang dimiliki itu tanpa melakukan siasatan yang sewajarnya.

"Masalahnya siasatan belum dibuat. Bagaimana pihak SPRM boleh membuat kesimpulan tiada bukti kukuh rasuah tanpa memanggil yang didakwa dan yang mendakwa? Tidakkah itu kesimpulan pra-matang?" ujarnya.

Mahathir awal bulan ini mendakwa Zahid yang kini merangkap pemangku Timbalan Presiden Umno secara lisan memberitahunya pada 1996 memiliki RM230 juta dalam akaun bank.

"Pada masa itu, dia (Zahid) beri laporan mulut kepada saya, saya tidak ambil berat perkara itu.

"Dia bagi penerangan kononnya hasil perniagaan, walaupun saya ragu-

ragu, saya tidak ada bukti ketika itu.

"Sekarang ini patut dia jawab dari mana dia dapat wang sebegitu banyak itu. Peniaga pun tidak ada duit banyak itu, saya tak pernah tengok duit banyak itu," dipetik kata Mahathir, 2 Ogos lalu.

Sementara itu, Ahmad Zahid dalam reaksinya bersedia disiasat SPRM tetapi pada masa sama menuntut suruhanjaya itu turut menyiasat kekayaan Mahathir dan keluarga Pengerusi Pakatan Harapan itu.

Akhir bulan lalu, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dikatakan menyerbu sebuah syarikat milik salah seorang anak lelaki Mahathir, Datuk Mokhzani Mahathir.

BN gagal tepati janji bina rumah mampu milik

PENGERUSI Jawatankuasa Perumahan Pemuda AMANAH Nasional, Ammar Atan menyifatkan kerajaan gagal menepati janjinya pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) untuk menyediakan sejuta unit rumah mampu milik menjelang akhir tahun 2018.

Sasaran dalam tempoh lima tahun itu kemudiannya pada 2013 ditingkatkan kepada 1.1 juta unit kediaman bagi memenuhi permintaan tinggi rakyat Malaysia berpendapatan rendah dan sederhana.

"Bagaimanapun, dengan maklumat terkini tentang bilangan rumah mampu milik baru dibina di Malaysia, jelas bahawa kerajaan BN jauh dari jadual sendiri dalam memenuhi sasaran.

"Dengan hanya 18 bulan lagi sebelum akhir 2018, adalah sangat tidak masuk akal bagi kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik seperti yang dijanjikan. Ini terutamanya kerana hanya 21 peratus daripada sasaran yang telah diselesaikan setakat ini.

"Sekalipun unit-unit yang sedang dalam pembinaan dapat diselesaikan 100 peratus menjelang akhir tahun depan, kerajaan BN masih mengalami kekurangan sebanyak 22 peratus daripada sasaran awal mereka," tegasnya dalam satu kenyataan.

Turut berada di landasan yang tersasar, bidas Ammar adalah prestasi Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang sepatutnya membina 500,000 unit rumah mampu milik menjelang 2018.

"Dengan hanya setahun yang lalu, PR1MA telah meluluskan 267,902 unit rumah, di mana hanya sejumlah 9,791 unit telah selesai," jelasnya.

Sehubungan itu, Pemuda AMANAH Nasional mendesak kerajaan BN memohon maaf secara terbuka kepada rakyat kerana gagal melaksanakan janji pada pilihan raya lalu.

"Dengan PR1MA yang mempunyai kekurangan besar sebanyak 277,693 unit bergerak ke hadapan, sasaran 1.1 juta rumah mampu milik hampir mustahil dicapai," tambah Ammar lagi.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar memberitahu Dewan Rakyat baru-baru ini, hanya 241,575 unit rumah mampu milik atau kira-kira 21.3 peratus daripada sasaran awal telah siap sehingga akhir April tahun ini.

Beliau juga berkata, sejumlah 634,235 unit atau lebih kurang 57 peratus sedang dalam pembinaan manakala baki 22 peratus masih di peringkat perancangan.

Kebajikan rakyat Selangor dibela

KEBAJIKAN

rakyat Selangor terbukti dibela sebaik gabungan parti pembangkang yang kini dikenali Pakatan Harapan diberi mandat mentadbir kerajaan negeri sejak 2008, kata Ketua Pemuda AMANAH Selangor, Abbas Azmi (gambar).

Menurutnya, rakyat Selangor menolak Umno-BN mulai Pilihan Raya Umum ke-12 lalu ekoran prestasi buruk rejim parti tersebut sepanjang berkuasa selama ini.

Mengulas desakan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor supaya rakyat Selangor menilai semula pembangunan yang terlebih dahulu dibawa kerajaan BN, beliau menganggap Setiausaha Agung Umno berkenaan hanya memperlekeh rakyat di negeri paling maju itu.

"Sejak merdeka hingga 2008 setitik air percuma pun Umno-BN tidak mampu beri kepada rakyat tetapi di bawah pentadbiran Pakatan Harapan bukan setakat air percuma, bas percuma, wifi percuma, Skim Tawas (Tabung Warisan Anak Selangor), skim perkahwinan, Rumah Selangorku, Skim Mikro Kredit Hijrah dan banyak lagi.

"Mudah kata, dari bayi yang baru dilahirkan sehinggalah meninggal dunia semuanya ada skim yang disediakan khusus bagi menjaga kebajikan rakyat," tegasnya dalam satu kenyataan.

Abbas berkata, Setiausaha Agung BN tersebut wajar melihat cermin dengan mata yang terbuka memandangkan rakyat Selangor sebenarnya amat selesa di bawah Pakatan Harapan.

"Umno-BN dilihat sudah berputus asa untuk menyerang kerajaan negeri



Selangor dan kini seolah-olah menyalahkan rakyat Selangor pula.

"Tengku Adnan perlu sedar kenyataannya yang mengatakan Umno yang membina Selangor dan kini semuanya ada pada pembangkang sebagai satu kenyataan yang kurang cerdas," bidasnya.

Menurutnya, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Taib yang menyaksikan negeri itu membangun maju sekarang sudah bersama parti komponen Pakatan Harapan iaitu PKR.

"Ini menguatkan lagi hujah bahawa Umno-BN sudah tidak boleh dipercayai lagi oleh rakyat negeri Selangor kerana pentadbiran di bawah kerajaan Umno-BN hanya mementingkan diri sendiri.

"Rakyat Selangor tidak lupa bagaimana mantan Menteri Besar Datuk Seri Khir Toyo mempunyai kekayaan luar biasa dan dibuktikan bersalah di mahkamah.

"Begitu juga kekayaan luar biasa wakil rakyat Umno ketika itu seperti yang dimiliki Allahyarham mantan Adun Pelabuhan Klang," ujar beliau.

Sehubungan itu, Abbas berpendapat rakyat Selangor akan lebih menolak Umno-BN ekoran skandal mega 1MDB dan cukai GST yang menyebabkan kenaikan harga barang serta penarikan subsidi petrol dan pinjaman pendidikan.

"Semua kerakusan pemimpin negara pada hari ini adalah faktor utama rakyat Selangor tidak akan kembali kepada Umno-BN dan rakyat Malaysia juga sedang menanti saat untuk menghancurkan pemimpin Umno-BN ini pada PRU-14 (Pilihan Raya Umum ke-14) akan datang," tambahnya lagi.

SUKAN JADI PENYATU...

Pimpinan Pemuda AMANAH Nasional bersama Angkatan Muda Ke-ADILan (AMK) menyaksikan pasukan Malaysia menang 2-1 ketika menentang Singapura di Stadium Melawati, Shah Alam pada 16 Ogos lalu.



Mahasiswa pimpin Revolusi Industri 4.0?

Oleh **ARIF ATAN**

MINGGU lalu seperti tahun-tahun sebelum ini, ribuan anak



muda berusia awal 20-an berpeluang menjejak kaki ke Universiti Awam (UA). Berjaya bergelar mahasiswa selepas bersaing dalam begitu banyak permohonan menjadikan kehadiran di menara gading tidak harus disia-siakan.

Apatah lagi dengan situasi semasa yang menyaksikan gelombang Revolusi Industri Keempat (4.0) sehingga memberi tempis kepada corak pembelajaran. Kuliah dan tutorial tidak lagi terhad di dewan dan kelas. Bahkan bagi sebahagian subjek di UA pembelajarannya sudah menerusi internet.

Dinamakan Kursus Dalam Talian Terbuka Secara Besar-besaran (MOOC), pendekatan itu melangkaui dan boleh dikongsi universiti lain di dalam mahu pun di luar negara.

Menurut Dr Nurkhamimi Zainuddin dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia muncul negara pertama di dunia mengiktiraf pemindahan kredit menerusi pembelajaran secara MOOC.

Namun, ketika dunia di hujung jari, adakah mahasiswa sekadar menjadi pemerhati dan mengangguk segala polisi dari pentadbiran universiti? Atau bersikap tidak peduli untuk mencabar ketidakadilan terhadap masyarakat-

nya lantaran lebih mengutamakan diri sepanjang tiga atau empat tahun di kampus?

Ironinya ketika ledakan Revolusi Industri 4.0 hangat diperkatakan dalam wacana di UA mutakhir ini, mahasiswa sebelum tahun 1970-an sudah pun 'berevolusi' dan berdikari menggerakkan pertubuhan, melaksanakan pilihan raya kampus dan menghasilkan penerbitan kritis dengan tiada kekangan untuk mengurus sendiri kewangan dan pentadbiran.

Namun, kawalan parti pemerintah kemudiannya merampas sifat berdikari mahasiswa sehingga nilai idealisme dan aktivisme golongan yang sebelum itu sinonim digelar jurucakap masyarakat melangkaui pagar kampusnya 'berevolusi' menjadi bonsai.

Ini termasuklah keupayaan mahasiswa menyampaikan idea dan pemikirannya sebagai reaksinya terhadap isu semasa melalui tulisan yang sekarang dilihat semakin tidak lagi mengarusperdana. Sebelum kemeriah Facebook, kerap dilihat kenyataan rasmi pertubuhan mahasiswa sama ada di peringkat universiti mahupun nasional di akhbar-akhbar tempatan.

Ikut logiknya, dengan perkembangan media sosial hari ini sewajarnya sudah berlaku situasi lambakan kenyataan rasmi disesakkan lagi dengan sekian banyak wacana dan kritikan sama ada secara bersemuka mahu pun disiar secara langsung di atas talian.

Revolusi Industri 4.0 yang dicanangkan seolah-olah memencilkan peranan mahasiswa untuk suaranya mengangkasa dengan aksi yang

membumi. Adakah mahasiswa semakin hari disibukkan dengan urusan di hujung jari daripada mengikuti kuliah di alam maya sehingga membelek turutan sembang di puluhan kumpulan WhatsApp selain mengemaskini status Facebook dengan cerita makan-makan?

Pada ketika kononnya anak muda tidak terkecuali mahasiswa mendakwa bosan dengan situasi politik semasa, wacana berkenaan tata kelola baik ketika Laporan Ketua Audit Negara 2016 dibentangkan awal bulan ini dilihat tidak pula hangat didebatkan.

Sama juga ketika bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Isa Samad diheret ke lokap minggu lalu bagi siasatan bersabit kes pembelian hotel di London dan Kuching, belum lagi ditemui reaksi atau komentar bernas hatta lima perenggan daripada pertubuhan mahasiswa setakat tulisan ini disiapkan pada 17 Ogos lepas.

Jadi, adakah rungutan sebahagian anak muda tidak terkecuali mahasiswa kononnya bosan dengan politik partisan dan memukul rata kononnya 'politik semua kotor' atau 'Umno dan pembangkang sama saja' lahir dari jiwa yang bertanggungjawab?

Mahasiswa sesuai dengan statusnya sebagai seorang terpelajar harus memiliki kesedaran memimpin pendapat umum dengan tidak membiarkan sentimen dan tindakan masyarakat lompong lantas terdedah kepada reaksi berupa kenyataan jumud atau aksi emosional dan membinasakan.

Sikap tidak peduli mahasiswa atau sekadar

menempelak tanpa menyumbang daripada segi idealisme dan aktivisme hanya akan terus menyaksikan koyakan pada fabrik sosial masyarakat kita semakin melarat.

Sebaliknya, usaha sekumpulan penuntut di Sabah sebagai contoh, mengadakan kelas percuma untuk kanak-kanak miskin termasuk tanpa warganegara selain merakatkan seni sastera serta memberi penekanan kepada pendidikan alam sekitar wajar diteladani seluruh mahasiswa.

Jati diri, nilai hidup, saling percaya, rasa bahagia dan sejahtera di tanah air sendiri akan bertambah baik walaupun datang Revolusi Industri 5.0 atau 6.0 sekalipun jika setiap mahasiswa hari ini bertanggungjawab menyumbang peranan kepada masyarakatnya mengikut keupayaan masing-masing.

Ratusan ribu mahasiswa setiap tahun sebenarnya takungan modal insan yang tidak harus dibiarkan berkeladak hanya pasrah hanyut dalam kitaran hidup yang serba menindas bermula dengan menjadi penghutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Mahasiswa hari ini termasuk yang baharu sahaja menjejakkan kaki di universiti minggu lalu harus berani bangkit bersuara melalui pelbagai medium supaya kes seperti seorang bapa sanggup meliwat anak kandungnya lebih 400 kali, jutaan wang ringgit penuh di almari serta lantikan pemimpin atas faktor politik tidak akan terus berulang.



SUARA KRITIS... Pengerusi Kesatuan Mahasiswa Malaysia (Kesatuan), Anis Syafiqah Md Yusof (dua dari kiri) antara ahli panel dalam forum 'Anak Muda Boikot PRU-14?' di Dewan Himpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCAH) di ibu negara, 15 Ogos lalu.

Panel lain Setiausaha Pengelola Angkatan Muda Keadilan (AMK) Pusat, Syukri Razab; Ketua Pegawai Eksekutif Ilham Centre, Hisommudin Bakar dan Naib Ketua Pemuda Gerakan, Andi Yong. Forum anjuran Kelab Bangsar Utama, Kesatuan dan Pemuda KLSCAH ini dimoderatkan Ainina Sofia Adnan.

Internet dan tentang bebas nilai

PENDIDIKAN sains dan teknologi harus diimbangi dengan pendekatan intelektual yang memberatkan persoalan kritis termasuk latar belakang dan asal usul sesuatu idea serta aspek falsafah dan dimensi sosial.

Itu antara ditekankan pengarang *Komputer: Dari Idea ke Sosioteknologi* (1999), Hairudin Harun yang ketika buku ini diterbitkan merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya.

Buku ini wajar ditelaah dalam memahami kesan idea sains dan teknologi kepada individu dan masyarakat terutama sejak majalah Time pada 1983 menobatkan komputer sebagai 'Man of the Year'.

Terdiri daripada 10 bab dengan dua pecahan bahagian - Idea dan Teknologi, pengarang yang memperoleh ijazah Ph.D. dari Universiti London ini menggariskan idea sebagai asas teknologi yang dipupuk dalam konteks sosial dan budaya fikir tertentu.



Bacalah

Menurutnya, asas perkembangan teknologi perkomputeran pada abad ke-20 mempunyai hubungan dengan institusi ketenteraan sama ada dihasilkan oleh institusi penyelidikan tentera atau



ditaja oleh dana tentera. Buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

ini turut mewacanakan internet yang daripada aspek teknikal adalah gabungan perkembangan dua teknologi perkomputeran iaitu perisian dan perkakasan.

Bagi pengarang, internet membawa kepada penyatuan dan penggabungan kuasa pemrosesan komputer. Meski menyajikan wacana ilmiah, gaya bahasa berbau sastera seperti 'pengaturcara bak paderi' dan 'dari mengunyah nombor ke memproses maklumat' menghidupkan perbincangan.

Bagaimanapun, Hairudin yang pernah diiktiraf sebagai antara tokoh pendidik sains dan akademik dunia oleh panel *Marquis Who's Who* pada 1996 mengangap jaringan rangkaian internet bukanlah bersifat sejagat seperti sangkaan banyak pihak.

Mengapa beliau berpendapat internet tidak mungkin bebas nilai?

Mari hadamkan perdebatan mengenainya dalam buku setebal 333 halaman lengkap bibliografi dan indeks ini.

Majukan masyarakat dengan teater

BERDASARKAN diskusi mengenai yang diadakan dalam satu pertemuan (ZKMUASB) yang dihadiri oleh penulis dan aktivis teater dari Malaysia dan Indonesia, sehari sesudah pementasan, kebanyakan mereka tertarik dengan usaha membawa teater ke tengah masyarakat, khususnya masyarakat kampung.

Kebanyakan komentar di dalam fesbuk pun menyatakan demikian. Mereka teruja dengan pementasan Teater di Sawah Padi (TdSP) UdaDanDara kerana pementasannya dibuat di dalam kampung, di tengah sawah, di tempat yang orang tak pernah fikir untuk membuat teater di situ.

Roslan Madun, seorang aktivis teater dan pejuang seni-budaya, yang menonton Uda DanDara pada malam latihan akhir 10 Ogos, menulis dalam fesbuk: "Dinsman telah membawa teater ke tengah-tengah masyarakat desa yang saya rasa ramai mereka tak pernah menonton teater, melainkan yang sudah biasa berulang alik ke Kuala Lumpur."

Katanya lagi: "Di sini saya tidak bercakap tentang hebatnya UdaDanDara di tangan Dinsman, tapi tentang satu usaha murni membawa satu persembahan berjiwa rakyat (Uda Dan Dara ialah cerita rakyat) terus kepada rakyat. Saya fikir, pemimpin politik pun tak buat kerja begini. Pemimpin politik pun tak masuk ke dalam jantung rakyat untuk berpidato.

"Namun Dinsman telah melakukan dengan jayanya. Dia tidak berpidato, tapi teaternya mewakili dirinya untuk menyatakan tentang kehidupan, tentang kemanusiaan, tentang berbagai contoh teladan, jahat dan baik melalui sebuah karya besar."

Dan di dalam fesbuk juga ramai yang menyatakan harapan agar TdSP UdaDanDara dapat dipentaskan pula di tempat-tempat lain - di Kedah, di Pulau Pinang, di Johor, di Melaka. Saya jawab hanya satu: "Kalau ada pihak yang sanggup membiayai-

nya, boleh saja."

Ya, biayanya agak besar. Kalau kita tidak nampak kesannya yang positif dalam mengubah atau mempengaruhi minda masyarakat ke arah sesuatu kebaikan. Kalau kita tidak membandingkannya dengan lain-lain perbelanjaan yang lebih besar yang kita belanjakan pada perkara-perkara yang kurang berfaedah.

Menyaksikan kehadiran penonton yang menjangkau hampir dua ribu orang di malam pertama pementasan dan kira-kira seribu di malam kedua, terdiri dari orang-orang kampung sekitar dan juga peminat teater yang datang dari jauh (sejauh Perlis, Pulau Pinang dan Johor) dan ramai juga dari Kuala Lumpur dan Shah Alam, saya kira itu membuktikan bahawa teater itu penting dan diperlukan oleh masyarakat.

Mereka yang bukan dari kampung-kampung berdekatan itu sanggup merempuh perjalanan jauh, dengan memandu kereta dan ada yang naik-turun bas, masuk ke kawasan kampung dan turun ke sawah, mencari tempat menonton yang tanpa dewan berhawa dingin, tanpa bumbung berteduh kalau hujan, dan tanpa kerusi kecuali beberapa sahaja untuk yang tak mampu duduk bersila di atas tikar atau berdiri di sekeliling sawah - tentulah didorong ke situ oleh sebab-sebab yang membuktikan bahawa teater itu penting dan diperlukan.

Masalahnya ialah kesedaran. Usaha hendak membuat pementasan di sawah padi di Parit Dua Barat di Sungai Besar ini pun bukanlah suatu usaha yang mudah. Tanpa semangat kental beberapa orang pejuang seni-budaya yang sanggup bersusah-payah bersama meredah pelbagai cabaran dan halangan, takkan mungkin terjadi pementasan TdSP UDD pada 12 dan 13 Ogos itu.

Alhamdulillah, setelah ia diizinkan Allah terjadi seperti yang telah terjadi, maka banyakkah saya mendengar pernyataan-

pernyataan kesedaran akan perlunya teater dibuat di kampung-kampung. Banyakkah juga cadangan dan saranan supaya TdSP UDD dibawa ke merata ceruk kampung di negara ini, agar lebih ramai orang kampung di seluruh negara dapat menikmati seni teater UDD dan mendapat kesan kebaikannya.

Maka soalan saya kini ialah: siapakah yang akan berusaha ke arah melaksanakan saranan, cadangan dan permintaan tersebut? Seperti saya tegaskan di atas tadi: masalahnya ialah kesedaran! Pihak yang sepatutnya bertanggungjawab mengeluarkan peruntukan bagi aktiviti seperti ini, iaitu pihak yang berkenaan di dalam kerajaan, hendaklah mempunyai kesedaran ini.

Teater bukan sekadar permainan anak muda untuk mengisi waktu lapang, dan bukan sekadar hiburan bagi orang-orang yang memerlukan hiburan. Teater mempunyai peranan yang berkesan dalam membangun masyarakat yang maju dan matang dan bertamadun tinggi.

Kesedaran ini perlu dibawa ke dalam kerajaan. Pengalaman saya beraktiviti teater selama kira-kira 50 tahun menunjukkan bahawa pihak di dalam kerajaan tidak ada kesedaran ini. Memang tidak ada.

Peruntukan yang diberikan kepada teater selama ini hanyalah atas dasar seni-budaya sebagai mengisi waktu lapang anak-anak muda, sebagai hiburan, dan bagi mengekalkan warisan tradisi. Tidak ada kesedaran dan pemikiran serta kewajaran bahawa teater mempunyai peranan berkesan dalam membangun masyarakat yang maju, matang dan bertamadun tinggi, iaitu yang terkandung di dalam gagasan dan falsafah Tekad Budaya. (Juga di dalam Deklarasi Kuala Kangsar)

Alhamdulillah saya menyaksikan sebahagian mereka yang hadir menonton TdSP UDD mempunyai kesedaran Tekad Budaya yang saya maksudkan itu; khususnya mereka



yang membuat cadangan agar TdSP UDD dibawa untuk dipentaskan di beberapa tempat lagi, untuk memberi peluang lebih ramai rakyat Malaysia dapat menontonnya.

Maka saya sangat berharap agar kawan-kawan yang mempunyai kesedaran itu tidak hanya duduk diam sahaja dan mengharapkan orang lain berusaha bagi membangunkan seni-budaya kita. Marilah kita sama-sama berganding bahu berusaha.

Kesedaran Tekad Budaya perlu dibawa masuk ke dalam kerajaan, melalui pelbagai saluran yang dapat diakses oleh masing-masing kita. Tan Sri Nordin Kardi Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar misalnya, telah menganjurkan pertemuan dan seminar yang kemudiannya melahirkan Deklarasi Kuala Kangsar, bagi menyebarkan kesedaran Tekad Budaya.

Kembali kepada pementasan ulangan TdSP UDD di beberapa tempat seperti yang dicadangkan, saya serahkannya kepada usaha bersama kita, bagi merealisasikan.

Memang ada orang sedang mengusahakannya untuk dibawa ke Johor dan ke Kedah, di samping ada permintaan (dan peruntukan) untuk ia dipentaskan pula di Kuala Lumpur. Namun permintaan ke Kuala Lumpur itu agak sedikit memeningkan kepala saya. Mana ada sawah padi di Kuala Lumpur? Dan kalau tak ada sawah padi, bagaimana mementaskan TdSP UDD?

Walau bagaimanapun, saya mengharapkan usaha ini akan mencapai kejayaan. Mari kita bangunkan masyarakat Malaysia yang maju, matang dan bertamadun tinggi, dengan teater! ■

Tingkatkan perjuangan hadapi pilihan raya paling sukar

Oleh **ABU FIRDAUS**

BANYAK orang kata Pilihan Raya Umum ke-14 ini adalah keadaan terbaik bagi menumbangkan Barisan Nasional dan menggantikannya dengan sebuah kerajaan lebih baik, yang dicita-citakan oleh pembangkang sejak negara ini mencapai kemerdekaan, 60 tahun lalu.

Tetapi dalam siri pilihan raya lalu saya pernah dengar juga harapan seperti ini. Cuba kira daripada tahun 1986, di mana banyak para pemimpin Parti Amanah Negara turut menghadapinya sebagai anak muda walaupun melalui parti lama mereka iaitu Parti Islam Se-Malaysia (Pas).

Dalam pilihan raya tahun 1986, dirasakan bahawa kerajaan Barisan Nasional dapat ditumbangkan kerana pelbagai isu yang ada pada masa itu di samping kesedaran Islam yang meningkat. Harapan untuk menumbangkan Barisan Nasional bertambah dalam pilihan raya umum 1990 apabila Umno berpecah kepada Umno Baru dan

Parti Semangat 46.

Bagaimanapun dalam pilihan raya umum tahun 1995, harapan untuk menumbangkan Barisan Nasional sudah pudar kerana Parti Semangat 46 yang menukar namanya kepada Parti Melayu Semangat 46 sudah kurang semangat. Beberapa anggota parti dalam Angkatan Perpaduan Ummah dan Gagasan Rakyat meninggalkan pihak pembangkang dan menyokong Barisan Nasional.

Tetapi dalam pilihan raya umum 1999, harapan untuk menumbangkan kerajaan Barisan Nasional menjadi besar, lebih besar daripada tahun 1990. Ini kerana Umno sekali lagi pecah untuk menghasilkan Parti Keadilan Nasional. Bukan itu saja parti-parti pembangkang utama ketika itu, Pas, Keadilan, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan DAP dapat bersatu dalam Barisan Alternatif.

Setelah gagal menumbangkan kerajaan Barisan Nasional, maka harapan untuk itu menjadi tipis bagi pilihan raya tahun 2004 dan

2008. Walaupun dalam pilihan raya 2008 memberi harapan lebih besar berbanding dengan pilihan raya 2004. Namun untuk menumbangkan kerajaan Barisan Nasional dirasa masih tinggal menjadi impian.

Ketika itu DAP sudah keluar Barisan Alternatif, maka tinggal Pas dan Parti Keadilan Rakyat (PKR), parti yang menyatukan Keadilan dan PRM. Namun dalam pilihan raya itu, parti pembangkang dapat bersatu dengan memberikan pelawanan satu lawan satu menentang Barisan Nasional. Malah Parti Sosialis Malaysia (PSM) juga mendapat tempat atas rundingannya dengan PKR.

Namun keputusan pilihan raya umum 2008 adalah merupakan tsunami politik yang membuka harapan baharu untuk menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional. jMalah selepas pilihan raya itu dirasakan kerajaan Barisan Nasional masih boleh ditumbangkan. Datuk Seri Anwar Ibrahim menubuhkan Pakatan Rakyat dan beliau merancang satu kerajaan baharu

menjelang 16 September 2008.

Kini semua itu tinggal kenangan.

Walaupun Pakatan Rakyat masih dapat bertahan dalam pilihan raya umum itu, tetapi ia terlepas di Perak dan Kedah. Berlaku pula pertandingan tiga penjuror apabila Pas turut bertanding melawan PSM dan PKR di dua kawasan. Tetapi harapan untuk menubuhkan kerajaan alternatif tidak begitu ada.

Kini menjelang pilihan raya umum ke-14, harapan begitu cerah. Umno berpecah lagi. Yang keluar bukan calang calang orang. Bekas Presiden Umno, bekas Timbalan Presiden Umno dan bekas Naib Presiden Umno. Mereka yang keluar Umno itu menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan Parti Warisan Sabah. Mereka menyertai pihak pembangkang.

Tetapi pembangkang pun sudah berpecah. Pas berpecah dengan sebahagiannya bersama AMANAH. Pakatan Rakyat pun sudah tiada.

Gantinya Pakatan Harapan yang dianggotai AMANAH, PKR, DAP dan PPBM. Pertandingan tiga penjuror dengan Pas mungkin berlaku. Pas telah menjadi parti pembangkang yang mesra Umno.

Tetapi Barisan Nasional sudah lama memerintah iaitu dari tahun 1974. Umno pula dari tahun 1957 dan diperbaharui dalam bentuk Umno Baru pada tahun 1987, maka kedua-duanya sudah dirasakan sampai masanya untuk diubah. Maknanya harapan besar akan berlaku perubahan pada pilihan raya umum ke-14.

Tetapi ia tidak semudah itu. Oleh kerana perubahan kerajaan tidak pernah berlaku di Malaysia, maka keadaan transisi ini akan ditentang habis habisan dengan apa jua caranya oleh mereka yang masih bergantung kuasa ini. Bersedia jugalah untuk hilang harapan dan perjuangan AMANAH hakikatnya masih jauh. ■

Perjalanan terakhir di Myanmar

AWAL pagi, seesai menikmati matahari terbit dan bersarapan, kami meninggalkan puncak Kyaiktiyo. Setibanya di kaki bukit, kami berpecah mengikut kenderaan masing-masing.

Destinasi seterusnya, pulang ke Yangon. Ini perjalanan terakhir kami di Myanmar. Sampai ke Yangon nanti, kami hanya tinggal menghabiskan laporan dan akhirnya pulang ke negara masing-masing. Pengembaraan saya bakal tamat.

Jika ke negeri orang, saya kira tiada pengalaman lain sebaik menelusuri perjalanan dari daerah ke daerah, negeri ke negeri di atas jalan raya mereka. Saya melakukan ini ketika di United Kingdom, ketika di Indonesia, ketika di Thailand, dan beberapa tempat lain yang pernah saya lawati, sekurang-kurangnya sekali di setiap negara tersebut.

Rasionalnya mudah; banyak perkara yang boleh kita pelajari di sepanjang jalan, dan selalunya adalah perkara yang tak pernah kita duga. Kita selalunya sudah mengetahui sedikit sebanyak tentang destinasi tujuan kita, namun kita tidak tahu apa yang menunggu di sepanjang perjalanan.

Seringkali, perjalanan pula akhirnya jadi lebih bermakna berbanding destinasi. Bukanlah hidup kita juga begitu?

Ketika saya awal tiba di Myanmar, menelusuri jalan-jalannya, banyak perkara sebenarnya yang saya terlepas pandang. Ketika pulang, barulah saya menyedari semua perkara-perkara tersebut. Jika mahu memahami realiti Myanmar, atau negara-negara lain, ambillah masa untuk menelusuri jalan mereka.

Myanmar; karakter paling kuat yang akhirnya merumuskan pandangan saya semuanya ada di atas jalan raya mereka.

Kuasa tentera, paranoid ke atas warga asing adalah perkara yang sudah menjadi resmi. Sekatan jalan raya oleh tentera jauh lebih banyak berbanding pengutip cukai. Sekatan jalan raya oleh tentera jauh lebih banyak berbanding pengutip cukai. Pemeriksaan ke atas warga asing tidak memerlukan sebarang sebab, hanya paranoid tidak ber-

asas mereka. Akhirnya anda hanya perlu melayan sahaja.

Sebagai warga asing, ditahan di jalan raya tanpa sebab adalah rutin biasa. Namun ini semua hanya masalah dan karakter politik mereka.

Yang paling mengesankan adalah diskriminasi dan kemiskinan warganya, serta kepayahan di sebalik mencapai cita-cita mereka; karakter Myanmar yang ini lebih jelas ditemui di sepanjang jalan raya.

Jalan raya yang baik, terutama yang menghubungkan negeri-negeri dan daerah-daerah adalah keperluan mereka yang paling mendesak. Namun mereka cukup ketinggalan dari segi ini. Mereka terpaksa berusaha dengan keras untuk jalan raya yang baik. Usaha keras ertinya menggunakan tenaga buruh kasar secara manual, dan ini adalah karakter mereka yang cukup mengesankan saya.

Mereka tidak mempunyai teknologi pembinaan yang canggih dan selamat seperti kita. Tar yang digunakan untuk kerja penurapan dimasak menggunakan dapur kayu dan tong dram oleh pekerja lelaki. Kanak-kanak yang tentu sekali adalah anak kepada buruh-buruh dewasa ini pula kerjanya memecahkan batu-batuan menggunakan tukul dan pahat. Wanita pulau kerjanya mengangkut batu yang dipecahkan untuk diratakan di atas jalan.

Ada realiti lain yang lebih memeritkan di sebalik kepayahan kerja mereka. Tidak seperti buruh binaan bangunan, mereka adalah warga yang tersisih jauh dari masyarakat setempat.

Mereka seolah-olah tidak pun wujud di mata masyarakat yang akhirnya menikmati



Pemandangan sepanjang perjalanan di Myanmar memaparkan keperitan hidup rakyatnya.

keselesaian jalan raya yang dibina mereka. Diskriminasi oleh masyarakat ini wujud ke atas mereka hanya kerana mereka adalah pelarian ekonomi dari daerah atau negeri lain. Negeri lain, bukan negara lain.

Buruh binaan jalan ini selepas mendapat pekerjaan dengan mana-mana majikan, akan tinggal sekeluarga di dalam khemah yang dibina hanya menggunakan buluh dan kanvas. Tiada bekalan elektrik, tiada bekalan air. Tinggal mereka itu hanyalah di tepi jalan yang sedang dibina mereka, berbulan-bulan sebelum mereka berhijrah pula ke tapak binaan lain mengikut majikan masing-masing.

Warga tempatan tidak pernah menghiraukan mereka. Pilihan raya yang lalu pun tidak pernah menjadi urusan mereka. Mereka dianggap sebagai warga asing yang tidak berkepentingan ke atas masyarakat tempatan. Walaupun mereka juga adalah orang Myanmar, malah ada juga yang dari etnik majoriti Bamar.

Tujuan hidup mereka benar-benar hanyalah memastikan jalan raya yang dikehendaki siap, dan mereka akan hilang dari pandangan

selepas itu.

Melihat hal ini, saya teringat kepada rintihan sesetengah warga tempatan yang mengadu apabila dinafikan hak mengundi mereka oleh kerajaan atas sebab dasar diskriminasi mereka.

Akhirnya saya sedar; diskriminasi bukan hanya masalah atau sikap kerajaan, sebaliknya juga masyarakatnya. Sebab itu ia akan terus berlarutan. Lingkaran jahat itu akan terus wujud selagi tiada yang mengubahnya.

Banyak perkara yang saya sering tidak ber-setuju dengan Roisai sepanjang kami bersama dalam misi dahulu. Namun satu perkara yang kami sama-sama setuju dalam perjalanan pulang ke Yangon itu adalah kerajaan yang baharu perlu menghentikan penindasan ke atas buruh ini. Kemajuan bukan hanya pada pencapaian, sebaliknya juga proses mencapainya.

2017, dua tahun selepas mereka dibebaskan daripada cengkaman junta; saya pulang semula ke Myanmar. Buruh-buruh tersebut masih terus wujud. Malah, seolah menyambut rancaknya pembangunan yang kian pesat, jumlah mereka juga bertambah ramai. Saya kecewa.

Selami derita golongan 'NGO' di Kampung Tenang

PEKAN Tenang pada 9 Ogos lalu, masih tidak berubah dan tiada pembangunan selepas enam tahun pilihan raya kecil (PRK). Setiap kedai dan waktu itu, markas Pas yang didirikan masih dapat dilihat tersergam cuma sudah bertukar bukan bangunan milik parti itu lagi.

Begitulah suasananya apabila saya dan sahabat saya, Suhaizan Kaiat melintasi pekan Tenang untuk saya bersama krew Live Bongkar memasuki Kampung Tenang. Tujuan kami kali ini adalah untuk menyingkap nasib penoreh getah yang dikhabarkan menempuh hidup sukar pada masa hari ini.

Jejakkan kaki pertama kami di tempat peraih getah. Disambut Kamal yang merupakan anak jati Kampung Tenang, kami kemudiannya dibawa bertemu dengan penoreh getah yang lain.

Alangkah dukanya apabila penduduk kampung yang juga penoreh getah yang berada ke tempat peraih itu enggan untuk memberi kerjasama kerana takut. Mereka kebanyakannya menerima bantuan kerajaan dan mungkin disebabkan itu rasa takut untuk bersuara menguasai diri.

*Kembara Selatan
Amni Jagat*



Sedangkan dalam perbualan kami, mereka mengeluh mengenai nasib mereka yang ditimpa musibah ekoran kejatuhan harga getah. Tambah perit apabila harga barangan keperluan naik melambung.

Apabila kami krew Live Bongkar ingin membuat liputan, mereka mengelak serta tidak memberi kerjasama kerana mereka khuatir akan berlakunya perkara yang tidak diingini seperti bantuan mereka tidak akan diberikan lagi.

Saya tidak janggal dengan reaksi mereka itu kerana sudah menjadi lumrah. Akhirnya ketika waktu menjelang Zohor di pekan Kampung Tenang itu, datanglah seorang manusia yang hadir bertujuan untuk melepaskan dahaga di sebuah warong yang telah tersedia krew kami. Beliau adalah Kamarudin Ismail, 44, yang dipanggil sebagai Din. Itulah kali pertama saya

bertemu dengan Din.

Beliau mempunyai tiga anak serta seorang isteri. Dua anak beliau kini sedang bersekolah manakala yang kecil masih berumur dua tahun. Pendapatannya seorang penoreh getah hanya RM30 sehari manakala rungut beliau, kos perbelanjaannya sehari mencecah RM41.

Dalam kiraan seharian, Din terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang melebihi pendapatan. Bila ditanya berkenaan dengan kerjanya, Din menjawab dia terpaksa kerja lebih masa sehingga lewat malam untuk mendapatkan pulangan sebanyak RM30. Ini hakikatnya bagi kehidupan seorang penoreh getah.

Din sebenarnya mengambil upah menoreh di kebun kepunyaan orang lain lantaran tidak mempunyai kebun getah sendiri. Menurut Kamal, individu yang saya temui di tempat peraih seawal pagi itu, memang ramai yang hidup di kampung itu berkerjaya sebagai NGO (Noreh Getah Orang) yang bermaksud pengambil upah bukan pemilik kebun seperti yang kita maklum sebelum ini.

Saya sehingga hari ini masih tidak dapat membayangkan bagaimana kehidupan Din

yang terpaksa berkerja keras untuk mendapatkan secebis upah bagi menampung kehidupan seharian mereka.

Namun, ada memberi reaksi negatif termasuk menganggap saya mereka cerita. Ada pula yang menyatakan penurunan harga getah bukanlah disebabkan oleh kerajaan malah ianya adalah masalah global.

Walhal, isu utamanya, cuba fikirkan bagaimana menyelamatkan nasib penoreh getah yang sebegitu rupa. Antara lain adalah berkenaan harga minima subsidi getah. Setakat ini, ia masih dalam kadar RM2.40 perkilogram. Sepatutnya, perkara itu perlu diteliti semula kerana harga barangan keperluan semakin meningkat.

Mungkin ramai yang memberi maklum balas negatif itu perlu menyelami nasib penoreh yang majoritinya hidup dalam keadaan susah. Samalah seperti di Sik, Kedah sewaktu saya kembara di sana.

Mereka hidup daif sehinggakan terpaksa makan nasi yang berasnya berwarna merah seperti dedak. Semua pihak perlu memperjuangkan hak dan kebajikan penoreh getah kita.

PAK LEBAI MALANG

Oleh **K.Z. ISKANDAR**

PAK LEBAI semakin tidak senang duduk apabila telinganya terus terdengar bisikan-bisikan syaitan yang mengarahkannya untuk melakukan kemungkaran tersebut, kemungkaran yang bakal dibayar dengan nilai yang tinggi. Ketika ini, hatinya terbelah bahagi sama ada ingin menurut bisikan syaitan itu ataupun ingin terus mempertahankan imannya.

Pak Lebai akhirnya tumpas dengan godaan nafsu. Dia lebih memilih wang ringgit daripada imannya. Lalu, Pak Lebai pun mengumpulkan beberapa orang ahlinya yang masih setia bersamanya untuk berhimpun dan menunjukkan rasa tidak puas hati mereka.

"Kita akan berhimpun selepas solat Jumaat. Ini jihad kita! Pak Lebai terus menggunakan nama agama bagi menyelamatkan dirinya daripada diherdik orang lain.

Pak Lebai turut menyediakan beberapa sepanduk yang tertera kata-kata fitnah serta caci maki terhadap pihak lawan untuk dijulung semasa demonstrasi itu berlangsung nanti.

"Saya setuju!" jerit Pak Halim tanda sokongan. "Saya pun setuju. Hidup Pak Lebai!" Azmi juga turut menyatakan persetujuan.

"Pak Lebai memang bagus. Saya bersetuju," kata Pak Man.

Pak Halim, Azmi dan Pak Man merupakan orang kuat Pak Lebai. Mereka sangat menyokong Pak Lebai dalam segala tindakan. Mana tidaknya, ketiga-tiga mereka turut berkongsi bayaran yang diterima oleh Pak Lebai.

"Bagus semua. Terima kasih kerana istiqomah bersama dengan aku. Sekarang aku nak kamu cari orang untuk berdemonstrasi dengan kita petang ini," kata Pak Lebai.

"Baik Pak Lebai," kata mereka bertiga serentak. Pak Lebai sangat berharap mereka bertiga

dapat merekrut lebih ramai ahli untuk turun berdemonstrasi bersama mereka petang ini. Walaupun dia menyedari gerakannya sudah semakin ditolak oleh masyarakat namun, dia tetap tidak berputus asa. Dia tetap juga akan mengadakan demonstrasi kerana bayaran telah disediakan oleh sebuah pihak.

Pada demonstrasi yang lepas, Pak Lebai hanya berjaya mengumpulkan sepuluh orang ahli untuk bersamanya berdemonstrasi. Demonstrasi mereka hanya bertahan lima belas minit apabila sekumpulan penduduk kampung datang untuk menghalau mereka. Pak Lebai tetap berkeras mahu meneruskan demonstrasi itu tetapi malangnya kesemua ahli sudah lari lintang-pukang akibat ketakutan. Akhirnya, hanya tinggal Pak Lebai keseorangan untuk berdemonstrasi. Pak Lebai pun terpaksa akur dan pulang ke rumah dengan hampa. Malang sungguh nasib Pak Lebai!

Pak Lebai dan orang-orang kuatnya pun meneruskan usaha merekrut penduduk-penduduk kampung supaya menyertai mereka berdemonstrasi petang ini. Nasib menyebelahi mereka apabila kali ini terdapat 20 orang penduduk bersetuju untuk turut sama berdemonstrasi kerana Pak Lebai telah menjanjikan wang tunai berjumlah RM50 setiap seorang bagi semua yang hadir berdemonstrasi dengannya.

Selepas selesai solat Jumaat, Pak Lebai dan semua pengikutnya berkumpul di perkarangan masjid. Pak Lebai mengagihkan sepanduk kepada setiap peserta demonstrasi untuk dijulung tanda protes terhadap pihak lawan. Mereka juga turut membuat bising bagi merencanakan lagi demonstrasi tersebut.

Jemaah masjid yang baru sahaja keluar dari masjid semuanya hanya mampu menggelengkan kepala. Mereka sudah muak dengan sikap Pak Lebai yang hanya melaungkan akan

berjuang demi agama tetapi akhlak ditinggalkannya jauh.

"Tok Ketua! Pak Lebai buat hal lagi," kata salah seorang jemaah masjid kepada ketua kampung.

"Ya Allah. Orang tua ni apa lagi onar yang ingin dibuatnya. Sampai bila dia nak perdagangkan agama?" ketua kampung hanya mampu menggelengkan kepala melihat gelagat Pak Lebai itu.

"Wahai orang kampung, sedarlah bahawa parti lawan kami tu tiada halatuju. Mereka tidak langsung menghormati kita. Mereka turut mengagjak orang bukan Islam masuk ke dalam masjid untuk terbuka puasa." Pak Lebai melaungkan kata-kata itu dengan penuh semangat.

Namun, jemaah masjid yang lain hanya memandang gelagat mereka tanpa memberikan sebarang tanda sokongan. Salah seorang daripada jemaah masjid yang bernama Zaid, seorang tentera yang telah berjasa kepada negara dengan beraninya menghampiri kumpulan demonstrasi tersebut.

"Saya nak tanya Pak Lebai. Mengapa orang bukan Islam tidak boleh terbuka puasa sekali? Bukankah terbuka puasa sekali itu menunjukkan Islam ini agama yang harmoni dan menghormati agama lain?" soal Zaid.

"Kurang ajar! Kau memang biadap." Sebaik sahaja melepaskan maki hamun itu, Pak Lebai terus melabuhkan penumbuknya ke muka Zaid. Darah mula mengalir keluar daripada hidung Zaid.

Ketua kampung dan jemaah masjid yang lain terus datang dan meleraikan pergelutan itu. Peserta demonstrasi juga turut terkejut dengan tindakan Pak Lebai itu.

"Kau sudah melampau, Pak Lebai. Kau kata kau perjuang Islam tapi adakah ini akhlak Islam? Ada Islam suruh cederakan orang lain? Ada Islam suruh keluarkan kata-kata kesat?" Ketua kampung mempersoalkan tindak-tanduk Pak Lebai.

"Tok ketua pun sama macam orang lain, terima janji manis parti lawan," kata Pak Lebai.

"Masalahnya sekarang bukan parti politik tetapi akhlak kau tu. Langsung tak mencerminkan ajaran Islam. Kau dah malukan agama sendiri. Bertaubatlah Pak Lebai! Yang lain pun kenapa ikut Pak Lebai? Kamu semua dibayar kan? Aku tahu Pak Lebai bayar kamu untuk datang sini. Sedarlah! Pak Lebai hanya mempergunakan kamu semua untuk kepentingan dirinya," nasihat Ketua Kampung panjang.

Peserta-peserta demonstrasi mulai berfikir sejenak. Mereka berpandangan sesama sendiri. Beberapa detik selepas itu, mereka membuang sepanduk-sepanduk yang dipegang ke bumi.

"Ya. Kami salah kerana termakan dengan kata-kata Pak Lebai. Kami minta maaf." Mereka pun meninggalkan tapak demonstrasi itu. Maka, tinggallah Pak Lebai bersama tiga pendokong kuatnya.

"Kurang ajar! Kamu semua nak pergi mana?" Pak Lebai mulai gelisah.

Akhirnya cuma tinggal Pak Lebai, tiga pendokong kuatnya, Ketua Kampung dan jemaah masjid yang lain. Demonstrasi itu berakhir begitu sahaja. Sekali lagi Pak Lebai gagal hasut penduduk kampungnya untuk membenci parti lawan. Lebih menyedihkan apabila Ketua Kampung dan jemaah masjid yang lain menterawakan Pak Lebai.

Sekali lagi Pak Lebai gagal. Ini jelas menunjukkan perjuangannya yang berselimumkan agama untuk kepentingan dirinya tidak lagi relevan. Sejak itu, dia diberi gelaran Pak Lebai malang.



Kirim cerpen dan puisi kepada karyakreatifamanah@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu.

ADA APA PADA MAHU BANGSAKU

Darah ku merah,
Hakikatnya memang semua darah itu merah,
Namun ada juga darah itu putih,
Legenda di pulau aku membesar juga dimetaforakan darahnya putih.

Bangsaku Melayu,
Warna kami sawo matang,
Namun tetap semua darah itu merah atau putih,
Merah dan putih yang menggerakkan bangsaku,
Apa adanya pada beza bangsaku?
Bangsaku berdarah merah sama seperti manusia lain,
Namun tinggi bangsaku kerana menjunjung agama di tanah berpasak kuasa Islam milik sendiri.

Bangsaku itu ramai,
Mereka berbeza-beza, bukan pada darahnya, tetapi pada mahunya,
Mahunya itu juga berbeza-beza,
Makanya mereka memilih semahunya mereka,
Namun semuanya bukan tahu kesemua apa mahunya,
Mereka tuan tanah yang bertuan-tuan kepala besar yang membawa mahu mahu mereka di sebalik kepala-kepala besar itu,
Begitu banyak mahu yang berbeza-beza,
Bertindan dan bertindihan hingga menghimpit salur darah pemikiran,
Langsung dungu dalam percaturan kuasa tuantan yang banyak sungguh mahunya,
Mahu disokong kerana mahu-mahunya yang

tersirat itu lebih penting.

Aku berjalan di atas puing-puing runcing dan halus,
Meniti, berhenti, memerhati, berhati-hati, tidak mengerti,
Langsung dibiar separuh mati,
Lantas bagaimana aku mahu berfikir lagi,
Beritahu aku semahu mu,
Apa kamu fikir sedap rasanya di puing-puing?
Nahh tanya pada bangsa mu!

Bukan kerana aku memilih berada di puing-puing tetapi aku ditolak ke sana kerana arus mahu-mahu yang bergolak dan bergoncang dalam kepompong bangsaku,
Laju, berhantu, pilu, tidak berhati perut Melayu dan tidak tahu malu,
Berkocaklah maruah bangsaku yang disandarkan murah pada mahu, mahu dan mahu yang banyak dan tidak mahu henti dan kalah.

Tiada istilah pengorbanan melainkan untuk mahu yang berpaksi pada tembolok sendiri,
Dibilang mahu untuk semua tapi ada mahunya yang langsung tidak endahkan mahu insan lain,
Pura-pura malu tapi mahu mu seperti luap api di kawah gunung,
Tinggi berapi,
Tidak mahu ke tepi.

Walau masa depan bangsamu sepi,
Tabur penyummu di pipi,

Lontar fitnahmu di cawan kopi,
Hangat kepala mu ditutup topi,
Namun sengsara bangsa mu disusun bagai resepi,
Asal kamu bisa tidur diulit mimpi.

Ramai yang tertipu diperdaya oleh yang mahunya untuk terus mahu,
Tamak, jahat dan kejam itu bersarang pada kepala kepala batu,
Sudah namanya kepala,
Apa bukan kepala itu letaknya di atas?
Nah jika beretakkan pecah makanya dua, tiga, empat, lima kepalanya,
Banyak kepala maknanya berseliratalah urat bangsaku,
Kusut masai, pening kerana dalam lima kepala itu kerjanya meluku kepala sesama sendiri.

Ajari aku yang benar,
Tunjukkan aku yang betul,
Buktikan kepada aku yang tepat,
Ya semua kepala itu berkutu,
Semua kepala itu beruban,
Semua kepala itu berkelumumur,
Sudah namanya kepala manusia bukan?

Ya, itu aku terima,
Yang aku tolak hanya kerana kamu, kamu, kamu,
kamu dan kamu tidak mahu melihat apa yang kamu pijak,
Lihat ke bawah,
Yang di bawah ini harus kamu bawa ke hadapan,

Bukan ditunjat-tunjat kepala mereka supaya menjadi kusyen untuk kamu yakin tidak akan jatuh.
Sudah namanya kepala,
Di situlah isyarat yang memancar untuk ikutan kaki dan tangan,
Bila isyaratnya palsu dalam terang,
Makanya dalam cerah bangsaku dijual oleh kepala-kepala otak berjambul,
Apa mahu sebenarnya kepala-kepala ini?
Mahu ini tapi perlu katakan mahu yang lain,
Kau dapat mahumu banyak,
Yang bakinya kau lempar disalut gula pada yang mahunya hanya tahu mahu tapi otaknya tidak mahu berfikir.

Sayang mereka itu membuta tuli,
Sama saja yang kiri mahupun kanan,
Apa mahunya harus dipenuhi,
Jika tidak semua mahu-mahu dibawah dipancung semahu-mahunya,
Aku yang melihat dengan mata kepala juga ada mahuku,
Aku mahu semua mahu itu biar berpada,
Jangan semua mahu digadai pada otak yang tidak mahu berhenti mahu dan terus mahu.

Sedih aku menangis,
sunyi aku sabar,
Hilang sabar aku mara,
Dan aku tidak akan berhenti...

ANINA SAADUDIN

Pakatan Harapan mampu ambil alih Kedah

Oleh MOHD ALI HASHIM

ALOR SETAR: Pakatan Harapan (PH) mampu menerajui Kedah berdasarkan sambutan rakyat yang amat memberangsangkan di negeri Jelapang Padi itu.

Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli berkata, keyakinan yang di zahirkan itu bukan suatu telahan semata-mata, malah ia bersandarkan kepada (maklum balas) kempen, program turun padang dan pertemuan dengan rakyat negeri itu.

"Selain itu kita juga optimis berdasarkan kepada gerak kerja yang dilaksanakan oleh jentera PH. Ini turut berkait rapat dengan kaji selidik yang dilakukan setiap bulan sejak sekian lama.

"Ia menunjukkan bahawa Kedah mampu untuk dirampas kembali dalam pilihan raya umum akan datang," katanya dalam program

Jelajah Invoke 'Bina Semula Negara' dekat sini, 11 Ogos lalu.

Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan berkata, walaupun wujud pertandingan tiga penjur, PH masih mempunyai peluang bagi memenangi banyak kerusi yang dipertandingkan di Kedah.

"PH akan berusaha semaksimal mungkin bagi memastikan lebih banyak kerusi yang akan dimenangi dalam pilihan raya ke-14 nanti.

"Yang menjadi sasaran kita adalah memenangi sebanyak mungkin kerusi sehingga menjadikan Umno dan BN sebagai pembangkang yang baru.

"Kedah bukan saja berpotensi untuk dimenangi oleh PH berbanding negeri-negeri lain, sebaliknya mempunyai peluang yang lebih besar kali ini," tegasnya lagi.

Selain itu katanya, rakyat Kedah semakin muak dengan pelbagai

kerenah dan ketirisan yang menjadi amalan pemimpin Umno dan BN ketika ini.

"Yang hidup dengan kais pagi makan pagi, masih ramai tanpa mendapat pembelaan dari kerajaan.

"Nasib penoreh getah sehingga kini masih lagi tidak dapat dibela oleh kerajaan termasuklah di negeri Kedah.

"Selagi Umno dan BN memerintah, maka selagi itulah nasib rakyat tidak akan berubah dan berada ditakuk lama," tambahnya.

Oleh itu beliau menyeru rakyat Kedah bangkit menolak Umno-BN jika mahu nasib mereka berubah.

Hadir sama dalam program jelajah itu Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar, Ahli Parli-

men Sungai Petani Datuk Johari Abdul dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Anak Bukit Datuk

Amiruddin Hamzah serta para pemimpin AMANAH, PPBM dan DAP Kedah.



Rafizi dan para pemimpin PH Kedah bersama orang ramai memaparkan 'flash card' kempen Invoke.

Gelombang PH kini dirasa penduduk luar bandar Johor

TANJUNG PIAI: Sokongan penduduk luar bandar terhadap Pakatan Harapan (PH) di negeri ini semakin memberangsangkan ekoran kempen penerangan dan program bertemu rakyat yang dianjurkan gabungan parti-parti pembangkang itu.

Malah pemimpin akar umbi di negeri ini yakin wujud gelombang penolakan rakyat terhadap Umno-BN ekoran perkembangan semasa negara yang banyak membebankan rakyat.

Bekas Ketua Kampung Serkat, Salim Mohd Shah, 61, yakin wujud persaingan sengit dalam Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang memandangkan Umno-BN tidak lagi diyakini rakyat dan dilihat hilang arah tuju.

Salim yang kini menyertai Parti Pribumi



Salim Mohd Shah

Bersatu Malaysia (PPBM) berkata, penduduk Kampung Serkat yang berjumlah lebih 5000 orang kini beralih arah menyokong PH hasil

gerak kerja di peringkat akar umbi.

"Kali ini persaingannya saya jangkakan sengit dalam sejarah politik tanah air kita hari ini kerana parti yang kita kenal dahulu (Umno) sudah tidak membawa agenda memperjuangkan Melayu.

"Cuba lihat kesusahan orang Melayu itu sendiri, mereka teruk ditindas oleh dasar-dasar kerajaan Umno-BN hari ini.

"Kami telah bergerak dari akar umbi lagi memperkenalkan PH kepada orang ramai agar orang kampung sudah bersedia untuk melakukan perubahan dan sekaligus menjatuhkan serta menubuhkan Umno dan BN," tegas Salim.

Sokongan penduduk luar bandar terhadap PH, kata Salim dapat dilihat di kampung-kampung

tradisi seperti di kawasan Tanjung Piai, Pontian.

PH yang dipengerusikan bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad mampu membina keyakinan penduduk kampung serta kaum Melayu yang sebelum ini menjadi penyokong tegar Umno.

"Sebelum ini gelombang yang dibawa pembangkang tidak sampai ke kampung-kampung malah tidak tersentuh ke kawasan pedalaman, tetapi kali ini berbeza dengan gelombang yang kuat sehingga berjaya masuk ke dalam rumah-rumah kami (penduduk kampung).

"Saya yakin Umno terutamanya di Johor bakal tumbang dan sekaligus digantikan oleh pemerintah yang baru kerana pengaruh Tun Dr Mahathir Mohammad amat kuat bagi orang Melayu," ujarnya.

Konvensyen AMANAH Sabah bukti kesungguhan bela rakyat



Wakil Awan Nasional, Norhayati Bachok menyampaikan bendera AMANAH kepada Hamzah.

BATU SAPI: Setiausaha Agung Parti Amanah Negara (AMANAH) Mohd Anuar Tahir telah merasmikan Konvensyen AMANAH Sabah yang diadakan pada 12 Ogos lalu.

Mengulas penganjuran konvensyen itu, Mohd Anuar berbangga dengan kesungguhan AMANAH Sabah menjayakannya biarpun menghadapi pelbagai kekangan.

Selain itu katanya, AMANAH Sabah dibawah pimpinan Hamzah Abdullah mempunyai peluang sangat baik untuk menempatkan

parti itu di hati rakyat dengan membuka tangan merangkul setiap golongan, kaum dan agama di negeri ini.

Lebih-lebih lagi, katanya penglibatan anak-anak muda dalam AMANAH Sabah yang menjadikan AMANAH sebuah parti Islam masa hadapan.

Pendekatan melalui program menyantuni golongan miskin, gelandangan dan masyarakat nelayan di negeri itu sangat menarik dan perlu diperbanyakkan.

Menoreh sampai malam hanya dapat RM30

Oleh AMNI JAGAT

SEGAMAT: Penoreh getah di Kampung Tenang, dekat sini yang bekerja dari pagi hingga malam hanya mampu membawa pulang RM30 daripada jerih payah memban-ting tulang sepanjang hari.

Dalam keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat, pendapatan yang mereka dapati tidak setimpal dengan perbelanjaan harian.

Salah seorang daripada mereka, Baharudin Ismail, 44, yang senang dipanggil Din mengeluh kerana terpaksa mencatat makanan seisi rumahnya akibat pendapatan yang sedikit.

Din terpaksa bekerja siang dan malam demi menyara kehidupan keluarganya yang menanti di rumah dengan penuh harapan dalam keadaan kelaparan.

Dalam sebak Din meneruskan cerita kehidupannya.

Beliau mempunyai dua anak yang masih bersekolah dan seorang anak berusia 2 tahun.

Belanja hidup seharian lebih diutamakan Din daripada perkara-perkara lain, apatah lagi pendapatannya tidak dapat menampung perbelanjaan harian.

Din mengambil upah menoreh di kebun-kebun orang. Hasil pendapatan jualan getah



Baharudin Ismail

dibahagi dua dengan tuan kebun.

Keringat, airmata dan kesakitan adalah teman Din setiap hari dalam melayari kehidupan di Kampung Tenang Segamat Johor ini.

Din berkata bukan dia seorang sahaja yang mengalami nasib sedemikian, malah majoriti orang sepertinya ada di Kampung Tenang itu.

Din berharap, apa yang dialaminya dapat menjadi dorongan kepada pihak-pihak berwajib untuk membantu penoreh-penoreh getah seperti beliau.

Akhir-akhir ini, kata Din barangan keperluan harian semakin mahal tetapi pendapatan hasil menoreh semakin kecil.

Jika harga getah naik pun ia tidak dapat menampung juga kos sara hidup yang bagi Din semakin menggila.

Terima hakikat rakyat Selangor tolak BN

Oleh ARIF ATAN

SEHAH ALAM: Ketua Pemuda AMANAH Selangor, Abbas Azmi menegaskan kebajikan rakyat Selangor terbukti dibela sebaik gabungan parti pembangkang yang kini dikenali Pakatan Harapan diberi mandat mentadbir kerajaan negeri sejak 2008.

Beliau berkata, rakyat di Selangor menolak pemimpin dan Umno-BN mulai Pilihan Raya Umum ke-12 ekoran prestasi buruk rejim parti tersebut sepanjang berkuasa selama ini.

Mengulas desakan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor supaya rakyat Selangor menilai semula pembangunan yang terlebih dahulu dibawa kerajaan BN, beliau menganggap Setiausaha Agung Umno berkenaan hanya memperlekeh rakyat di negeri paling maju itu.

"Sejak merdeka hingga 2008 setitik air percuma pun Umno-BN tidak

mampu beri kepada rakyat tetapi di bawah pentadbiran Pakatan Harapan bukan setakat air percuma, bas percuma, wifi percuma, Skim Tawas (Tabung Warisan Anak Selangor), skim perkahwinan, Rumah Selangorku, Skim Mikro Kredit Hijrah dan banyak lagi.

"Mudah kata, dari bayi yang baru dilahirkan sehinggalah meninggal dunia semuanya ada skim yang disediakan khusus bagi menjaga kebajikan rakyat," tegasnya dalam satu kenyataan.

Abbas berkata, Setiausaha Agung BN tersebut wajar melihat cermin dengan mata yang terbuka memandangkan rakyat Selangor sebenarnya amat selesa di bawah Pakatan Harapan.

"Umno-BN dilihat sudah berputus asa untuk menyerang Kerajaan Negeri Selangor dan kini seolah-olah menyalahkan rakyat Selangor pula.

"Tengku Adnan perlu sedar ken-

yataannya yang mengatakan Umno yang membina Selangor dan kini semuanya ada pada pembangkang sebagai satu kenyataan yang kurang cerdas," bidasnya.

Menurutnya, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib yang menyaksikan negeri itu membangun maju sekarang sudah bersama parti komponen Pakatan Harapan iaitu Keadilan.

"Ini menguatkan lagi hujah bahawa Umno-BN sudah tidak boleh dipercayai lagi oleh rakyat negeri Selangor kerana pentadbiran di bawah kerajaan Umno-BN hanya mementingkan diri sendiri.

"Rakyat Selangor tidak lupa bagaimana mantan Menteri Besar Datuk Seri Khir Toyo mempunyai kekayaan luar biasa dan dibuktikan bersalah di mahkamah.

"Begitu juga kekayaan luar biasa



Abbas Azmi

wakil rakyat Umno ketika itu seperti yang dimiliki Allahyarham mantan Adun Pelabuhan Klang," ujar beliau.

Sehubungan itu, Abbas berpendapat rakyat Selangor akan lebih menolak Umno-BN ekoran skandal mega 1MDB dan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang menyebabkan kenaikan harga barang serta penarikan subsidi petrol dan

pinjaman pendidikan.

"Semua kerakusan pemimpin negara pada hari ini adalah faktor utama rakyat Selangor tidak akan kembali kepada Umno-BN dan rakyat Malaysia juga sedang menanti saat untuk menghumban pemimpin Umno-BN ini pada PRU-14 (Pilihan Raya Umum ke-14) akan datang," tambahnya lagi.

PH mampu beri pukulan hebat pada BN

KUANTAN: Seluruh pemimpin dan ahli AMANAH di setiap peringkat perlu bersiap sedia secara mental dan fizikal untuk menghadapi pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang akan dipanggil bila-bila masa, kata Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir.

Berucap merasmikan Konvensyen AMANAH Pahang 12 Ogos lalu, Mohd Anuar berkata, AMANAH menyertai pilihan raya kali ini sebagai satu pasukan empat parti besar Pakatan Harapan (PH).

Gabungan yang ada pada hari ini, katanya bakal memberikan pukulan hebat kepada Umno-BN, lebih-lebih lagi dengan gabungan dua tokoh hebat bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sehubungan itu beliau meminta seluruh sayap parti dan cawangan-cawangan digerakkan segera bagi mendukung mana-mana calon yang diputuskan oleh Pakatan Harapan.

Turut hadir pada konvensyen sehari itu ialah Pengerusi AMANAH Pahang Dr Hamzah Jaafar dan para pemimpin AMANAH negeri dan kawasan.



Mohd Anuar berucap merasmikan Konvensyen AMANAH Pahang.

Atasi masalah banjir kilat di tiga daerah Sabah

KOTA KINABALU: Pemuda AMANAH Sabah menuntun penjelasan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah mengenai banjir kilat di beberapa tempat seperti Pekan Menggatal, Darau dan beberapa kawasan lain yang berlaku kebelakangan ini.

Banjir kilat yang telah menjejaskan operasi persekolahan di sembilan buah sekolah rendah di tiga daerah di Sabah dengan lebih 3000 orang murid, menunjukkan keadaan banjir kilat yang berlaku adalah ditahap kritikal.

Dalam pada itu, Pemuda AMANAH Sabah juga menggesa wakil rakyat bagi kawasan yang terlibat dengan musibah banjir mencari jalan penyelesaian dan mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah banjir kilat yang berlaku.

Ini kerana kesan banjir kilat yang

berlaku telah menjejaskan para peniaga seperti yang berlaku di Pekan Menggatal.

Kerosakan infrastruktur dan kerosakan harta benda turut dilaporkan seperti yang berlaku di City Mall, Kota Kinabalu.

Setakat ini, belum ada sebarang laporan kecederaan dan kehilangan nyawa dilaporkan.

Walau bagaimanapun, Pemuda AMANAH menasihatkan orang ramai agar meningkatkan langkah-langkah keselamatan bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini daripada berlaku.

Tingkatkan Langkah Keselamatan Semasa Banjir

Pemuda AMANAH Sabah merakamkan ucapan takziah diatas bencana banjir di beberapa tempat di Sabah yang berlaku sejak kebelakangan ini. Perkembangan terbaru, sebanyak 9 buah sekolah rendah terpaksa ditutup di 3 daerah melibatkan lebih 3000 orang murid.

Dalam pada itu, kami menasihatkan orang ramai meningkatkan langkah keselamatan dalam tempoh ini bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini daripada berlaku.

PEMUDA AMANAH SABAH

Bekukan permit eksport khas bauksit

KUANTAN: Tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita keseluruhan simpanan stok bauksit berjumlah 10 juta tan metrik membuktikan aktiviti perlombongan bauksit terus berjalan walaupun tempoh moratorium dilanjutkan beberapa kali.

Ahli Parlimen Kuantan Fuziah Salleh berkata, jumlah stok simpanan bauksit yang disita SPRM pada 12 Ogos lalu juga mendedahkan kegagalan penguatkuasaan agensi-agensi terlibat.

"Ia juga menyerlahkan sifat ketamakan pihak pelombong haram dalam membuat keuntungan tanpa mengambil kira kerosakan kepada alam sekitar dan kesan kepada kesihatan awam," katanya dalam satu kenyataan, 13 Ogos lalu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki berkata, penyitaan itu dibuat bagi menghalang bahan tersebut daripada dibawa keluar dari tempat penyimpanannya untuk tujuan perniagaan atau tujuan lain.

Menurut Fuziah, kenyataan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 8 Ogos lalu bahawa jumlah simpanan bauksit di luar pelabuhan menjangkau 5.8 juta tan metrik berbanding jumlah simpanan permulaan 5.4 juta tan metrik juga membuktikan bauksit terus dilombong secara haram.

"Saya juga telah beberapa kali sebelum itu menyarankan perkara yang sama iaitu bekukan permit eksport khas untuk membenarkan perlombongan haram tidak terus berlaku," katanya yang juga Naib Presiden Keadilan.

Fuziah berkata, beliau tidak menentang industri perlombongan bauksit, namun segala bentuk aktiviti ekonomi mestilah lestari dan menjunjung prinsip dan kaedah menang-menang.

"Maksud menang-menang ialah apabila pelombong dapat untung, negeri juga dapat pulangan, rakyat dapat manfaat dan bukan dapat penyakit dan alam sekitar juga dipastikan tidak tercemar," ujarnya.

Exco ditahan kerana dua helai surat

GEORGETOWN: Exco Pulau Pinang, Phee Boon Poh ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hanya kerana dua helai surat memohon pertimbangan pihak berkuasa tempatan (PBT) menengkuhkan tindakan terhadap kilang tidak sah bagi mencapai solusi 'menang-menang' yang diusahakan kerajaan negeri.

Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang, berkata jika dua surat memohon pertimbangan itu dianggap rasuah, maka seluruh Exco negeri, Menteri Besar, Menteri Persekutuan, Timbalan Perdana Menteri termasuk Perdana Menteri tidak akan terkecuali.

"Saya yakin sekali bahawa mereka juga ada mengeluarkan surat-surat yang mencadangkan kepada pihak berkuasa supaya membuat pertimbangan berhubung sesuatu perkara," kata Kit Siang dalam satu kenyataan.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng, memohon maaf sekiranya struktur kilang haram yang diwarisi sejak zaman pemerintahan BN banyak menyusahkan rakyat negeri itu.

Katanya kerajaan negeri tidak menafikan wujud kesan negatif serta masalah kepada orang ramai apabila semua struktur yang ada sejak sebelum 2008 dikekalkan.

Tarikh 2008 dirujuk Lim itu ialah tempoh permulaan kerajaan Pakatan Rakyat mula mentadbir Pulau Pinang selepas BN diketepikan melalui pilihan raya umum ke-12.

"Saya juga meminta maaf kepada pihak penjaja-penjaja dan pemilik-pemilik (ban-

gunan) yang tidak berpuas hati apabila tindakan perobohan dijalankan.

"Tapi memang kita terpaksa melaksanakan dasar kerajaan negeri (itu) yang dibuat secara konsisten," katanya kepada media di sini, baru-baru ini.

Phee Boon Poh yang bertanggungjawab bagi portfolio kebajikan, masyarakat penyangg dan alam sekitar ditahan ekoran siasatan SPRM terhadap sebuah kilang penapis karbon di Sungai Lembu, Seberang Prai Tengah yang didirikan tanpa lesen pada 2007.

Bagaimanapun Phee pada 14 Ogos berjaya mendapat kebenaran mahkamah bagi membatalkan reman yang diberikan kepada SPRM selepas dia mencabarnya di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.

Lim berkata kerajaan negeri membuat keputusan supaya struktur dan penjaja haram yang diwarisi daripada kerajaan BN sejak 8 Mac 2008 tidak akan dirobohkan seweneng-wenengnya.

"Sebaliknya kita akan cari penyelesaian termasuk melalui program pemutihan supaya perkara ini dapat diselesaikan secara baik.

"Semua struktur yang diwarisi daripada kerajaan BN dulu akan dikekalkan dan tidak akan dirobohkan seweneng-wenengnya, termasuk penjaja haram.

"Mereka tertakluk kepada dua syarat, iaitu tidak mengganggu kepentingan orang awam dan menghalang laluan trafik," katanya.

Tambah beliau, ada pihak yang bertanya kenapa sesetengah bangunan dirobohkan tetapi sesetengahnya tidak.

Beliau menjelaskan, bangunan yang di-



Guan Eng dan Kit Siang menyambut pembebasan Phee di mahkamah.

robohkan itu dibina selepas 2008 bagi membanteras percambahan kilang dan binaan secara haram dan tidak mengikut peraturan.

Sementara itu, Oriental Daily melaporkan anak pemilik kilang penapisan karbon yang dirobohkan itu dibina selepas 2008 bagi membanteras percambahan kilang dan binaan secara haram dan tidak mengikut peraturan.

Sementara itu, Oriental Daily melaporkan anak pemilik kilang penapisan karbon yang hanya mahu dikenali sebagai Gan, berkata

ayahnya merancang untuk menutup kilang itu.

Menurut Gan, bapanya yang berusia 70 tahun itu sebelum ini telah mengemukakan permohonan untuk kilangnya disahkan namun gagal mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan.

"Kami memutuskan untuk tidak meneruskan perniagaan ini, terutama kerana ayah saya sudah tua dan tekanan perasaan seperti ini (ditangkap dan diletakkan di bawah perhatian) tidak baik untuknya," katanya.

Anwar sifatkan penahanan Phee keterlaluan

KUALA LUMPUR: Ketua Umum Pakatan Harapan (PH) Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan cara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menangkap Exco Pulau Pinang Phee Boon Poh bagi mendapatkan maklumat sebagai keterlaluan.

Beliau bagaimanapun mengalukan tindakan tegas SPRM dalam kes Felda Global Ventures (FGV) dan Jabatan Air Sabah namun mempertikaikan tindakan SPRM dalam kes kilang haram dan kesan pencemaran di Sungai Lembu, Pulau Pinang.

"Tindakan tegas SPRM di dalam kes FGV atau JAS dialu-alukan;

meskipun masih timbul persoalan mengapa belum dilanjutkan siasatan terhadap pihak atasan yang bertanggungjawab, termasuk isu 1MDB.

"Maka dalam kes kilang haram dan kesan pencemaran di Sungai Lembu yang dibantah penduduk, tindakan SPRM dianggap muna-sabah.

"Bagaimanapun kami musykil kerana tindakan untuk memperolehi maklumat dari Phee Boon Poh dilakukan secara keterlaluan, termasuk tahanan reman," katanya dalam kenyataan, 14 Ogos alu.

Nada yang sama disuarakan

Presiden PH Datuk Seri Wan Azizah Ismail yang kesal dengan tindakan keterlaluan itu walaupun Phee telah memberi kerjasama dengan hadir ke pejabat SPRM untuk memberi keterangan.

Bagaimanapun beliau gembira apabila menerima berita bahawa Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah menetapkan arahan tahanan reman itu.

Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 14 Ogos membenarkan permohonan semakan semula untuk membatalkan perintah reman terhadap Phee dan dua beranak yang dikeluarkan Mahkamah Majistret Pulau Pinang, 12 Ogos

sebelumnya.

Hakim Datuk Abdul Wahab Mohamed membuat keputusan itu selepas meneliti hujah daripada pihak SPRM dan peguam tertuduh.

Phee, 66, disiasat kerana menggunakan kuasa atau kedudukan untuk ganjaran di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009. Dua individu lagi berusia 70 dan 37 ialah pemilik kilang penapis karbon yang didakwa beroperasi secara haram sejak 10 tahun lalu.

Justeru, Wan Azizah yang juga Presiden PKR berkata, oleh kerana proses SPRM ini telah bermula,

PKR sedia memberikan kerjasama untuk memastikan kebenaran dan keadilan dalam isu ini dapat diperoleh.

"Saya selaku Ahli Parlimen Permatang Pauh cukup prihatin akan isu pencemaran yang berlaku di kawasan Sungai Lembu.

"Warga tempatan jelas mahukan isu pencemaran yang mereka hadapi ditangani yang dizahirkan dalam satu memorandum ditandatangani 168 penduduk dan diserahkan kepada YB Norlela Ariffin, Adun Penanti yang kemudiannya menyampaikan suara rakyat kepada kerajaan negeri," katanya.

Penggiat sukan bermotor perlukan sokongan



Hasnul dan rombongan bergambar bersama Michael di bengkel motornya di Jelapang.

IPOH: Pemuda AMANAH Perak mengadakan pertemuan dengan penggiat sukan bermotor yang bergerak aktif dalam arena tersebut.

Michael Raj, 28, ialah anak kepada legenda sukan bermotor negara, M Meganathan yang pernah merangkul kejuaraan Expert bagi kategori cup prix sebanyak empat kali sepanjang kariernya.

Rekod hebat M. Meganathan masih sukar diatasi oleh pelumba lain sehingga ke hari ini apabila memenangi gelaran Expert pada dua musim berturut-turut.

Pelumba yang cukup dihormati ini memenangi gelaran Raja Expert pada musim 1994, 1995, 1999 dan 2000.

Michael Raj kini meneruskan legasi ayahnya itu berbekalkan minat dan cintanya kepada sukan bermotor.

Ketua Pemuda AMANAH negeri, Hasnul Zulkarnain bersama Setiausaha, Ahmad Shamhan serta Pengerusi Biro Integrasi Nasional, Safarizal Saleh bertemu Michael di bengkel motornya yang terletak di Jelapang, dekat sini, baru-baru ini.

Dalam pertemuan itu, Michael menceritakan kekangan serta cabaran yang dihadapi olehnya dalam menceburi bidang tersebut.

Kata beliau, penggiat sukan bermotor ketika ini terpaksa berusaha sendiri untuk mendapatkan modal bagi membolehkan mereka menyertai mana-mana kejohanan.

Dalam masa yang sama, mereka menampung kos penyelenggaraan yang tinggi bagi memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik.

Penggiat sukan bermotor juga, tambah Michael berada dalam dilema apabila tidak mendapat sokongan sewajarnya daripada kerajaan.

"Untuk membasmi gejala lumba haram, kerajaan perlu memberikan sokongan kepada penggiat sukan bermotor yang beraksi secara sah.

"Kerajaan perlu mengembangkan sukan bermotor ini dan menyalurkan peruntukan yang sewajarnya," komen Hasnul.

Pemuda AMANAH Perak katanya memberikan sokongan sepenuhnya kepada Michael Raj serta seluruh penggiat sukan bermotor khususnya di negeri ini.

Kukuhkan PH, perkara syariah & tolak takfiri

KOTA BHARU: Tiga usul berkaitan memperkemas Pakatan Harapan (PH), memperkasa sistem kehakiman syariah dan menolak budaya melampau dibahas dalam konvensyen ke-2 AMANAH Kelantan, 12 Ogos lalu.

Perwakilan Machang, Dr Abdullah Tahir Osman membawa usul memperkasakan kerjasama PH di semua peringkat bagi menghadapi pilihan raya Umum (PRU).

Menurut beliau, perkembangan di Kelantan amat positif kerana hampir semua parlimen telah memulakan inisiatif merapatkan hubungan antara parti-parti dalam PH.

"Kami di Machang agak istimewa kerana hubungan bermula lebih awal dengan pemimpin-pemimpin tempatan daripada PPBM dan Keadilan.

"Masalahnya sehingga kini pihak kami di bawah belum mendapat sebarang garis panduan bertulis tentang bentuk organisasi yang perlu dibuat," katanya.

Sebab itu katanya pihak pimpinan perlu segera mengadakan tatacara yang jelas bagaimana perkara



Naib Pengerusi AMANAH Kelantan sedang membentangkan usul di konvensyen AMANAH Kelantan kali ke-2 di Kota Bharu.

ini dapat dilaksanakan.

Wakil pemuda, Hazmi Hassan yang menyokong usul ini bagaimanapun memberi amaran supaya semua pihak jujur dalam mengendalikan PH.

"Kita tidak mahu pisang berbuah dua kali seperti yang telah dilalui oleh Pakatan Rakyat dahulu.

"Pastikan keputusan benar-benar dibuat secara bersama dan dipatuhi sepenuhnya oleh semua parti dalam PH," katanya.

Perwakilan negeri Che Ibrahim

Mohamad yang membawa usul memperkasa syariah mendesak semua pihak berkuasa agama menaik taraf sistem keadilan berteraskan syariah di negara ini.

"Adalah malang bila kita terus dibuai dengan impian untuk melaksanakan perkara-perkara besar berkaitan syariah sedangkan perkara asas dan dharuri belum sempurna.

"Setiap hari kita hadir di mahkamah syariah. Ada tempat tertentu kita tidak rasa seperti berada



Perwakilan Tanah Merah, Datuk Soba Husain menyokong usul memperkasa sistem kehakiman syariah.

di mahkamah bila berada di mahkamah syariah," katanya.

Perwakilan Tanah Merah yang menyokong usul itu menyarankan AMANAH mengadakan jawatan-khusus khas memperincikan keperluan berkaitan hal ini bila diberi peluang mentadbir.

"Kita perlu ada persiapan awal supaya tidak teraba-teraba apabila tiba masa untuk melaksanakannya," katanya.

Usul ketiga dibawa Ketua Panel Syariah negeri mendesak satu

usaha tersusun dibuat oleh kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan untuk menolak unsur-unsur bersifat negatif seperti politik perkauman, politik ekstrem serta politik takfiri.

"AMANAH perlu membawa satu gagasan politik baru kepada semua golongan yang wujud dalam masyarakat Malaysia hari ini," ujarinya.

Usul itu disokong perwakilan Awan, Ustazah Wan Norazan Wan Abdul Aziz.

Semua usul diterima sebulat suara.

Gabungan semua tokoh bentuk pasukan terbaik



Cikgu Wan Abdul Rahim berucap di majlis perasmian konvensyen.

PENYERTAAN semua kumpulan terbaik dalam AMANAH khususnya di Kelantan akan membentuk pasukan istimewa bagi berkhidmat kepada rakyat.

Pengerusi AMANAH Kelantan, Datuk Wan Abdul Rahim Abdullah berkata gabungan antara yang lama dan baru, profesional dan aktivis kini terbentuk dalam gerakan parti itu.

"Datuk Husam, Ustaz Muhammad Husain dan rakan-rakannya mewakili kumpulan asal yang membina kejayaan membentuk kerajaan Kelantan yang ada hari ini.

"Mereka yang sebaik tamat pengajian awal tahun lapan puluhan terus mewakafkan diri untuk perjuangan.

"Boleh dikatakan semua yang bersama dalam saf yang awal menjatuhkan UMNO-BN di Kelantan kini bersama-sama AMANAH," katanya berucap di majlis perasmian Konvensyen Tahunan AMANAH Kelantan kali ke-2 yang berlangsung di Wisma Tok Guru, Salor, 12 Ogos lalu.

Katanya, AMANAH juga kini menjadi pilihan tokoh-tokoh profesional termasuk doktor pakar dan peguam-peguam ternama.

"Beberapa pensyarah paling kanan di Universiti Sains Malaysia kini menjadi ahli kita di

samping ramai lagi yang menyokong tanpa jadi ahli atas sebab birokrasi.

"Tokoh popular di USM, Datuk Abdul Halim Yusuf kini bersama AMANAH dan kini dalam proses bersara awal untuk mernjadi petugas sepenuh masa.

"Dari kalangan peguam, kita baru saja menerima kemasukan bekas Penasihat Undang-undang Pas, Hisham Fauzi di samping peguam korporat terkenal Che Mat Isa yang telah bersama kita sejak awal lagi," katanya.

Menurutnya, perkembangan ini diperkukuh dengan sambutan hangat golongan muda dan wanita bersama AMANAH.

"Saya yakin semuanya kini menyebelahi kita dan keperluan penting sekarang adalah menjaga perpaduan dan menetapkan rangka kerja yang mampu mencipta kemenangan," katanya.

Konvensyen kali ke-2 AMANAH Kelantan menyaksikan penyertaan sepenuhnya 14 kawasan parlimen yang telah menubuhkan AMANAH.

Setiasaha AMANAH Kelantan Rushdan Musatafa yang turut berucap di majlis itu berterima kasih kerana kesemua 14 kawasan yang telah didaftarkan menghantar perwakilan masing-masing ke konvensyen itu.

Laksana model Nabi Yusuf bila dapat tadbir negeri

NEGERI Kelantan akan menggunakan model yang ditunjukkan Nabi Yusuf a.s. dalam mengurus khazanah negeri bila dipilih mentadbir negeri.

Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa berkata, ketelusan dan usaha meningkatkan keupayaan ekonomi rakyat adalah teras utama yang akan diguna pakai nanti.

"Sikap tidak peduli terhadap pekerja dan golongan daif yang jadi amalan kerajaan sekarang akan diganti dengan perancangan khas meningkatkan taraf hidup mereka," katanya.

Dengan mengambil contoh guru-guru Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan penerima bantuan Ladang Rakyat, beliau berkata penyelesaian

dapat dibuat jika kerajaan benar-benar mengambil langkah wajar.

"Isu guru-guru YIK yang terus tidak dapat diserap ke jawatan tetap telah berlarutan begitu lama.

"Saya sendiri amat faham masalah ini kerana ayah saya mengajar di sekolah YIK dan ramai adik beradik saya bersekolah di situ.

"Sebenarnya jika khazanah hasil negeri diurus dengan betul dan sistem YIK diubahsuai sedikit, satu penyelesaian amat mudah dilakukan," katanya.

Beliau yang tidak mahu mendedahkan semua kaedah mengenai hal itu berjanji kepada semua guru yayasannya itu bahawa mereka

akan diserap ke jawatan tetap apabila AMANAH mentadbir Kelantan.

"Kita tak perlu terangkan semua sekarang nanti mereka tiru. Tapi kirim salam kepada semua guru YIK kita janji akan selesaikan masalah mereka," katanya.

Berkaitan Ladang Rakyat, beliau amat kesal kerana pihak kerajaan seperti tersepit dengan kaedah pembangunan ladang oleh pihak swasta yang berjalan sekarang.

"Apabila saya dedahkan semua anak syarikat ladang rakyat kerugian dan ada yang tutup mereka kata saya fitnah. Akhirnya seorang Exco kerajaan menjawab Ladang Rakyat rugi kerana saya tak datang mesyuarat.

"Memang betul apabila saya dilantik menjadi ahli lembaga Ladang Rakyat hanya sekali saya hadir. Saya ambil pendirian tidak mahu terus duduk di situ kerana perjalanannya terpesong dari rancangan asal.

"Asalnya Ladang Rakyat dirancang untuk dimajukan sendiri oleh pihak kerajaan melalui anak syarikat, tetapi apa yang terjadi ialah ia diurus pihak swasta," katanya.

Kini katanya, yang mengaut untung adalah pengusaha swasta yang ditaksirkan mengumpul keuntungan tahunan sekurang-kurangnya RM11 juta, sedangkan kerajaan negeri hanya menerima RM2 juta setahun.

Dari hasil ini, 4500 peserta Ladang

Rakyat hanya mendapat imbuhan bulanan RM200.

Jika AMANAH bersama Pakatan Harapan (PH) menerajui kerajaan negeri, perjanjian berat sebelah itu akan dikaji semula manakala jumlah peserta dan pendapatan peserta akan ditingkatkan.

Menyentuh perkembangan positif gabungan PH, beliau mahu sikap hormat menghormati antara parti-parti komponen ditingkatkan.

"Tidak perlu ada yang merasa lebih tinggi dan lebih rendah dalam gabungan ini.

"Semua pihak penting untuk mencapai misi penting mengalahkan BN dan menubuhkan sebuah kerajaan baru di negara ini," katanya.

Sumbang mahram menggila apabila institusi keluarga rapuh

SEJAK Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak memulakan perbicaraan pada 4 Julai lalu, saya mengikuti laporan media tentang pelbagai dakwaan yang dibuat dengan perasaan yang cukup sedih dan terkilan.

Paling menyayat hati adalah kes di mana seorang bapa didakwa atas 600 pertuduhan merogol dan meliwat anak perempuannya tiga kali setiap hari sepanjang tujuh bulan lalu yang disifatkan pertama kali dalam sejarah.

Saya berpandangan masyarakat hari ini berdepan krisis meruncing apabila konsep keluarga yang bersifat melindungi, mendidik dan penuh kasih sayang semakin luntur serta penuh kepincangan.

Peranan golongan lelaki seperti ayah, abang, datuk dan seumpamanya sebagai pelindung juga kelihatan terhakis apabila beberapa laporan yang dibuat menunjukkan mereka tidak bertanggungjawab apabila tergamak menjadi perogol anggota keluarga sendiri.

Lebih sadis seperti kes yang dilaporkan di Sarawak apabila datuk, bapa kandung dan bapa saudara sendiri menjadi perogol. Sukar memahami bagaimana kesemua mereka tanpa segan silu dan malu melakukan jenayah terkutuk itu.

Dalam masa yang sama, berdasarkan perkongsian dengan beberapa kenalan yang berpengalaman dalam bidang kebajikan sosial dan perubatan, kejahilan ibu kepada hukum-hukum agama turut menjadi punca berlakunya jenayah sumbang mahram ini.

Terdapat kes di mana terdapat ibu yang membiarkan anak perempuan tidur bersama datuknya tanpa memahami di sana wujudnya hukum agama mengenai batas-batas pergaulan dan perhubungan walaupun antara sesama anggota keluarga.

Saya juga yakin kejadian-kejadian jijik seperti ini masih berleluasa berlaku di luar sana tetapi wujud pula beberapa kekangan yang menyukarkan tangkapan dan dakwaan dibuat.

Antaranya adalah hidup mangsa yang bergantung kepada perogol sehingga menimbulkan dilema untuk membuat laporan kerana bimbang dengan nasib dirinya jika perogol itu yang juga anggota keluarganya dipenjarakan.

Lebih mengecewakan apabila terdapat pula anggota keluarga perogol yang juga saudaranya meminta mangsa tidak melaporkan atas faktor yang sama. Dalam hal ini, pihak berkuasa dan pertubuhan kebajikan perlu memikirkan langkah untuk membantu mangsa dan keluarga jika perogol itu dipenjarakan.

Selain itu, mangsa juga terpaksa menyembunyikan masalah ini kerana malu dengan nasibnya jika diketahui keadaan dirinya yang pernah dirogol. Dalam hal ini, emosi mangsa rogol tidak sama dengan mangsa jenayah yang lain.

Jika perogolnya ditangkap, masyarakat sekeliling secara mudah akan mengetahui siapa mangsa rogol itu apatah lagi bila kes ini dilaporkan secara meluas dalam media.

Berbeza dengan perogol yang disumbatkan dalam penjara, keadaan berbeza dengan mangsa dan keluarga apabila mereka terpaksa berdepan dengan masyarakat keliling setiap hari. Hubungan dengan saudara-mara juga sudah pasti turut terjejas dan porak peranda.

Apabila keadaan bertambah buruk, langkah terbaik boleh diambil mungkin berpindah keluar dari kampung atau kejiranan tersebut. Nak berpindah pula tidak mudah, banyak perkiraan perlu diambil yang membabitkan soal kewangan juga.

Lebih malang bila mangsa masih bersekolah. Mangsa terpaksa berdepan rasa malu dengan rakan-rakan dan guru sehingga berpotensi menjejaskan motivasi mangsa untuk terus belajar. Tidak hairanlah jika ada yang memilih untuk terus berhenti belajar kerana keadaan yang tidak menyebelahi mereka.

Melihat perkara ini, saya sukar bersetuju dengan kenyataan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim yang mengangap ada mangsa rogol bawah umur yang berada dalam keadaan baik walaupun diketahui mangsa tidak bersekolah.

Tiada apa yang baik jika peluang pendidikan yang merupakan hak dan nikmat yang setiap rakyat terabai kerana kesilapan pihak tertentu dalam menangani masalah ini.

Sehubungan itu, saya mengharapkan agar satu mekanisme perisikan dan pnyiasatan yang lebih menyeluruh, pantas dan berkesan boleh diwujudkan supaya dakwaan dan tangkapan boleh dibuat tanpa perlu menunggu laporan polis dibuat terlebih dahulu.

Dalam hal ini jaringan komuniti yang prihatin, jaminan keselamatan, perlindungan, kaunseling dan kebajikan yang menyeluruh perlu ditawarkan dan dihebahkan supaya mangsa merasa yakin bukan sahaja undang-undang tetapi keadaan serta masa depan akan menyebelahi kepada nasib dirinya.

Anggota masyarakat, jawatankuasa masjid, jawatankuasa kampung atau kawasan kejiranan dan pihak sekolah jangan lagi mengambil sikap 'jangan menjaga tepi kain orang' kerana pencegahan seperti ini menuntut kerjasama dan merupakan tanggungjawab semua pihak.

Selain itu, saya juga merayu dengan



PENDAPAT
DR SITI MARIAH MAHMUD

penuh rendah diri kepada golongan ilmuwan Islam, cukup-cukuplah berbalah sesama sendiri atas perkara yang boleh diperselisihkan dan dibenarkan dalam agama, masyarakat semakin keliru dan hilang pedoman apabila kalian memilih untuk 'berperang' sesama sendiri.

Sekiranya polemik menasabkan anak luar nikah kepada 'bin Abdullah' selesai atau reda, saya merayu sekali lagi kepada semua ilmuwan Islam yang berkepakaran ini untuk bersama-sama pula memikirkan langkah pencegahan dan pemulihan kepada masalah sumbang mahram ini.

Segegap jentera dakwah seperti Jabatan Agama Islam negeri, institusi masjid, pegawai agama dan media perlu dimobilisasi sepenuhnya untuk membasmi gejala sumbang mahram ini daripada berlaku dan merebak.

Negara sedang berhadapan dengan pelbagai krisis moral termasuklah peningkatan anak luar nikah yang cukup merunsingkan kita terutama apabila mangsa dan pemangsa adalah sesama anggota keluarga.

Tidak cukup jika kita sekadar berbangga dengan keunggulan agama Islam ini sekiranya masalah masyarakat terus berhadapan krisis yang belum nampak berkesudahan.

■ **Dr Siti Mariah Mahmud ialah Ketua Awan Nasional dan Ahli Parlimen AMANAH Kota Raja.**

Warda sokong atlet wanita muda Team Malaysia

KEHANGATAN dan debaran Sukan Sea kian terasa dengan hanya berbaki beberapa hari sahaja lagi. Landskap khas seperti papan tanda dan juga iklan temasya sukan sea kali ini dibina untuk menyatakan sokongan penuh kepada atlet negara. Tidak kurang juga maskot Rimau Sukan Sea 2017 di seluruh negeri sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan kontinjen dari luar negara, jelas kelihatan gahnya.

Mengimbu kembali sejarah Malaysia menjadi tuan rumah sukan Sea iaitu pada tahun 1965 buat kali pertama. Selain daripada itu, Malaysia telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah sebanyak lima kali. Lebih menggembirakan di mana Malaysia muncul sebagai juara keseluruhan dengan pungutan 111 pingat emas pada tahun 2001 juga merupakan tuan rumah di tahun yang sama.

Dan kini, setelah 16 tahun berlalu, Malaysia sekali lagi menjadi tuan rumah buat temasya Sukan Sea kali ke-29 dan Sukan Para Asean ke-9 pada tahun 2017.

'Kuala Lumpur 2017' merupakan jenama untuk Sukan Sea kali ini dan membawa tema 'Bangkit Bersama' yang diadakan di Kuala Lumpur bermula pada 19 hingga 30 Ogos 2017 dan 17 hingga 23 September untuk Sukan Para Asean. Sukan Sea kali ini turut mempertandingkan 38 acara.

Wanita Muda Amanah Nasional (Warda) menyatakan seinfiniti sokongan padu terhadap para atlet terutamanya 'atlet besi' muda wanita seperti Pandelela Rinong,



Majlis memperkenalkan Team Malaysia bagi Sukan Sea 2017.

Farah Ann, Cheong Jun Hoong, Goh Jin Wei, Nur Ayuni Farhana dan atlet-atlet wanita yang lain yang membawa nama negara ke persada antarabangsa.

Kejayaan mereka sebagai atlet wanita dalam menempa nama negara di arena sukan antarabangsa berprestij di usia bawah 30-an, bukanlah sesuatu yang boleh dipandang enteng. Kekuatan dan keyakinan yang mereka berikan dari segi fizikal dan mental meletakkan mereka sebaris dengan atlet-atlet lelaki Malaysia.

Warda yakin, Malaysia telah memberikan

penghargaan yang tinggi dan mengangakatlet wanita ini sesuai dengan sumbangan kejayaan mereka. Warda juga mengambil kesempatan ini untuk menasihatkan agar semua atlet Team Malaysia menjaga kesihatan diri sepanjang menjalani sesi latihan.

Baki masa kurang dari 10 hari lagi, pasti menuntut komitmen masa dan tenaga yang semaksimanya sepanjang menjayakan sesi latihan bagi merealisasikan emas di penghujung Sukan Sea kelak.

Akhir kata, Warda mengucapkan selamat



Anis Afida Mohd Azli ialah Ketua Warda Nasional.

jaya buat semua atlet negara yang bakal berjuang untuk Malaysia bermula pada 19 ogos nanti. Jasa kalian, akan tercatat di setiap lembaran sejarah Malaysia. Ayuh Bangkit Bersama! Team Malaysia kebanggaan kami! Sokongan dan doa kami buat Team Malaysia.

Pindaan Akta 164 bukan semudah bermain emosi

DALAM isu pindaan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Penceraian) 1976 atau juga dikenali sebagai Akta 164; sebagai Ahli Parlimen Islam, kita mempunyai pilihan sama ada ingin berhujah dengan emosi semata-mata atau orang putih kata "playing to the gallery" atau berhujah secara objektif dan tenang serta turut bersama cuba mencari satu penyelesaian yang tuntas dan praktikal kepada satu masalah yang sudah lama menghantui masyarakat di negara ini.

Walau apa pendirian atau pilihan yang ingin diambil, isu pokoknya adalah kita khususnya umat Islam kena memahami sebenar pokok masalah khususnya Akta 164 itu sendiri.

Secara mudah, Akta 164 adalah Akta yang mengawal perkahwinan dan penceraian orang-orang bukan Islam dalam negara ini. Seksyen 3(3) Akta ini secara jelas menyatakan bahawa Akta ini tidak terpakai kepada mana-mana pihak yang berkahwin mengikut Islam/Syariah. Dengan lain perkataan, Akta 164 tidak terpakai untuk orang Islam.

Meskipun Akta ini digubal bagi mengawal isu-isu perkahwinan dan penceraian orang bukan Islam dan isu-isu yang berkaitan dengannya seperti isu nafkah dan penjagaan anak-anak, namun Akta ini juga tidak dapat lari daripada melibatkan orang Islam apabila salah satu pasangan bukan Islam itu memilih untuk memeluk Islam.

Di sinilah bermulanya pertikian dan jika tidak diselia dengan berhati-hati boleh mencetuskan masalah yang lebih besar dan rumit.

Ada satu peruntukan dalam Akta 164 yang secara spesifik menyentuh isu salah satu pasangan bukan Islam memeluk Islam. Seksyen tersebut adalah seksyen 51. Sebelum kerajaan membawa pindaan ke atas Akta 164 di Parlimen semalam, seksyen 51 memang sudah sedia bermasalah (problematic).

Sebelum pindaan, seksyen 51 memperuntukan antara lain jika salah satu pasangan bukan Islam memeluk Islam, maka hanya pasangan yang bukan Islam sahaja yang boleh memfailkan petisyen penceraian di mahkamah sivil bagi membubarkan perkahwinan mereka. Perkahwinan itu tidak ter-bubar dengan sendirinya seperti mana dalam hukum Islam. Mengapa begitu? Tidak pelik sebab dari awal, Akta 164 hanya diniatkan untuk perkahwinan di bawah undang-undang sivil (solemnised under the civil law).

Seksyen 51 ini memang mendatangkan masalah kepada pasangan yang memilih untuk memeluk Islam sama ada suami atau isteri. Dan jika ada anak kepada perkahwinan itu, lagi ada masalah besar.

Kerana apa? Kerana suami atau isteri yang masuk Islam itu tidak boleh membubarkan perkahwinan mereka sama ada secara auto-

matik atau melalui satu perintah Mahkamah yang berkesan dan boleh berkuatkuasa ke atas dua-dua pihak.

Misalnya jika si suami yang masuk Islam dan isterinya masih kekal dalam agama asal (agama non muslim), si suami tidak boleh membubarkan perkahwinan tersebut di mahkamah sivil sebab seksyen 51 tidak membenarkan dia berbuat demikian dan Seksyen 3(3) juga menghalang dia ke mahkamah sivil sebab Akta tersebut tidak lagi terpakai kepadanya sebab dia telah menganut Islam.

Apakah pilihan dia? Logikanya, dia terpaksa pergi ke Mahkamah Syariah bagi mendapatkan perintah untuk membubarkan perkahwinan. Dan itulah yang selalu dilakukan dalam kes seperti itu. Tapi adakah dengan pergi ke Mahkamah Syariah dan dapat perintah daripada Mahkamah Syariah, beliau dapat menyelesaikan masalah itu "once and for all".

Jawabannya tidak. Kenapa? Mudah. Kerana keputusan Mahkamah Syariah itu hanya laku dan berkuatkuasa kepada orang Islam sahaja. Ia tidak mengikat pasangan yang bukan Islam. Maknanya, jika katakan si suami dapat perintah Mahkamah Syariah yang membubarkan perkahwinan sebelum ini yang dibuat di bawah Akta 164, perintah itu tidak mengikat bekas isterinya yang masih kekal dalam agama asal. Secara teknikalnya, isteri itu masih dikenali sebagai isterinya yang sah.

Yang lebih parah dan kronik lagi jika suami atau isteri yang Islam itu ada anak. Selalunya suami atau isteri yang Islam itu akan pergi ke Mahkamah Syariah bukan sekadar untuk membubarkan perkahwinan asal mereka tapi ia juga akan meminta Mahkamah Syariah mengeluarkan perintah penjagaan anak atau perintah mengisytiharkan anak yang bukan Islam itu menjadi Islam.

Lumrahnya, pasangan yang bukan Islam akan "upset" misalnya jika suami beliau bertindak secara unilateral (sebelah pihak) "mengislamkan" anak atau anak-anak mereka melalui perintah di Mahkamah Syariah. Bagi si isteri, itu tidak adil kerana ia dibuat hanya secara "ex parte" (sebelah pihak) dan ia tidak diberi hak untuk didengar (rights to be heard).

Yang lebih merumitkan keadaan dan benar-benar megecewakan lagi isteri yang bukan Islam, kadangkala bukan sahaja si suami yang Islam itu "mengislamkan" anak atau anak mereka secara sebelah pihak, anak atau anak itu juga kadangkala "dibawa lari" oleh si suami tanpa pengetahuan isteri. Kita boleh memahami betapa sedih, kecewa dan marah mana-mana ibu yang dipisahkan dengan anak atau anak yang beliau susah payah lahirkan. Ini naluri ibu tanpa mengira agama. Malangnya, ada

setengah orang Islam seolah-olah tidak kisah akan hal ini.

Tetapi untuk berlaku adil kepada suami yang Islam, adakah beliau ada pilihan lain selain pergi ke Mahkamah Syariah? Di sinilah dilemanya. Suisuami tidak boleh ke mahkamah sivil sebab seksyen 51 menghalang beliau. Jika sekalipun beliau dapat perintah Mahkamah Syariah, perintah itu tidak boleh mengikat atau dikuatkuasa kepada isterinya yang masih kekal dalam agama asal.

Dalam keadaan yang serumit itu, ia akan bertambah rumit lagi apabila si isteri yang masih beragama asal itu pula pergi ke mahkamah sivil dan dapat juga perintah penjagaan anak atau anak mereka dan mungkin juga perintah deklarasi bahawa anak-anak itu masih kekal dalam agama asal.

Maknanya, kini ada dua perintah mahkamah. Satu, perintah Mahkamah Syariah (suami Islam perolehi) dan satu lagi perintah mahkamah sivil (isteri yang bukan Islam perolehi).

Itulah kedudukan masalah sebelum pindaan ke atas Akta 164 dibawa ke Parlimen semalam.

Bagi menyelesaikan masalah itu, kerajaan nampaknya cuba meminda Seksyen 51 Akta tersebut dengan cadangan agar bila salah satu pasangan yang bukan Islam itu masuk Islam, maka salah seorang dari mereka boleh (may) memfailkan petisyen penceraian di mahkamah sivil.

Pindaan itu juga mencadangkan kedua-dua pihak boleh memfailkan petisyen bersama (a joint petition) penceraian di mahkamah sivil. Dan sekiranya petisyen difailkan, maka mahkamah sivil boleh juga dalam masa yang sama menentukan isu-isu sampingan seperti isu penjagaan anak atau nafkah. Dalam perundangan ia dipanggil "ancillary reliefs".

Secara jujur pindaan ini, bagi saya, agak baik kerana sebelum ini pasangan yang memeluk Islam langsung tidak boleh pergi ke mahkamah sivil. Kini ia boleh jika ia hendak. Tetapi secara realistik, adakah pindaan ini boleh seratus peratus selesai masalah? Di sini, maaf, saya berbeza pendapat dengan kerajaan.

Kalau kerajaan harapkan pindaan tersebut boleh menghalang sama sekali mana-mana pihak yang masuk Islam dari pergi ke Mahkamah Syariah seperti sebelum pindaan, saya kata, semasa perbincangan semalam, ia mungkin tidak berlaku seratus peratus. YB Khalid Samad (Amanah-Shah Alam) juga berkongsi sentimen yang sama. Kerana apa?

Saya berkata demikian kerana pindaan yang dikemukakan untuk meminda Seksyen 51 tersebut tidak menjadikan suatu yang mandatori untuk mana-mana pasangan yang masuk Islam wajib memfailkan petisyen pen-



ceraian di mahkamah sivil. Dengan lain perkataan, pindaan itu tidaklah memberi hak eksklusif hanya kepada mahkamah sivil untuk mendengar kes petisyen penceraian atas alasan suatu pihak sudah masuk Islam.

Dalam bahasa yang mudah, dengan pindaan tersebut, ia tidak menjamin seratus peratus yang pasangan yang telah memeluk Islam tidak boleh lagi ke Mahkamah Syariah seperti dulu. Pindaan itu sekadar memberi ia opsi untuk ke mahkamah sivil, jika ia mahu.

Kerajaan selalu kata memandangkan perkahwinan asal dibuat di bawah Akta 164 (secara sivil), maka apa yang berlaku selepas itu mestilah diselesaikan sepenuhnya secara sivil iaitu jika ada pertikaian perlu pergi ke mahkamah sivil. Bagi saya itu satu proposisi yang agak munasabah dan wajar. Tapi, adakah pindaan yang dicadangkan pada seksyen 51 itu benar-benar menyokong proposisi tersebut?

Maaf, saya ragu.

Saya tidak mahu komen mengenai penarikan balik pindaan yang cuba memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 88A. Cuma saya nak kata dalam hal "conversion" anak ini, saya rasa para ulama tidak wajar sama sekali mengeneipkan pandangan fiqh meskipun pendapat minoriti yang mungkin lebih realistik dan praktikal.

Mantan pensyarah saya, Almarhum Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman pernah memberitahu saya ketika beliau diminta menggubal undang-undang keterangan Islam, beliau banyak mengambil pendapat minoriti yang bagi beliau lebih realistik dan sesuai di zaman ini.

Di sinilah, betapa kita perlu menghargai roh "ikhtilafu ummati rahmat" (perselisihan di kalangan umatku adalah rahmat) dan juga kata-kata Umar 'Abdul Aziz r.a., "Aku tidak suka jika para sahabat Nabi s.a.w. tidak berbeza pendapat..."

YB Dr Mujahid Yusof (Amanah-Parit Buntar) dalam perbincangan beliau telah mengemukakan satu pendapat minoriti dari Imam Sufyan Al-Thouri berkaitan isu ini yang mungkin lebih sesuai, praktikal dan realistik.

Allah lebih mengetahui.

■ Penulis ialah Ahli Parlimen Sepang dan Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) Parti Amanah Negara.

Jangan heret Malaysia ke konflik kuasa besar

PERTIMBANGAN Kerajaan Malaysia terhadap tawaran China untuk membina Pusat Tindak Balas Perisikan Wilayah (regional counter intelligence centre) di negeri Johor yang turut dilengkapi radar pengawasan dan sistem peluru berpandu adalah sangat dikhuatiri akan mengheret negara ke kancak konflik kuasa besar dunia.

Tawaran ini adalah momentum negara tembok besar itu dalam memperkukuhkan pencerobohan-



PENDAPAT
SALAHUDDIN AYUB

nya di Laut China Selatan. Laporan Asia Maritime Transparency Initiative (AMTI) menyatakan bahawa China

hampir menyiapkan lebih 20 struktur bangunan di tujuh pulau buatan di lokasi yang menjadi perebutan di sekitar Laut China Selatan. Pulau buatan ini turut dilengkapi sistem pertahanan termasuk senjata antipesawat, antipeluru berpandu dan pelancar misil jarak jauh.

Pertemuan November ini bersama Presiden China berhubung tawaran China perlu diperhalusi sedalam-dalamnya agar nanti Malaysia tidak akan terheret sama

dalam kancak perebutan kuasa besar dunia.

Negara-negara ASEAN perlu terus kekal neutral. Sungguhpun Singapura dan Filipina merupakan rakan karib Amerika Syarikat tetapi yang paling penting adalah tiada mana-mana negara ASEAN yang membuka wilayahnya untuk pangkalan pertahanan kuasa luar.

Diharapkan agar Najib Razak tidak terburu-buru ingin menjadikan Malaysia sebagai satelit China yang

baharu. Sekarang ini sudah banyak aset negara yang telah tergedai kepada China, jangan sampai nanti pentadbiran negara akan mengikut telunjuk China. Lihat sahaja pengalaman negara-negara Afrika yang menerima pelaburan gergasi dan pinjaman China yang akhirnya merana terpaksa akur kepada negara pemodal gergasi dunia ini.

Masih sempat untuk Najib bertindak demi kepentingan rakyat dan negara.

Akta 164: Apabila yang keliru berbicara

PERBAHASAN berhubung pindaan Rang Undang-Undang (RUU) 164 telah berlangsung pada sesi Dewan Rakyat yang lepas. Ahli parlimen yang terlibat membahasnya di Dewan Rakyat memahami sebab mengapa pindaan itu dikemukakan. Malangnya sehari dua selepas selesai perbahasan, timbul pula berbagai tafsiran dan dakwaan dari mereka yang tidak terlibat. Kononnya kepentingan Islam terjejas dengan pindaan yang telah diluluskan. AMANAH pula dikutuk kerana tidak menolak pindaan tersebut.

Kalau ditolak maka yang sedia ada akan kekal. Baik sangatkah yang sedia ada? Syarie sangatkah yang sedia ada sehingga pindaan yang dibawa wajib ditolak?

Hakikatnya yang sedia ada banyak sangat kelompangnya dan walaupun pindaan yang dibawa tidak sempurna, namun ianya dianggap mampu menghasilkan keadaan yang lebih adil dari yang sedia ada.

KELOMPANGAN YANG SEDIA ADA

Pokoknya pindaan ini bertujuan untuk mengatasi masalah yang timbul apabila salah seorang dari pasangan suami isteri memeluk agama Islam. Asalnya kedua-dua mereka tidak beragama Islam. Apabila salah seorang dari mereka memeluk agama Islam, dia sudah tidak boleh ke mahkamah sivil kerana beragama Islam. Sedangkan perkahwinannya pada zaman dia bukan Islam dan didaftarkan di mahkamah sivil perlu dibatalkan di mahkamah sivil.

Sekiranya perkahwinannya tidak dibatalkan di mahkamah sivil ianya akan terus dianggap sah oleh mahkamah sivil. Maka segala persoalan yang terbabit dengan perceraian yang telah berlaku, sama ada berhubung harta sepencarian, penjagaan dan kos tang-

gungan terhadap anak-anak (sekiranya ada), dan sebagainya tidak boleh dituntut atau ditetapkan oleh mahkamah sivil. Perkahwinan itu akan tetap dianggap sah oleh mahkamah sivil.

Sekiranya perkahwinan itu dibatalkan di mahkamah sivil oleh pasangan yang kekal dengan agama asalnya, maka mahkamah sivil akan dituntut membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman berhubung segala isu berkaitan perceraian tersebut tanpa kehadiran pasangan yang telah memeluk agama Islam. Sudah pasti mahkamah sivil tidak mampu menentukan kesemuanya secara adil kerana hanya dapat mendengar dari satu pihak.

Pada masa sama, pasangan yang telah memeluk agama Islam akan ke mahkamah syariah. Dia mendaftarkan dirinya sebagai orang Islam dan dengan sendirinya perkahwinan sivilnya dibatalkan sekiranya pasangannya tidak turut memeluk agama Islam. Akan tetapi pembatalan perkahwinan sivil oleh mahkamah syariah tidak diambil kira oleh mahkamah sivil.

Pasangan yang kekal dengan agama asal tidak boleh pula dibawa ke mahkamah syariah untuk menyelesaikan persoalan yang timbul hasil perceraian mereka. Ini adalah kerana dia tidak beragama Islam. Maka segala persoalan berhubung perceraian mereka terpaksa diputuskan oleh mahkamah syariah tanpa kehadiran bekas pasangan yang bukan Islam.

Seperti mana mahkamah sivil, mahkamah syariah juga tidak mampu menjamin keadilan kerana hanya dibenarkan mendengar dari satu pihak.

Akhirnya yang beragama Islam ke mahkamah syariah dan yang bukan Islam ke mahkamah sivil. Dua mahkamah ini mempunyai bidang kuasa dan peraturan mereka masing-masing dan tidak saling berhubung



LAUT BUDI TEPIAN AKAL
KHALID SAMAD

antara satu sama lain. Maka timbullah keadaan di mana mahkamah syariah memutuskan sesuatu dan mahkamah sivil memutuskan sesuatu yang lain. Kedua-dua mahkamah bertindak berdasarkan dakwaan satu pihak.

Apabila hanya pandangan sebelah pihak sahaja didengari, sama ada oleh mahkamah sivil atau syariah, tidak mungkin keadilan terjamin. Hakikat ini difahami semua. Ianya keadaan yang bercanggah dengan tuntutan syariah. Malahan ianya tidak syarie sama sekali.

Dalam keadaan sebegini, amat malang kalau ada yang ingin terus mempertahankan kelompangan perundangan yang sedia ada ini. Mereka yang ingin mempertahankan kelompangan sedia ada ini tidak mengutamakan keadilan mahupun kewajipan menegakkannya. Sedangkan Islam menuntut supaya keadilan ditegakkan. Amat aneh apabila mempertahankan kelompangan ini dibuat atas nama Islam.

TUJUAN PINDAAN

Pindaan dibuat dengan tujuan membenarkan pasangan yang memeluk agama Islam hadir ke mahkamah sivil untuk membatalkan perkahwinannya dan menyelesaikan tanggungjawabnya secara sebaik mungkin. Maka melalui pindaan ini kedua-dua pihak dapat hadir di hadapan hakim untuk menceritakan keadaan masing-masing. Dalam keadaan ini barulah hakim mampu membuat satu keputusan yang lebih adil dan tepat kerana dapat mendengar kedua-dua pihak.

Ada yang bertanya, mengapa ke mahkamah sivil dan tidak ke mahkamah syariah? Jawapannya adalah perkahwinan mereka didaftarkan di mahkamah sivil. Oleh itu ianya mesti dibatalkan di mahkamah sivil.

Kedua, mahkamah sivil adalah di bawah kerajaan persekutuan di mana Parlimen ada kuasa menentukan undang-undang berhubung dengan perjalanannya sedangkan mahkamah syariah adalah di bawah bidang kuasa negeri masing-masing. Ianya bukan di bawah Parlimen.

ISU PINDAAN 88(A)

Ada juga yang menimbulkan isu pindaan 88(A). Ia telah ditarik balik oleh kerajaan maka ianya tidak dibahas.

Kami sememangnya berminat untuk membahas pindaan 88(A) tetapi apabila ianya ditarik balik maka tiada makna ianya dibahas secara panjang lebar. Hanya ada beberapa Ahli Parlimen meminta penjelasan mengapa ianya ditarik balik sedangkan pernah dijanjikan sebaliknya.

Pindaan 88(A) bertujuan untuk menentukan, bagi pihak mahkamah sivil, kaedah untuk menetapkan agama anak-anak pasangan yang bukan Islam selepas salah seorang dari mereka memeluk agama Islam. Pada dasarnya 88(A) mencadangkan supaya anak-anak itu dianggap kekal dalam agama asal, iaitu tidak memeluk agama Islam, kecuali dipersetujui oleh kedua-dua ibu bapa mereka. Dalam erti-kata lain, anak-anak berkenaan akan hanya dianggap sebagai memeluk agama Islam sekiranya pasangan yang tidak memeluk agama Islam itu turut membenarkannya.

Walaupun ada banyak hujah berkenaan agama anak-anak yang berada dalam keadaan seperti ini yang hendak kami sampaikan, termasuk perbezaan pandangan ulama mukta-

bar zaman lampau dan semasa mengenainya, namun oleh kerana ianya telah ditarik balik, maka perbahasannya tidak diberikan keutamaan.

Namun demikian, yang perlu difahami ialah ianya isu ijihad dan bukan hukum yang qat'ie. Dan ijihad yang dilakukan ulama zaman dahulu bertujuan menjamin keadilan bagi semua dalam keadaan dan suasana politik pada ketika itu. Dorongan utama ulama lampau, seperti mana juga ulama semasa, semestinya adalah untuk menegakkan keadilan untuk semua apabila ditetapkan sesuatu hukuman atau pandangan. Ini adalah supaya keadilan Islam akan terserlah. Bukan untuk menegakkan ketuanan sesuatu bangsa atau umat ke atas bangsa atau umat yang lain.

KESIMPULAN

Tulisan yang mendakwa kelulusan pindaan RUU 164 adalah bala yang menimpa umat Islam boleh diabaikan. Amat jelas penulis keliru dan tidak memahami isu sebenar. Tiada yang berbahas di dewan membuat dakwaan-dakwaan seperti mana didakwa dalam penulisannya. Yang ditimbulkan sekadar apa yang dilihat sebagai percanggahan dengan artikel tertentu dalam Perlembagaan dan Akta Mahkamah Syariah. Itupun mengikut pandangan mereka sahaja.

Sejauh mana ianya benar-benar bercanggah perlu dikaji dan akhirnya diuji di mahkamah sekiranya ianya dilihat isu penting.

Namun bagi saya, penyelesaian kelompangan itu adalah lebih diutamakan. Ini adalah supaya memungkinkan keadaan yang lebih adil terhasil. Oleh itu tiada sebab AMANAH menolaknya.

Penulis ialah Ahli Parlimen Shah Alam dan Pengarah Komunikasi AMANAH.



Presiden AMANAH, Mohamad Sabu menyerahkan kunci rumah mangsa banjir di Kuala Krai.

Sambutannya rakyat penyuntik semangat AMANAH Kuala Krai

Oleh ZIKRI ABDULLAH

BANYAK yang menyangka AMANAH Kuala Krai dapat bergerak selesa kerana sejak mula ada Ahli Parlimen bersama.

"Sukar dibayangkan bagaimana kami dapat menggerakkan sebuah parti baru yang diserang dari segenap penjuru," kata Ustaz Tajuddin Abdul Majid yang kini mengetuai pimpinan AMANAH kawasan itu.

Menoleh kembali krisis dalam parti lama katanya, Ahli Parlimen Kuala Krai Dr. Hatta



Ustaz Tajuddin

Ramli yang juga Ketua Pengarah Pilihan Raya Pas ialah tokoh yang paling kuat diserang. "Gambarnya dipijak-pijak oleh demonstrator berserban di ibu pejabat parti di Jalan Raja laut.

"Sebelum itu, satu percubaan membakar kenderaan beliau dilakukan di hadapan rumahnya," katanya.

Itulah wakil rakyat orang Kuala Krai yang menjadi antara pemimpin utama Parti Amanah Negara.

"Dalam situasi itulah AMANAH Kuala Krai memulakan langkah menggerakkan parti yang kami yakini mampu membela Islam dan rakyat di negara ini.

"Memang kami sendiri yang putuskan Dr. Hatta memberi tumpuan untuk menggerakkan parti di peringkat nasional dan menyerahkan kepada petugas tempatan mengurus di kawasan ini," katanya.

Memang diakui katanya, AMANAH Kuala Krai bermula dengan kekuatan paling minima.

"Penggerak permulaan hanya boleh dibalang dengan jari.

"Tentu sekali tidak ada individu berkapasiti besar dan terkenal menyertai kami," katanya.

Menurutnya ketika cawangan pertama ditubuhkan di kampung Pahi, ejekan dan cemuhan begitu rancak dengan sindirian parti seperti ini akan mati sendiri.

"Namun saya sungguh terkejut kerana beberapa ketika selepas itu bertali arus orang

Fokus Kawasan Kuala Krai

datang meminta untuk menjadi ahli.

"Hampir setiap lokaliti datang kepada kami dan bertanya bila cawangan akan ditubuhkan di tempat mereka," katanya.

Sejak itu, katanya gerakan dibuat atas permintaan dari rakyat bawahan.

"Alhamdulillah di semua Dun iaitu Guchil, Mengkebang, Manik Urai dan Dabong kita telah ada cawangan-cawangan yang mencukupi.

"Kini semua Dun telah diwujudkan Jentera Dun masing-masing yang melibatkan pemimpin cawangan yang telah dibentuk," katanya.

Kini, katanya AMANAH Kuala Krai tidak lagi ketandusan tokoh untuk menggerakkan parti bagi berhadapan dengan pilihan raya.

"Penyertaan bekas Adun Dabong, Arifillah Ibrahim, Shokordey Mohamad, Rosmah Abdullah dan beberapa aktivis yang cukup mahir selok belok kawasan ini amat memudahkan gerak kerja.

"Ini dikukuhkan lagi dengan kemasukan tokoh profesional seperti Wan Ahamad Fadzil Wan Omar dan Nura Sofia Ibrahim, keduanya peguam dan beberapa lagi bersama mereka meyakinkan kami untuk berhadapan dengan cabaran akan datang," katanya.

Sesuai dengan moto 'peduli' yang dibawa parti, beliau bersyukur kerana dapat mengambil bahagian membantu rakyat yang berhadapan pelbagai kesukaran dan musibah.

"Walaupun waktu bah kuning melanda 2014 kami belum bermula, kesannya yang sampai sekarang belum hapus seluruhnya.

"Dengan keupayaan yang terhad kami tetap berusaha membantu mereka yang tertinggal walaupun begitu banyak pihak membantu.



Mohamad merasmikan Rumah AMANAH Kelantan untuk mangsa banjir Kuala Krai.



Sambutan Aidilfitri AMANAH Kuala Krai disambut meriah.

"Sebanyak tiga buah rumah berjaya kami dirikan kepada mereka yang kehilangan tempat tinggal.

"Penyerahan rumah-rumah itu telah disempurnakan sendiri oleh presiden parti, Tuan Haji Mohamad Sabu," katanya.

Sebagai parti yang inklusif katanya, AMANAH Kuala Krai turut bergerak bersama masyarakat bukan Melayu.

"Sambutan kaum Cina jelas terserlah apabila sambutan baik diberikan apabila AMANAH mengadakan ziarah khas sempena Tahun Baru Cina.

"Program membahagi-bahagikan limau yang turut disertai Dr. Hataa disambut meriah.

"Kami juga telah berjaya mengadakan dua kali ceramah di kawasan penduduk bukan Melayu.

"Sebenarnya mereka sendiri yang mengambil inisiatif menjayakan ceramah-ceramah ini dan pihak kita hanya bertindak sebagai pemudah

cara," katanya.

Pihaknya juga turut mengambil berat tentang kebajikan Orang Asli.

"AMANAH Kuala Krai antara yang paling ramai bersolidariti dengan Orang Asli yang di tahan oleh pihak Jabatan Perhutanan dan tragedi 'blockade' awal tahun ini," jelas beliau.

Mengenai pentadbiran parti, Ustaz Tajuddin berkata beliau bersyukur kerana segalanya berjalan dengan baik.

"Memang kita ada kelebihan kerana sejak mula ada pejabat Ahli Parlimen yang membolehkan kegiatan parti dapat diselenggara di situ.

"Pihak kami amat berterima kasih atas kemudahan yang diberikan pihak beliau di peringkat awal.

"Namun kini kami telah mengadakan sekretariat sendiri yang dilengkapkan dengan pelbagai kemudahan. Malah di pejabat baru ini kita dapat mewujudkan pusat siaran radio internet sendiri," katanya.

Perkembangan wujudnya Pakatan Harapan menurutnya amat memberangsangkan di parlimen Kuala Krai.

"Sejak awal kita tiada masalah dengan Keadilan kerana sebahagian besar pimpinan kawasan ini adalah mereka yang begitu rapat dengan Adun Guchil.

"Kita juga telah memulakan hubungan dan perbincangan dengan pimpinan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) sebelum wujud pakatan rasmi di peringkat pusat lagi.

"Seperti saya ceritakan, ahli-ahli parti DAP memang sudah rapat dengan kita malah sentiasa menyokong usaha kita dalam pelbagai bentuk," katanya.

Sambutan rakyat yang begitu baik katanya, merangsang beliau untuk terus menggerakkan parti dengan selesa.

"Semakin bergerak, kami semakin yakin rakyat akan bersama kita menumbangkan BN dan sekutunya," kata beliau.

JAWATANKUASA AMANAH KAWASAN KUALA KRAI SESI 2016 - 2018

- Ketua : **TAJUDIN ABDUL MAJID**
- Timbalan Ketua : **NASARUDIN BIN MOKHTAR**
- Naib 1 : **ZOLFADLI MOHAMED**
- Naib 2 : **ARIFABILLAH @ MOHD ASRI IBRAHIM**
- Ketua Awan : **ROSMAH NADARAJAN**
- Ketua Pemuda : **MUHAMMAD TAQIUDIN SHOKORDEY**
- Ketua Wanita Muda : **SITI MUNIRAH MOKHTAR**
- Setiausaha : **AZIZOL MOHAMAD**
- Penolong Setiausaha : **MOHAMAD YUSUFF MOHAMAD**
- Bendahari : **WAN AHAMAD FADZIL WAN OMAR**
- Pengarah Pilihan Raya : **SHOKORGEY MOHAMMAD**
- Pengarah Komunikasi : **ALI ISMAIL**

AHLI JAWATANKUASA

- **CHE MAT MOHD ZAIN**
- **NORAMZEE MOKHTAR**
- **MOHD AZREE MOHD NORDIN**
- **MAHATHIR ISMAIL**
- **FAIZAL ABDULLAH**
- **AHMAD MOHD ARIFIN**
- **SHUHAMI NUH**
- **NORA SOFIA NUH**

Bukan cek kosong buat Mahathir

SAYA terpaksa berehat panjang selama lebih tiga bulan, kira-kira 100 hari, bermula sebelum Ramadan lalu. Biarpun tahap kesihatan sepanjang sebulan puasa dilihat agak meningkat – dan diakui sendiri staff nurse di pusat dialisis – namun ada gangguan lain yang menghalang aktiviti menulis dan membaca.

Tambah memenatkan, 'kegiatan berfikir' juga terbantut; terasa berdenyut kepala apabila cuba merenung dan mendalami. Justeru, saya lebih gemar mendengar audio daripada menekuni bahan bacaan, apatah lagi kualiti penglihatan sering terjejas.

Ada rakan-rakan yang menawarkan bantuan untuk merakamkan pandangan saya, kemudian ditranskrip, tetapi saya rimas dengan kaedah itu. Biarlah ... mungkin ada aktiviti lebih sesuai dalam waktu sukar begini. Sebenarnya saya cuba mententeramkan hati sendiri di tengah pergolakan politik semasa yang kian kalut dan membingungkan.

Agak lama juga kehilangan nikmat menghidu aroma lembaran buku baru. Masih belum terusik naskhah yang diborong dari toko buku lebih setahun lalu. Jarang benar dapat bersantai dengan lembaran akhbar di pagi hari sambil mencicip kopi pahit. Jam 8 malam berlalu tanpa terasa mahu ikuti perkembangan di kaca TV.

Saya cuba untuk sentiasa belajar menerima dengan reda perjalanan takdir yang sebenarnya indah dan tersusun cantik itu. Hadapi dan terima apa sahaja ketentuan-Nya. Ramai teman kerap mengingatkan agar terus berdoa dan mohon bantuan kepada Allah agar jiwa rasa tenang serta ikhlas. Tentunya tidak mudah, 'kan?

Senario politik tambah warna-warni gempolannya dengan kehadiran proaktif Dr Mahathir Mohamad bersama gabungan mega pembangkang. Penubuhan Pakatan Harapan dengan hirarki barisan kepemimpinannya menyuntik rasa yakin rakyat untuk menyokong perubahan. Sebelum ini idea dan gagasan perubahan mudah dibantutkan dengan seribu satu persepsi palsu yang ditanam strategis elit penguasa.

Diteliti urutan sejarah ia adalah proses penambahbaikan yang berterusan sejak Harakah Keadilan Rakyat (1986), Angkatan Perpaduan Ummah dan Gagasan Rakyat (1990), Barisan Alternatif (1999) dan Pakatan Rakyat (2008). Nam-pak peningkatan dari satu tahap ke satu tahap. Sayangnya, Pas sebagai penggerak utama atau pelopor persefahaman barisan oposisi sebelum ini telah tercicir.



Ahmad Lutfi Othman

Dalam imiginasi mudah, sekiranya Pas kekal bersama pembangkang yang lain, dengan kekalutan parah dalam Umno dan perpecahan serius di bawah kleptokrat Najib Razak, Putrajaya nampak agak senang untuk diambil alih. Tetapi, begitu-lah putaran roda politik, segalanya tidak mesti menurut impian dan khalayan. Siasah seringkali menuntut iltizam, keberanian dan kebijaksanaan yang jitu.

Secara peribadi, saya sukar memahami silat politik Pas, khususnya sejak memutuskan tahaluf siyasi dengan DAP pada 2015. Lebih mengelirukan apabila ditamatkan hubungan dengan KeADILan tahun berikutnya. Tambah aneh, perkongsian kuasa bersama DAP dan KeADILan dalam kerajaan negeri Selangor, kekal.

Jalur pemikiran dan sifir perkiraan pemimpin Parti Islam itu nampak "berpusing-pusing dan berbelit-belit". Rasional mereka payah untuk ditelaah walaupun berpengalaman luas dalam sepak-terajang politik tanahair. Ya, parti mana yang dapat menandingi eksperimen sehebatnya, namun mendekati destinasi Pas seakan-akan kehilangan arah dan tidak dapat menentukan prioriti keutamaannya.

Berulang kali Pas menafikan kemungkinan ia bakal mengadakan kerjasama tidak formal dengan BN dalam PRU14, tetapi pemerhati politik tetap melihatnya sebagai parti yang mesra-Umno. Gerak politik tidak semestinya diumumkan secara rasmi; terkilas ikan di air sudah tahu jantan betinanya.

Ada pemimpinnya yang menimbulkan peranan baru Pas sebagai "king maker" selepas pilihan raya nanti, iaitu penentu kepada pembentukan kerajaan yang didukung BN ataupun Pakatan Harapan. Tafsiran negatuf dibuat bahawa Pas mahu menjadikan undi rakyat sebagai komoditi yang mahu diperdagangkan untuk kepentingan parti itu.

Faktor Mahathir juga bukan bagai lampu aladin. Politik kepembangkangan negara kita turut menerima impak positif, bermula faktor Tengku Razaleigh Hamzah lagi, dalam pemilihan Umno April 1987, seterusnya faktor Anwar Ibrahim dalam era Reformasi (1998). Mahathir pastinya tidak bermula daripada kosong; beliau sekadar mahu "menyempurnakannya", dengan sokongan berterusan tanpa lelah oleh gerakan pembangkang tradisi.

Malah, sebenarnya jika Pakatan Harapan yang

dipengerusikan Mahathir berjaya sekalipun, ia bukan penamat cerita panjang ini. Pakatan Harapan berbeda sama sekali dengan Umno-BN yang diterajui Mahathir selama 22 tahun dahulu. Dengan kombinasi empat parti yang dijangka hampir seimbang kekuatannya, didahului oleh komitmen reformasi institusi dan tekad pembaharuan asas yang mementingkan kesejahteraan rakyat, maka pembolotan kuasa dan gaya autokrat akan dapat dielakkan.

Mungkin ada yang berpandangan sinis terhadap "Mahathir yang baru", namun saya lebih percaya kepada faktor "semak dan imbang" dalam Pakatan Harapan. Ya, mungkin sukar untuk ditolak persepsi negatif terhadap bekas pemimpin-

pemimpin Umno yang kini bersama Bersatu, namun bagaimana dengan tiga parti komponen PH yang mengakar dengan idea reformasi, iaitu AMANAH, KeADILan dan DAP? Dan jangan lupa, faktor penyokong atau pengikut yang kritikal dan tidak mudah untuk mengaminikan saja kehendak elit atasan?

Di atas segalanya, saya tertarik dengan slogan kempen Rafizi Ramli: "Jom Bina Semula Negara!" Proses partisipasi politik harus lebih meluas dan menyeluruh, bukan sekadar untuk tempoh singkat musim pilihan raya. Usaha beri cek kosong kepada pemimpin politik kerana kita semua bertanggungjawab untuk membangunkan semula negara yang hampir hancur ini.

PROMOSI OGOS & SEPT

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA) RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

011 32334322 (EN HAKIM)

6 PH tawar lima langkah
selamatkan KTMB

10 'Felda sekarang memang
tidak ada duit'

15 1MDB pindah hutang
pada rakyat

PP18978/03/2016(034450)



Amanah

BIL 64 | 20 - 26 OGOS 2017

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR
DAN KAWASAN-KAWASAN
YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20.8.2017	5:43	5:53	7:10	13:19	16:34	19:25	20:36
21.8.2017	5:43	5:53	7:09	13:19	16:33	19:25	20:35
22.8.2017	5:43	5:53	7:09	13:19	16:32	19:24	20:35
23.8.2017	5:42	5:52	7:09	13:19	16:31	19:24	20:34
24.8.2017	5:42	5:52	7:09	13:18	16:31	19:24	20:34
25.8.2017	5:42	5:52	7:09	13:18	16:30	19:23	20:33
26.8.2017	5:42	5:52	7:09	13:18	16:29	19:23	20:33

TUN M TIDAK UNDUR

KETIKA media melaporkan, siasatan awal polis mendapati tiga suspek yang ditahan atas dakwaan mencetuskan kekacauan semasa forum Nothing to Hide 2.0 dibayar RM50 seorang untuk hadir ke majlis itu, Tun Dr Mahathir Mohamad pula tidak terkesan dengan kejadian itu.



Laporan penuh
muka 9

PH tidak terlibat runding dengan Pas

HANYA PKR mengadakan perbincangan dengan Pas tanpa melibatkan penyertaan tiga komponen parti dalam Pakatan Harapan, tegas Pengarah Pilihan Raya AMANAH Nasional, Dr Mohd Hatta Ramli. Menurutnya, Pakatan Harapan setakat ini tidak

mempunyai agenda berkaitan rundingan dengan Pas menjelang pilihan raya umum akan datang. "Pakatan Harapan tidak membincangkan perkara tersebut (rundingan dengan Pas) dan yang berbincang itu mungkin hanya Azmin. Tiada kaitan dengan

Pakatan Harapan. "AMANAHA menganggap itu sebagai perbincangan eksklusif Azmin atau PKR dan tidak ada kaitan dengan Pakatan Harapan," ujarnya ketika dihubungi.

Bersambung ke muka 2

KOMBO BUKU POLITIKAL ISLAM HANYA RM 80

011 32334322
untuk urusan pembelian

